

Cadangan Pelaksanaan Perakaunan dan
Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi
Baitulmal, Zakat
dan Wakaf Di Malaysia
(Zon 3)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

30 Jun 2020

Volum 1, 2020

[978-967-0601-18-2]

Cadangan Pelaksanaan
Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat
dan Wakaf Di Malaysia
(Zon 3)

**Cadangan Pelaksanaan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di Malaysia
(Zon 3)**

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	1
SENARAI JADUAL	3
SENARAI RAJAH	4
SENARAI RINGKASAN	5
RINGKASAN EKSEKUTIF	6
PENGHARGAAN	9
BAB 1: PENGENALAN	1
1.0 PENDAHULUAN	1
1.2 OBJEKTIF KAJIAN	4
1.3 METODOLOGI KAJIAN	4
1.4 STRUKTUR LAPORAN	6
BAB 2: KONSEP PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN MAIN	7
2.0 PENDAHULUAN	7
2.1 KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN ISLAM	7
2.1.1 <i>Dharuriyyah, Hajiyyah dan Tahsiniyyah</i>	9
2.1.2 <i>Peranan MAIN</i>	11
2.1.3 <i>Perakaunan Dana</i>	11
2.2 PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT	18
2.3 PENYATA ASET KELOLAAN (KW ZAKAT)	21
2.4 PENYATA PERUBAHAN EKUITI WAKAF (KW WAKAF)	21
2.5 PENYATA KEWANGAN GHALLAH (KW WAKAF)	21
2.6 MAKLUMAT TAMBAHAN	22
2.7 PENYATA KEWANGAN UTAMA MAIN	25
2.7.1 <i>Penyata Kedudukan Kewangan</i>	27
2.7.2 <i>Penyata Aktiviti Kewangan</i>	26
Hasil	26
Belanja	27
2.7.3 <i>Penyata Aliran Tunai (MPSAS 2)</i>	27
2.8 CADANGAN TERPERINCI MPSAS 1	28
2.9 RUMUSAN	31
BAB 3: PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM: BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF	32
3.0 PENDAHULUAN	32
3.1 KERANGKA KERJA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN ISLAM	32
3.2 PENYATA KEWANGAN UTAMA MAIN	39
3.2.1 <i>Penyata Kedudukan Kewangan</i>	40
3.2.2 <i>Definisi Aset Dalam Perakaunan Konvensional</i>	40
3.2.2.1 <i>Definisi Aset (Mal) Dalam Islam</i>	41
3.2.2.2 <i>Konsep Pemilikan Aset (Mal) Dalam Islam</i>	43
3.2.2.3 <i>Perakaunan Aset/Mal</i>	46
3.2.3 <i>Definisi Liabiliti</i>	74

3.2.3.1	Pengiktirafan dan Pengukuran Liabiliti.....	75
3.3	PENYATA AKTIVITI KEWANGAN	80
3.3.1	<i>Definisi Hasil dan Belanja</i>	80
3.3.2	<i>Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil</i>	82
3.3.3	<i>Pengiktirafan dan Pengukuran Belanja</i>	83
3.4	PENYATA ALIRAN TUNAI	86
3.5	PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT.....	90
3.6	PENYATA ASET KELOLAAN KW ZAKAT	90
3.7	PENYATA KEWANGAN GHALLAH KW WAKAF	94
3.8	PENYATA PERUBAHAN EKUITI WAKAF	97
3.8.1	<i>Penyata Prestasi Perkhidmatan</i>	97
3.9	PELAPORAN DAN PENDEDAHAN PELABURAN DAN PEGANGAN KEPENTINGAN DI DALAM ENTITI LAIN	98
3.10	RUMUSAN.....	105

BAB 4: RUMUSAN, IMPLIKASI, CABARAN, DAN HALATUJU

PENYELIDIKAN.....	107	
4.0	Pengenalan	107
4.1	RINGKASAN	107
4.1.1	<i>Objektif Kajian</i>	108
4.1.2	<i>Konsep Akauntabiliti</i>	109
4.1.3	<i>Perakaunan Dana</i>	111
4.1.6	<i>Pendedahan</i>	111
4.1.5	<i>Pengiktirafan dan Pengukuran</i>	114
4.1.6	<i>Isu-isu Penting Pengurusan Perakaunan MAIN</i>	115
4.2	BATASAN PERUNDANGAN.....	119
4.2.1	<i>Perundangan Bertulis</i>	119
4.2.2	<i>Implikasi Audit</i>	120
4.3	MEKANISME KETELUSAN	121
4.4	STRATEGI PELAKSANAAN PPIBZW	121
4.4.1	SUMBER MANUSIA	123
4.4.2	<i>Sistem Perakaunan</i>	125
4.4.3	SUMBER KEWANGAN	126
4.4.5	<i>Perkenan Sultan</i>	127
4.4.6	<i>Pelarasan Peruntukan Enakmen</i>	128
4.4.7	<i>Pelarasan Pelaporan Perakaunan antara MAIN dan Anak Syarikat</i>	128
4.5	PELAKSANAAN PPIBZW SECARA BERPERINGKAT	129
4.6	PENGURUSAN PERUBAHAN.....	131
4.7	HALATUJU PENYELIDIKAN PPIBZW	133
4.8	RUMUSAN.....	134
	SENARAI RUJUKAN	136
	LAMPIRAN A: FORMAT PENYATA KEWANGAN.....	143
	LAMPIRAN B: ILUSTRASI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MAIN	145

SENARAI JADUAL

Jadual 2. 1: Format Penyata Kedudukan Kewangan Majlis	13
Jadual 2. 2: Format Penyata Aktiviti Kewangan (Hasil dan Belanja) Majlis.....	14
Jadual 2. 3: Format Penyata Aliran Tunai Majlis	15
Jadual 2. 4: Format Penyata Kedudukan Kewangan bagi KW Zakat (Perbandingan antara tahun)	16
Jadual 2. 5: Format Penyata Aktiviti Kewangan (Hasil dan Belanja) KW Zakat (Perbandingan antara tahun).....	17
Jadual 2. 6: Format Penyata Aliran Tunai KW Zakat (Perbandingan antara tahun)	18
Jadual 2. 7: Penyata Kewangan KW BZW	24
Jadual 2. 8: Pindaan pada MPSAS 1	28
Jadual 2.9: Tambahan pada MPSAS 1	30
Jadual 3. 1: Ringkasan Pengukuran Aset KW BZW	35
Jadual 3. 2: Ringkasan Elemen Aset/Mal Perakaunan Konvensional dan Perspektif Islam..	43
Jadual 3. 3: Klasifikasi Liabiliti.....	75
Jadual 3. 4: Jenis Hasil	81
Jadual 3. 5: Pindaan pada MPSAS 2	86
Jadual 3. 6: Penyata Kewangan KW BZW.....	89
Jadual 3. 7: Penyata Perubahan Aset Kelolaan KW Zakat	90
Jadual 3. 8: Penyata Perubahan Aset Kelolaan KW Zakat	93
Jadual 3. 9: Ilustrasi Penyata Kewangan Ghallah.....	96
Jadual 3. 10: Penyata Kutipan dan Agihan Zakat.....	103
Jadual 4. 1: Senarai Objektif dan Skop Penyelidikan Keempat-empat Fasa	108
Jadual 4. 2: Peringkat Tiga Masalah.....	110
Jadual 4. 3: Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Cabaran MAIN.....	122
Jadual 4. 4: Ringkasan Perjawatan Akauntan/Penolong Akauntan/Pembantu Akauntan ...	124
Jadual 4. 5: Sistem Perakaunan MAIN.....	125
Jadual 4. 6: Sumber Kewangan MAIN.....	127

SENARAI RAJAH

Rajah 2. 1: Kerangka Konseptual Perakaunan Islam	9
Rajah 2. 2: MAIN, Baitulmal, Zakat dan Wakaf	11
Rajah 2. 3: Dana Terhad dan Dana Tidak Terhad di MAIN.....	26
Rajah 3. 1: Kerangka Kerja Perakaunan dan Pelaporan Islam (Tahap Tiga)	33
Rajah 3. 2: Ciri-ciri Kualitatif Pelaporan Islam BZW	37
Rajah 3. 3: Mandat Dan Pemilikan Aset/Mal Baitulmal, Zakat dan Wakaf di MAIN	466
Rajah 3. 4: Ringkasan Agihan/Perbelanjaan Kumpulan Wang Zakat	51
Rajah 3. 5: Kategori Aset Wakaf	73
Rajah 3. 6: Contoh Pelaburan dan Struktur Pegangan Kepentingan MAIN.....	99
Rajah 3. 7: Struktur Pentadbiran Kumpulan Wang MAIN.....	100
Rajah 4. 1: Penyata Perakaunan dan Pelaporan MAIN	113
Rajah 4. 2: Struktur A.....	116
Rajah 4. 3: Struktur B	116
Rajah 4. 4: Elemen Pengurusan Perubahan MAIN	131

SENARAI RINGKASAN

Ringkasan	Keterangan
AAOIFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
BZW	Baitulmal, Zakat dan Wakaf
DT	Debit
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
GCR	Gantian Cuti Rehat
IAS	International Accounting Standards / Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IASB	International Accounting Standards Board / Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IDB	Islamic Development Bank
IFA	Islamic Fiqh Academy
IFRS	International Financial Reporting Standards (Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa)
IPN	Institut Perakaunan Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JPPHM	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia
KAN	Ketua Audit Negara
KT	Kredit
KW	Kumpulan Wang
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

RINGKASAN EKSEKUTIF

Keunikan ciri-ciri dana baitulmal, zakat dan wakaf (lepas ini dinyatakan sebagai BZW) jelas memerlukan piawaian perakaunan khusus, yang berlandaskan tuntutan Syariah. Ketidakwujudan piawaian perakaunan seragam yang dapat memenuhi tuntutan Syariah untuk diguna pakai untuk tujuan perakaunan BZW ialah punca utama kepada permasalahan ketelusan pelaporan dana yang menjadi kritikan sehingga kini. Kesedaran ini telah membawa kepada keperluan satu kajian penting ke arah pembangunan Piawaian Perakaunan Islam (PPI) bagi BZW di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) bersama tiga buah universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Berikut adalah cadangan untuk pembangunan piawaian tersebut.

Pendedahan

Setiap kumpulan wang harus menyediakan tiga penyata kewangan utama seperti berikut:

1. Penyata Kedudukan Kewangan
2. Penyata Aktiviti Kewangan
3. Penyata Aliran Tunai.

Selain dari itu, KW Zakat harus menyediakan Penyata Kutipan dan Agihan Zakat, dan Penyata Aset Kelolaan KW Zakat. Bagi KW Wakaf pula, tiga penyata tambahan disarankan iaitu Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf, Penyata Kewangan Ghallah dan Penyata Prestasi Perkhidmatan. Selain dari itu, beberapa maklumat tambahan juga patutnya dimasukkan dalam laporan tahunan dan penyata kewangan MAIN seperti berikut:

1. Dasar-dasar perakaunan yang diguna pakai termasuk keputusan fatwa yang menjadi dasar perakaunan
2. Maklumat terperinci tentang bagaimana pendapatan dan perbelanjaan dibuat
3. Kelayakan dan pengalaman ahli lembaga pengarah
4. Jawatankuasa penasihat syariah serta kelayakan dan pengalaman
5. Jawatankuasa fatwa dan skop kerja
6. Polisi perakaunan untuk zakat dan wakaf
7. Intipati fatwa semasa berkaitan wakaf/zakat
8. Kutipan zakat mengikut lokasi

9. Indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan)
10. Agihan mengikut lokasi – bandar dan luar bandar
11. Jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf
12. Gaji dan imbuhan pegawai tertinggi

Pengiktirafan dan Pengukuran

Lazimnya, bagi aset jangka panjang, pengukuran pada pengiktirafan awal adalah pada nilai kos. Pengukuran berikutnya pula boleh menggunakan sama ada pada nilai kos atau nilai saksama. Pengukuran liabiliti hendaklah diukur pada nilai tunai atau nilai kontrak. Pengiktirafan hasil dan perbelanjaan dibuat apabila hasil telah diperolehi dan apabila perbelanjaan ditanggung. Pendapatan hendaklah diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima. Perbelanjaan juga diukur pada nilai yang dibayar atau ditanggung. Selain dari isu pendedahan, pengiktirafan dan pengukuran, ada beberapa isu penting yang harus diambil kira oleh JANM untuk pembangunan piawain bagi institusi BZW.

Perakaunan Dana

Oleh kerana setiap dana atau kumpulan wang yang ditadbir oleh MAIN mempunyai objektif dan ciri-ciri yang tersendiri dan unik, penyelidik mencadangkan agar perakaunan dana diguna pakai oleh MAIN dalam menguruskan kumpulan wang BZW. Perakaunan dana akan membezakan dana berdasarkan objektif dan jenis dana.

Pemindahan antara dana

Sekiranya terdapat transaksi di antara kumpulan wang seperti KW Wakaf meminjam daripada KW Zakat, transaksi tersebut hendaklah direkodkan dengan jelas (kasar). Walaupun kedua-dua kumpulan wang tersebut adalah di bawah pengelolaan MAIN, ia hendaklah direkodkan, diukur, dan didedahkan dengan telus mengikut transaksi yang berlaku.

Penyata Kewangan Disatukan (Consolidation)

Dalam konteks MAIN yang mentadbir pelbagai KW, penggabungan boleh diamalkan tetapi ianya perlu dilaksanakan mengikut KW masing-masing. Penyatuan antara KW tidak dibenarkan mengikut perakaunan dana. Jika MAIN mengguna pakai perakaunan dana, transaksi-transaksi yang berlaku di antara KW tidak akan dihapuskan apabila digabungkan dalam laporan kewangan MAIN. Oleh kerana setiap KW adalah satu entiti yang bebas, kami mencadangkan agar penyata kewangan bagi setiap KW tidak disatukan.

Agihan manfaat

Agihan zakat di dalam bentuk aset jangka panjang perlu direkodkan sebagai aset bagi KW Zakat. Agihan manfaat jangka pendek atau agihan manfaat dengan pemberian hak milik mutlak kepada asnaf hendaklah direkodkan sebagai belanja di dalam tahun agihan.

Perundangan

Mengambil perspektif jangka panjang, JANM harus menggabungkan dapatan kajian berkaitan batasan perundangan kesemua zon dalam melahirkan pelan induk perundangan yang bersepadu. Pelan induk ini dapat dijadikan landasan bagi merangka Akta Baitulmal, Zakat dan Wakaf negara yang lebih komprehensif dan seragam yang tetap mengekalkan kuasa DYMM Yang di-Pertuan Agong, DYMM Sultan dan Raja dan Tuan Yang Terutama/Yang DiPertua Negeri berhubung dengan hal ehwal agama Islam di negeri masing-masing.

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan naungan al-Rahman dan al-Rahim-Nya projek dan laporan penyelidikan ini telah dapat disiapkan. Bagi semua pihak yang terlibat dalam projek ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, terutama sekali kepada YBhg Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia, YBrs. En. Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan YBrs En. Sadikin bin Aton, Timbalan Akauntan Negara (Korporat), yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak kami untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Kami juga berbesar hati menyatakan penghargaan kepada Pengarah Institut Perakaunan Negara JANM, En. Burhanudin Mohd Noor dan seluruh sekretariat penyelidikan JANM yang telah memberi panduan dan menyelaras projek penyelidikan ini dengan lancar dan berkualiti, mulai dari tahap penggubalan kertas cadangan penyelidikan, pengurusan siri seminar dan akhir sekali penyediaan laporan penyelidikan ini.


Penyelidikan ini tidak mungkin lengkap dan relevan tanpa kerjasama pegawai-pegawai entiti-entiti berkenaan. Justeru, kami berbesar hati melafazkan ucapan terima kasih kepada semua responden yang berkhidmat dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Pusat Pungutan Zakat WP (PPZ WP), Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ Pahang), Pejabat JANM di Negeri-Negeri berkaitan serta Jabatan Audit Negeri Pahang. Kami juga ingin merakam penghargaan kepada pakar-pakar Syariah dan perakaunan yang telah memberikan kerjasama penuh kepada pasukan penyelidik UIAM ketika menjalankan kerja lapangan projek penyelidikan ini.

Kami berharap maklumat dan dapatan dalam laporan ini dapat membantu JANM membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan patuh Syariah demi mengukuhkan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.


Ikhlas Daripada

Pengarah Projek Penyelidikan Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
JANM

Pengurus Projek Penyelidikan
Institut Perakaunan Negara JANM



Kumpulan Penyelidikan



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونَيْتِي سِيْتِي إِسْلَامِي، إِنْتَارَا بِيْعْسِيَا مَلِيْسِيَا

Professor Dr. Maliah Sulaiman (Ketua)
Associate Professor Dr. Hafiz Majdi Abd Rashid
Associate Professor Dr. Fatima Abdul Hamid
Assistant Professor Dr. Siti Alawiah Siraj
Assistant Professor Dr. Marhanum Che Mohd Salleh
Encik Yusof Ismail

Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

Penafian

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

BAB 1: PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Terdapat banyak kritikan yang dilontarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berkenaan ketelusan dalam pelaporan dana Baitulmal Wakaf, Zakat (BZW). Secara khusus, kekurangan ketelusan dalam pelaporan dana BZW telah menimbulkan kerumitan untuk menilai prestasi institusi-institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dana berkenaan. Ketidakwujudan piawaian perakaunan yang seragam untuk diguna pakai oleh semua institusi BZW dianggap sebagai punca utama kepada permasalahan ketelusan pelaporan dana BZW. Ekoran dari ketidakwujudan piawaian perakaunan yang seragam, sebahagian MAIN telah mengamalkan perakaunan dan pelaporan berdasarkan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (*Private Entities Reporting Standards* [PERS]), manakala sebahagian yang lain telah menjadikan Garis Panduan Amalan Terbaik yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara sebagai rujukan utama dalam amalan perakaunan serta pelaporan. Terdapat juga MAIN yang telah mengamalkan klausa-klausa yang terkandung di dalam Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standard* [MPSAS]¹).

Ketidakterseragaman amalan perakaunan dan pelaporan telah menjadi cabaran utama untuk membuat perbandingan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan institusi-institusi ini, terutamanya berkaitan dana BZW. Walaupun MAIN bukanlah merupakan entiti yang menjadikan keuntungan sebagai tujuan utamanya, kewujudannya tetap bergantung kepada kekuatan pengurusannya termasuklah pengurusan dana BZW. Malah, peranan yang dimainkan oleh MAIN mungkin lebih penting kerana penyumbang, penderma dan penerima dana telah memberikan amanah kepada MAIN dengan penuh kepercayaan untuk menguruskan sumbangan dan hak mereka masing-masing dalam zakat dan wakaf. Oleh yang demikian, penilaian terhadap prestasi kewangan MAIN adalah sangat penting.

Penilaian prestasi kewangan hanya dapat dilaksanakan dengan tepat dan betul sekiranya maklumat kewangan dan bukan kewangan yang diperlukan didedahkan dengan lengkap, tepat dan diperakui. Keperluan maklumat yang lengkap, tepat dan diperakui menunjukkan betapa pentingnya piawaian perakaunan yang seragam untuk semua MAIN. Piawaian perakaunan yang seragam ini juga bukan sekadar memudahkan penilaian prestasi kewangan sesuatu MAIN

¹MAIN yang menggunakan MPSAS di Zon 3 ialah MUIP sahaja

tetapi juga membantu dalam penilaian prestasi di antara semua MAIN. Oleh itu, kualiti laporan kewangan MAIN perlu ditambah baik supaya maklumat yang dibentangkan mematuhi prinsip Syariah dan kebolehfahaman serta kebolebandingan dapat ditingkatkan. Perkara ini adalah sangat penting memandangkan pemegang taruh seperti pewakaf, pembayar zakat dan pihak asnaf perlu dimaklumkan bahawa dana BZW telah digunakan secara optimum dalam menjana manfaat.

Setelah mengenal pasti keperluan membangunkan piawaian perakaunan dan pelaporan yang seragam untuk BZW, Jabatan Akauntan Negara telah melantik tiga universiti awam tempatan (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM], Universiti Utara Malaysia [UUM] dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia [UIAM]) pada tahun 2016 untuk memulakan satu kajian amalan semasa perakaunan dan pelaporan di semua MAIN. Kajian ini juga memberi indikasi kepada keperluan untuk mewujudkan satu piawaian perakaunan dan pelaporan yang bukan hanya seragam tetapi juga terperinci dan patuh Syariah, selaras dengan keunikan dana BZW. Kajian ini dijalankan melalui 4 fasa berikut:

Fasa 1 adalah penumpuan kepada aspek pendedahan dan pelaporan maklumat atas empat MPSAS seperti berikut:

MPSAS 1 (Pembentangan Penyata Kewangan)

MPSAS 2 (Penyata Aliran Tunai)

MPSAS 3 (Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan)

MPSAS 6 (Penyatuan dan Penyata Kewangan Berasingan).

Fasa 2 pula adalah penelitian kepada aspek pengiktirafan dan pengukuran serta pendedahan dan pelaporan atas aset berdasarkan lapan MPSAS, iaitu:

MPSAS 12 (Inventori)

MPSAS 13 (Pajakan)

MPSAS 16 (Harta Pelaburan)

MPSAS 17 (Hartanah, Loji dan Peralatan)

MPSAS 21 (Rosot Nilai Aset yang tidak menjana tunai)

MPSAS 26 (Rosot Nilai Aset yang menjana tunai)

MPSAS 27 (Pertanian)

MPSAS 31 (Aset Tak Ketara).

Fasa 3 adalah penumpuan ke atas kriteria-kriteria pengiktirafan, pendedahan dan pelaporan untuk hasil dan belanja serta liabiliti bagi BZW. Sepuluh MPSAS berikut yang telah dikaji ialah:

MPSAS 4 (Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing)

MPSAS 5 (Kos Pinjaman)

MPSAS 9 (Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran)

MPSAS 11 (Kontrak Pembinaan)

MPSAS 19 (Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka)

MPSAS 23 (Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)

MPSAS 25 (Manfaat Pekerja)

MPSAS 28 (Instrumen Kewangan: Persembahan)

MPSAS 29 (Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran)

MPSAS 30 (Instrumen Kewangan: Pendedahan)

Fasa 4 pula telah memberi tumpuan ke atas kriteria-kriteria pengiktirafan, pendedahan dan pelaporan ke atas sembilan MPSAS seperti berikut:

MPSAS 14 (Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan)

MPSAS 20 (Pendedahan pihak berkaitan)

MPSAS 22 (Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum)

MPSAS 24 (Persembahan Maklumat Belanjawan)

MPSAS 34 (Penyata Kewangan Berasingan)

MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan)

MPSAS 36 (Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama)

MPSAS 37 (Pengaturan Bersama)

MPSAS 38 (Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain)

Objektif utama penyediaan laporan tambahan ini adalah untuk melihat secara keseluruhan pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPI BZW) di Malaysia. Laporan ini telah disarankan supaya dibentangkan dalam tiga bab sahaja iaitu pengenalan, cadangan dan rumusan. Walau bagaimanapun oleh kerana cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh penyelidik di Zon 3 dari Fasa 1 hingga 4 (bagi membantu di dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam BZW) merangkumi perbincangan yang agak panjang, perbincangan ini perlu dibahagikan kepada dua bab iaitu Bab 2 dan Bab 3. Bab 2 akan membincangkan konsep penyediaan dan pembentangan penyata kewangan MAIN secara keseluruhan, yang secara umumnya berdasarkan kepada cadangan-cadangan di dalam penyelidikan Fasa 1. Bab 3 pula akan membincangkan cadangan-cadangan yang telah

dikemukakan dalam Fasa 2, 3 dan 4.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Empat objektif kajian yang telah dilaksanakan dalam setiap fasa penyelidikan adalah seperti berikut:

- i. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan dengan BZW oleh Majlis Agama Islam Negeri (dan entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri).
- ii. Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi institusi BZW.
- iii. Mengenal pasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi BZW.
- iv. Membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf untuk diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) yang memenuhi keperluan Syariah (Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan perundangan sivil berbanding MPSAS.

Dalam Fasa 4 ini pihak Institut Perakaunan Negara (IPN) telah menghendaki penyelidik menyediakan satu laporan tambahan bagi memenuhi objektif kajian yang kelima iaitu:

- v. Mencadangkan maklumat komprehensif dari segi aplikasi, praktikal dan kerelevanan bagi semua elemen pendedahan maklumat dan peristiwa dalam Penyata Kewangan yang memenuhi keperluan Syariah dan perundangan bagi institusi-institusi BZW berkaitan baitulmal, zakat dan wakaf sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi institusi-institusi tersebut.

1.3 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data ialah kaedah triangulasi di mana pengumpulan data dijalankan melalui temu bual dan perbincangan kumpulan fokus (data primer) serta semakan dokumen (data sekunder). Kombinasi data yang diperolehi melalui temu bual dan perbincangan kumpulan fokus dan semakan dokumen digunakan untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual dan pembangunan perakaunan Islam BZW. Penyata Kewangan MAIN bagi tahun 2015 telah digunakan untuk mencapai objektif Fasa 1

manakala Penyata Kewangan MAIN bagi tahun 2016 telah digunakan untuk Fasa 2 dan Fasa 3 dan seterusnya, untuk Fasa 4, Penyata Kewangan MAIN bagi tahun 2017 telah digunakan sebagai rujukan kajian. Selain dari semakan ke atas Penyata Kewangan yang tertentu, data kajian juga dikumpul dari semakan Al-Quran, Hadis, Ijmak, Qias, perundangan Syariah Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah.

Sampel kajian untuk Zon 3 terdiri daripada 4 MAIN, iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) serta entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam mentadbirkan BZW. Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam, kajian ini telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data; iaitu metodologi yang bersandarkan kepada pandangan Imam Al-Syatibi (1975) (*Maqasid al-Syariah*), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam Al-Suyuti (1985) dan kaedah pengumpulan data berpandukan kepada '*generic inquiry method*'. Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, pengumpulan data secara temu bual menjadi keutamaan bagi mendapatkan kesahihan lakaran Kerangka Kerja Konseptual yang dicadangkan. Ini telah melibatkan pakar-pakar muamalat, Syariah dan ekonomi/kewangan Islam. Kajian juga melibatkan wakil-wakil institusi BZW serta pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam bagi mendapatkan pandangan mereka dalam mengenal pasti dan mengesahkan perakaunan dan pelaporan hasil, perbelanjaan dan liabiliti yang patuh Syariah.

1.4 STRUKTUR LAPORAN

Struktur laporan ini adalah seperti berikut:

- Bab 1 menggariskan latar belakang kajian, objektif penyelidikan dan metodologi kajian,
- Bab 2 membentang cadangan secara keseluruhan pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam di Malaysia,
- Bab 3 membentang cadangan terperinci pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf bagi setiap elemen dalam penyata kewangan (iaitu aset, liabiliti, hasil dan belanja),
- Bab 4 membuat rumusan, membincangkan limitasi kajian dan seterusnya mencadangkan hala tuju kajian.

BAB 2: KONSEP PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN MAIN

2.0 PENDAHULUAN

Objektif utama penyediaan laporan ini adalah untuk melihat secara keseluruhan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh penyelidik Zon 3 bermula dari Fasa 1 hingga 4 bagi membantu pembangunan dan pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW). Sepertimana yang telah dinyatakan dalam Bab 1, perbincangan mengenai cadangan-cadangan dibahagikan kepada dua bab untuk tujuan perbincangan yang lebih terperinci. Bab 2 akan membincangkan konsep penyediaan and pembentangan penyata kewangan MAIN, yang secara umumnya berdasarkan kepada cadangan-cadangan di dalam Fasa 1. Perbincangan dalam bab ini akan memberi gambaran keseluruhan mengenai tiga penyata penting bagi setiap kumpulan wang di bawah kawal selia MAIN iaitu, KW Baitulmal, KW Zakat dan KW Wakaf. Perbincangan terperinci mengenai elemen tertentu dalam setiap penyata (iaitu aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja) akan dibincangkan di dalam Bab 3. Secara ringkas, pada dasarnya, Bab 2 menumpukan kepada cadangan yang dibuat dalam Fasa 1 sementara Bab 3 pula membincangkan pelaksanaan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa 2, 3 dan 4.

2.1 KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN ISLAM


Untuk membangun Piawaian Perakaunan Islam BZW patuh Syariah, tiga peringkat kerangka kerja konseptual perakaunan Islam telah dibincangkan dalam setiap laporan bagi Fasa 1, 2, 3 dan 4. Tahap teratas ialah dasar dan konsep asas pembentukan kerangka kerja konseptual pelaporan institusi Islam. Dasar piawaian perakaunan Islam adalah merujuk kepada konsep tauhid (mengEsakan Allah) dan konsep asas pula adalah berdasarkan konsep manusia sebagai khalifah. Konsep khalifah ini pula berhubung kait dengan konsep akauntabiliti holistik yang merangkumi tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT (*Hablum minallah*), dan tanggungjawab sesama manusia dan tanggungjawab pada alam sekitar (*Hablum Minannas*). Dalam konteks ini, MAIN sebagai institusi yang bertanggungjawab mengurus harta dan dana Islam (i.e baitulmal, zakat dan wakaf), seharusnya memelihara kedua-dua hubungan dengan Allah (pencipta alam) dan juga hubungan sesama manusia dan alam sekitar dalam menguruskan harta BZW. Sebagai manifestasi akauntabiliti MAIN, dasar ketauhidan dan

konsep asas khalifah ini akan menjadi tunjang kepada Piawaian Perakaunan Islam BZW.

Kerangka kerja konseptual ini yang menekankan konsep kebertanggungjawaban (akauntabiliti) akan memastikan Maqasid Syariah tercapai dengan mengambil kira tiga peringkat masalah (*dharuriyyah*, *hajiyyah*, dan *tahsiniyyah*) di dalam aspek penjagaan and pemeliharaan aset MAIN. Ini adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab manusia dalam memakmur dan juga membangunkan dunia berdasarkan kepada Maqasid Syariah dengan memelihara lima perkara asas kehidupan manusia, iaitu agama, akal, jiwa, keturunan (nasab) dan harta. Masalah *dharuriyyah* menumpu kepada lima perkara dari Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, akal, jiwa, keturunan, dan harta. Masalah *dharuriyyah* juga merupakan masalah yang sangat penting dalam kehidupan di mana apabila berlaku pengabaian maka setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang itu akan membawa kerosakan kepada masyarakat. Masalah *hajiyyah* adalah kemestian untuk memenuhi hajat di mana harta itu dibelanjakan ke arah kebaikan. Masalah yang ketiga pula adalah masalah *tahsiniyyah* di mana tujuan masalah ini adalah untuk mencapai perpaduan di antara umat Islam agar hidup dalam keharmonian.

Tahap kedua kerangka kerja konseptual ialah menekankan peranan MAIN sebagai pemegang amanah harta BZW di mana ia harus menjalankan tanggungjawab sebagai pentadbir harta baitumal, ‘amil zakat dan mutawalli bagi harta wakaf. Fokus tahap ketiga pula ialah dari segi pelaksanaan mekanisma akauntabiliti iaitu melalui sistem perakaunan Islam. Pada tahap inilah cadangan berkaitan perakaunan Islam akan dikemukakan supaya satu set piawaian perakaunan Islam patuh Syariah BZW dibangunkan. Rajah 2.1 memberi lakaran yang jelas mengenai kerangka kerja konseptual yang dicadangkan.

Rajah 2. 1: Kerangka Konseptual Perakaunan Islam



2.1.1 Dharuriyyah, Hajiyyah dan Tahsiniyyah

Pemeliharaan terhadap masalah manusia terangkum di bawah lima kategori utama yang mesti dipelihara. Imam Al-Syatibi berkata yang mempunyai maksud seperti berikut:

“Adapun dharuriyyah, maksudnya ialah sesuatu yang mesti ada dalam membina masalahat agama dan dunia. Tanpa kewujudan kepentingan-kepentingan asas ini, maka urusan kehidupan dunia tidak akan berjalan dengan betul. Tetapi ia akan rosak, kacau bilau serta kehidupan akan musnah. Manakala pada kehidupan akhirat, hilangnya kesejahteraan dan kenikmatan dan kembali dengan kerugian yang nyata.” (Al-Syatibi, 1975)

Imam al-Mahalli pula berkata yang mempunyai maksud seperti berikut:

“(al-Dharuriy) ialah sesuatu yang sangat diperlukan sehingga sampai ke tahap terdesak, terpaksa dan tidak dapat dielakkan.” (Al-Suyuti, 2012)

Menurut Ibn ‘Ashur (2006), maqasid peringkat *dharuriyyah* adalah masalah yang sangat penting bagi seluruh manusia, di mana sistem kehidupan manusia akan terganggu dan terjejas tanpanya. Apabila ia tidak dilaksanakan, maka keadaan umat akan rosak dan kacau bilau. Al-Zuhaily (1986) pula menyebutnya sebagai: “Masalah yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia sama ada keagamaan atau keduniaan. Apabila ia hilang, maka kehidupan dunia akan cacat, kerosakan akan menyebar luas dan kebahagiaan abadi (di akhirat) akan hilang. Sebagai gantinya iaitu hukuman di akhirat.” (Lihat Usul al-Fiqh al-Islami oleh al-Zuhaily, hal. 1020) (<https://www.muftiwp.gov.my>).

Jika diaplikasikan dalam konteks pelaporan, *dharuriyyah* adalah tahap paling utama yang mana pendedahan dalam pelaporan pada tahap ini adalah pendedahan ‘wajib’ yang melibatkan pendedahan maklumat asas. Maklumat asas ini mesti didedahkan oleh semua institusi yang terlibat bagi mencapai tujuan pelaporan iaitu untuk penzahiran akauntabiliti kepada Allah SWT dan masyarakat sejagat dan juga pembuatan keputusan.

Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut dalam laporan boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak tercapai dan boleh memberi implikasi negatif kepada manusia dan pengguna laporan khususnya. Mengikut pandangan Al-Syatibi (1975), darjah *dharuriyyah* ini ~~memenuhi~~ semua lima elemen maqasid syariah iaitu agama, jiwa/nyawa, akal, keturunan dan harta. Darjah *hajiyyah* dalam konteks pelaporan adalah penting untuk menambah pemahaman prestasi pengurusan entiti. Berdasarkan darjah keutamaan ini, pendedahan maklumat ini akan memberi penjelasan kepada maklumat asas (*dharuriyyah*) dan akan memudahkan kefahaman serta kelapangan kepada pihak berkepentingan khususnya pengguna laporan. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak dapat dicapai dengan sempurna dan mungkin boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna laporan. Manakala darjah *tahsiniyyah* adalah darjah keutamaan yang paling rendah dimana pendedahan maklumat adalah bagi tujuan pengukuhan kepada pendedahan sedia ada. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut tidak menjejaskan pencapaian tujuan pelaporan. Malah pendedahan maklumat tersebut dapat membantu entiti memperkukuhkan penzahiran akauntabiliti. Contoh yang paling jelas untuk mengaplikasikan darjah keutamaan ini adalah pendedahan maklumat agihan zakat.


Pendedahan maklumat tentang agihan zakat kepada lapan kategori asnaf seperti yang disyariatkan dalam Islam dalam bentuk penyata kewangan adalah menepati darjah *dharuriyyah* iaitu pendedahan yang mesti dilaksanakan. Pendedahan maklumat terperinci bagi setiap

kategori asnaf dalam nota akaun adalah menepati darjah *hajiyyah* iaitu untuk memberi penjelasan kepada maklumat asas khususnya pengguna pelaporan dalam membuat keputusan dan juga menjelaskan lagi penzahiran akauntabiliti. Manakala agihan zakat yang digambarkan dalam bentuk rajah, carta atau graf adalah elemen-elemen tambahan yang menepati darjah keutamaan *tahsiniyyah*. Pendedahan ini bertujuan untuk mengukuhkan pendedahan maklumat agihan zakat. Apa yang lebih penting ialah cadangan yang diberi bagi isu tertentu selepas ini akan membincangkan ketiga-tiga tahap pendedahan *dharuriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* bagi maklumat-maklumat tersebut.

2.1.2 Peranan MAIN

Berdasarkan kepada tahap kedua di dalam Kerangka Kerja Konseptual Piawaian Perakaunan Islam, kami menyimpulkan bahawa MAIN adalah badan induk yang mengawal dan mengurus beberapa kumpulan wang utama seperti baitulmal, zakat dan wakaf. MAIN adalah badan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan harta baitulmal dan wakaf serta dana zakat. Secara umumnya di Malaysia, semua akta/enakmen negeri berkaitan pentadbiran agama Islam telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas. Selain daripada itu, MAIN juga menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua nazar am dan semua amanah khairat yang diwujudkan di negeri berkenaan yang bertujuan untuk kemajuan Islam dan umatnya. Walau bagaimana pun terdapat perbezaan berkaitan struktur dan peranan Baitulmal diantara MAIN. Secara tradisional, Baitulmal berperanan mengurus dana zakat, wakaf dan sumber am. Walau bagaimana pun, secara praktis khususnya di Malaysia, Baitulmal juga merujuk satu kumpulan dana yang ditadbir oleh MAIN. Di MUIP, MAIDAM dan MAIK, Baitulmal adalah salah satu kumpulan wang yang diurus bersama-sama dua kumpulan wang utama yang lain seperti KW Zakat, dan KW Wakaf. Di MAIDAM, dana ini dikenali sebagai Kumpulan Wang Pentadbiran. Tambahan pula, di MAIDAM, terdapat satu lagi kumpulan dana yang penting iaitu dana Al-Rahnu. Untuk tujuan penyeragaman, Kerangka Kerja Konseptual Piawaian Perakaunan Islam (rujuk Rajah 2.2) mencadangkan MAIN sebagai badan induk dan mentadbir tiga kumpulan wang utama iaitu zakat, wakaf dan Baitulmal/ Pentadbiran/ Sumber Am. Rajah 2.2 memberi lakaran peranan MAIN sebagai badan induk.

Rajah 2. 2: MAIN, Baitulmal, Zakat dan Wakaf



2.1.3 Perakaunan Dana

Tunjang kepada Konsep Perakaunan Islam yang dicadangkan oleh penyelidik adalah konsep Perakaunan Dana. Cadangan ini selari dengan *Statement of Recommended Practice* (SORP, 2019) untuk badan-badan amal di United Kingdom. SORP menyifatkan bahawa tujuan utama Laporan Tahunan Pemegang Amanah adalah untuk memastikan bahawa badan tersebut secara umumnya bertanggungjawab kepada pihak yang berkepentingan untuk pengawasan dan pengurusan dana yang dipegangnya. Ini akan lebih membantu pemegang taruh untuk membuat keputusan ekonomi dan sosial berhubung dengan badan amal tersebut. Secara umumnya, institusi bukan bermotifkan keuntungan seperti MAIN, menerima dan mengurus dana daripada pelbagai sumber. Oleh kerana terdapat pelbagai sumber dana yang perlu diurus oleh MAIN selaku pemegang amanah, sistem perakaunan yang diamalkan boleh menjadi agak kompleks. Penyata kewangan perlu disediakan untuk setiap dana yang ditadbir sebagai langkah melaksanakan akauntabiliti kepada penyumbang dana. Konsep perakaunan dana yang membuat pendedahan melalui pelaporan yang berasingan bagi setiap penyata kumpulan wang iaitu penyata KW Baitulmal, KW Zakat dan penyata KW Wakaf, lebih menekankan kepada penzahiran akauntabiliti dan bukan hanya dasar keuntungan. Ini bermakna setiap dana atau kumpulan wang merupakan satu entiti yang berasingan.

Perkara yang penting yang hendak ditekankan di sini ialah perakaunan dana adalah sesuai dengan aktiviti MAIN berdasarkan kepada dua faktor. Pertama, institusi bukan bermotifkan keuntungan seperti MAIN mempunyai struktur kewangan yang terdiri dari

pelbagai dana, berbeza dari institusi komersial yang bermotifkan keuntungan. Kedua, objektif MAIN yang pelbagai sebagai pentadbir dana dan aset amanah juga adalah berbeza daripada organisasi komersial. Setiap dana yang ditadbir oleh MAIN adalah unik dan mempunyai objektif pengwujudannya serta ciri-ciri tersendiri. Oleh itu, jika format pelaporan penyata kewangan oleh organisasi yang bermotif keuntungan diguna pakai oleh MAIN dalam penyediaan penyata kewangan, ianya boleh menimbulkan kekeliruan dan besar kemungkinan akan menyalah arahkan penilaian kewangan pengurusan organisasi bukan bermotifkan keuntungan tersebut (Herzlinger dan Sherman, 1980). Sebagai contoh, dalam prinsip perakaunan untuk organisasi komersial, sekatan ke atas aset dan baki dana akan dijelaskan dalam nota penyata kewangan. Lazimnya, nota-nota penyata kewangan tidak dibaca dengan teliti seperti laporan yang lain. Ini berlainan dengan perakaunan dana yang menggabungkan sekatan-sekatan tersebut dalam “muka” penyata kewangan (“*face of the accounts*”) tersebut. Contoh khas yang boleh diulas di sini ialah berkenaan dengan “*interfund transfers*” (pemindahan antara dana). Sebagai contoh, jika satu pinjaman KW Wakaf telah diberi kepada KW Baitulmal, transaksi ini akan ditunjukkan dengan jelas dalam “muka” penyata kewangan kedua-dua kumpulan wang. Amalan yang digunakan oleh MAIN sekarang tidak menunjukkan dengan jelas “*interfund transfers*” tersebut. Penelitian ke atas transaksi ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam dalam Bab 3, khususnya dalam aspek pelaburan dan pembinaan bangunan.

Secara ringkas, jika MAIN mengamalkan perakaunan dana untuk merekodkan aktiviti mereka, penyata kewangan dan maklumat tertentu bagi setiap kumpulan wang haruslah disertakan dalam laporan tahunan MAIN seperti berikut:

1. **Penyata Kedudukan Kewangan** menunjukkan perihal aset dan liabiliti dan dana yang disimpan.
2. **Penyata Aktiviti Kewangan** (*Statement of Financial Activities [SoFA]*) yang memberikan analisis mengenai hasil dan belanja dan pergerakan dana.
3. **Penyata Aliran Tunai**

Pengkelasan dana KW Zakat, Wakaf dan Baitulmal dengan tujuan berbeza menjadikan pelaporan kolumnar (berlajur) sebagai satu mekanisma mudah dan jelas dalam menjelaskan isu-isu pelaporan di MAIN. Dengan ini penyelidik mencadangkan agar Penyata Kewangan MAIN disediakan secara kolumnar untuk ketiga-tiga KW utama ini dan satu kolumn lagi menunjukkan jumlah KW Disatukan secara gabungan seperti di Jadual 2.1, 2.2 dan 2.3.

Jadual 2. 1: Format Penyata Kedudukan Kewangan Majlis

	Nota	KW Baitul-Mal	KW Zakat	KW Wakaf	Jumlah
		RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa					
Bangunan, Loji dan Peralatan		XXX	XXX	XXX	XXX
Hartanah Pelaburan		XXX		XXX	XXX
Aset Pertanian		XXX		XXX	XXX
Pelaburan Saham (Aset Kewangan)		XXX			XXX
Pelaburan Sukuk (Aset Kewangan)		XXX			XXX
Wakaf Saham				XXX	XXX
Aset Tidak Ketara		XXX			XXX
Memberi Pinjaman Jangka Panjang		XXX	XXX	XXX	XXX
					XXX
Aset Semasa					XXX
Tunai dan Bank		XXX	XXX	XXX	XXX
Inventori		XXX			XXX
Akaun Belum Terima (Penghutang)		XXX	XXX	XXX	XXX
Pelaburan Jangka Pendek		XXX	XXX	XXX	XXX
Amanah/Deposit		XXX		XXX	XXX
Jumlah Aset		XXX	XXX	XXX	XXX
Ekuiti dan Rizab					
Lebihan Berkumpul Dana Terhad Dana Tidak Terhad Dana Endowmen		XXX	XXX	XXX	XXX
Agihan Manfaat Berkumpul			XXX		XXX
Rizab Penilaian Semula Aset		XXX	XXX	XXX	XXX
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing			XXX		XXX
Lebihan Nilai Aset Istibdal				XXX	XXX
Liabiliti Semasa					
Akaun Belum Bayar (Pemiutang)		XXX	XXX	XXX	XXX
Manfaat Pekerja Yang Belum Dibayar (Jangka Pendek)		XXX			XXX
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman Jangka Panjang		XXX	XXX	XXX	XXX
Manfaat Pekerja (Jangka Panjang)					
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		XXX	XXX	XXX	XXX

Jadual 2. 2: Format Penyata Aktiviti Kewangan (Hasil dan Belanja) Majlis

	Nota	KW Baitul-Mal	KW Zakat	KW Wakaf	Jumlah
		RM	RM	RM	RM
Hasil					
Hasil jualan inventori (anak syarikat)		XXX	XXX		XXX
Hasil jualan borang, buku, bahan cetakan		XXX			XXX
Kutipan Zakat			XXX		XXX
Wakaf tunai diterima				XXX	XXX
Pendapatan Sewaan		XXX		XXX	XXX
Perolehan dan Keuntungan Pelaburan		XXX	XXX	XXX	XXX
Hibah		XXX	XXX	XXX	XXX
Pelbagai Terimaan		XXX	XXX	XXX	XXX
Keuntungan dari Perubahan Nilai Saksama		XXX		XXX	XXX
Hasil keuntungan aset yang dilupuskan		XXX	XXX	XXX	XXX
Hasil yuran-yuran		XXX	XXX		XXX
Royalti			XXX		XXX
Pampasan pengambilan tanah oleh kerajaan/Istibdal		XXX		XXX	XXX
Belanja					
Agihan zakat (7 asnaf)			XXX		XXX
Agihan manfaat semasa zakat			XXX		XXX
Bahagian amil zakat			XXX		XXX
Perkhidmatan dan Bekalan		XXX	XXX	XXX	XXX
Susut Nilai		XXX			XXX
Emolumen		XXX		XXX	XXX
Kerugian dari Perubahan Nilai Saksama		XXX		XXX	XXX
Kerugian aset yang dilupuskan		XXX		XXX	XXX
Kos pentadbiran		XXX	XXX	XXX	XXX
Kos pemulihan dan penyelenggaraan harta wakaf				XXX	XXX
Kos manfaat pekerja		XXX			XXX
Lebihan/(Kurangan)		XXX	XXX	XXX	XXX/(XXX)

Jadual 2. 3: Format Penyata Aliran Tunai Majlis

	KW Baitulmal	KW Zakat	KW Wakaf	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Terimaan				
Zakat		X		X
Wakaf Tunai			X	X
Istibdal Tunai			X	X
Pulangan Pelaburan	X	X	X	X
Sewa Bangunan	X	X	X	X
Pulangan Dari Simpanan Tetap	X	X	X	X
Terimaan Dari KW Zakat (Bahagian Amil)	X			X
Lain-Lain				
Bayaran				
Agihan kepada Asnaf		(X)		
Kos Pekerja	(X)	(X)	(X)	(X)
Persaraan	(X)	(X)	(X)	(X)
Pembekal	(X)	(X)	(X)	(X)
Agihan kepada Penerima Wakaf			(X)	(X)
Lain-Lain				
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	X	X	X	X
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(X)	(X)	(X)	(X)
Terimaan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	X	X	X	X
Terimaan daripada jualan pelaburan	X	X	X	X
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	X	X	X	X
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Terimaan dari KW Wakaf		X		X
Bayaran kepada KW Zakat			(X)	
Bayaran balik pinjaman kepada KW Baitulmal		(X)		(X)
Terimaan dari KW Zakat	X			
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	X	X	X	X
Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	X	X	X	X
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	X	X	X	X
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	X	X	X	X

Perbincangan terperinci mengenai butiran yang dikemukakan dalam setiap penyata kewangan akan dibuat dalam Bab 3.

Deraf Pendedahan Piawaian Perakaunan Islam BZW yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengkehendaki persembahan penyata kewangan dibuat dalam enam (6) lajur dimana maklumat perbandingan dari tahun yang sebelumnya juga dikemukakan dalam satu penyata. Oleh kerana pembentangan sebegini mungkin mengelirukan pemegang taruh (sebab terlalu banyak maklumat yang dipersembahkan), penyelidik mencadangkan agar *setiap KW* menyediakan penyata kewangan yang mempamerkan angka perbandingan dari tahun yang sebelumnya. Sebagai contoh, Jadual 2.4, 2.5 dan 2.6 mengemukakan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Aktiviti Kewangan dan Penyata Aliran Tunai (mengikut turutan) bagi KW Zakat.

Jadual 2. 4: Format Penyata Kedudukan Kewangan bagi KW Zakat (Perbandingan antara tahun)

	Nota	2018	2017
		RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Bangunan, Loji dan Peralatan		XX	XX
Pinjaman jangka panjang		XX	XX
Aset Semasa			
Tunai dan Bank		XX	XX
Akaun Belum Terima		XX	XX
Pelaburan		XX	XX
Jumlah Aset		XXX	XXX
Ekuiti dan Rizab			
Lebihan Terkumpul		XX	XX
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar		XX	XX
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman Jangka Panjang		XX	XX
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		XXX	XXX

Jadual 2. 5: Format Penyata Aktiviti Kewangan (Hasil dan Belanja) KW Zakat (Perbandingan antara tahun)

	Nota	2018	2017
		RM	RM
Hasil			
Kutipan Zakat	1	XX	XX
Pendapatan Sewaan			
Perolehan dan Keuntungan Pelaburan		XX	XX
Hibah		XX	XX
Pelbagai Terimaan		XX	XX
Keuntungan dari Perubahan Nilai Saksama	2		
Belanja			
Agihan Zakat	1	XX	XX
Perkhidmatan dan Bekalan		XX	XX
Susut Nilai			
Emolumen			
Kerugian dari Perubahan Nilai Saksama	2		
Lebihan Hasil/Belanja		XXX	XXX

Jadual 2. 6: Format Penyata Aliran Tunai KW Zakat (Perbandingan antara tahun)

	2018	2017
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Terimaan		
Zakat	X	X
Pulangan Pelaburan	X	X
Sewa Bangunan	X	X
Pulangan Dari Simpanan Tetap	X	X
Lain-Lain	X	X
Bayaran		
Agihan Pada Asnaf		
Kos Pekerja	(X)	(X)
Persaraan	(X)	(X)
Pembekal	(X)	(X)
Lain-Lain	(X)	(X)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	X	X
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Belian hartanah, loji dan peralatan	(X)	(X)
Terimaan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	X	X
Terimaan daripada jualan pelaburan	X	X
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	X	X
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Terimaan daripada pinjaman KW Wakaf	X	X
Bayaran balik pinjaman dari KW Baitulmal	(X)	(X)
Pengagihan/dividen kepada kerajaan	(X)	(X)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	X	X
Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	X	X
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	X	X
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	X	X

Berdasarkan kepada amalan semasa institusi zakat, di mana agihan zakat telah diberi dalam bentuk manfaat, kami mencadangkan satu lagi penyata tambahan untuk KW Zakat iaitu Penyata Kutipan dan Agihan Zakat.

2.2 Penyata Kutipan dan Agihan Zakat

Sepertimana yang telah dijelaskan di atas, maklumat terimaan zakat dan agihan kepada lapan (8) asnaf hendaklah didedahkan mengikut prinsip *hajiyyah* iaitu memberi penjelasan ke atas maklumat asas. MAIN sering dikritik kerana mempunyai baki wang zakat yang berlebihan pada akhir tahun. Kritikan ini boleh di atasi jika pihak MAIN menjelaskan bahawa sebahagian besar jumlah wang zakat ini diterima pada akhir tahun dan pihak MAIN tidak sempat mengagihkan kutipan zakat tersebut dalam tahun ianya diterima. Pengagihan hanya akan berlaku pada tahun berikutnya.

Pendedahan tambahan berkaitan dengan kutipan zakat tersebut di nota penyata kewangan akan memberi penerangan yang jelas kepada pemegang taruh. Isu ini akan juga dibincangkan apabila MPSAS 14 (Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan) dibincangkan dalam Bab 3. Untuk memenuhi masalah *hajiyyah*, penyelidik juga mencadangkan satu lagi penyata tambahan bagi KW Zakat yang harus dikemukakan iaitu Penyata Aset Kelolaan (KW Zakat).

2.3 Penyata Aset Kelolaan (KW Zakat)

Penyata ini khusus untuk membuat pendedahan mengenai aset-aset yang diperolehi atau dibina menggunakan dana KW Zakat. Aset-aset ini secara kebiasaannya diperolehi atau dibina untuk tujuan pengagihan dalam bentuk manfaat dalam jangka masa panjang kepada asnaf tertentu. Penyata Aset Kelolaan ini akan diterangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 3.

Selari dengan cadangan oleh *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) di dalam ED 4/2019 (perenggan 34 – 36, *Financial Reporting by Waqf Institutions*), kami juga mencadangkan dua penyata tambahan untuk KW Wakaf iaitu Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf dan Penyata Ghallah (KW Wakaf).

2.4 Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf (KW Wakaf)

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Wakaf akan menunjukkan pergerakan dalam pelbagai komponen ekuiti KW Wakaf dalam tahun perakaunan tersebut. Penyata ini, khususnya, akan memperlihatkan *pergerakan* yang berkaitan dengan Ghallah (*yield of waqf investments*) dan pembahagian pulangan / keuntungan dalam pergerakan lebihan / defisit terkumpul yang masih belum diperuntukkan lagi.

2.5 Penyata Kewangan Ghallah (KW Wakaf)

Penyata Kewangan Ghallah pula ialah satu penyata yang menggambarkan sifat sebenar institusi Wakaf di mana pengiraan Ghallah dan pengagihannya kepada penerima manfaat wakaf dalam satu tahun perakaunan dipersembahkan. Lazimnya, maklumat tersebut telah pun diambil kira dalam Penyata Aktiviti Kewangan dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Wakaf. Penyata Kewangan Ghallah mengumpulkan maklumat dari kedua-dua penyata tersebut dan mempersembahkan di dalam satu penyata. Kedua-dua penyata ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 3.

Nota penyata kewangan yang mengandungi maklumat seperti berikut:

- i. dasar-dasar perakaunan yang diguna pakai termasuk fatwa yang memberi kesan kepada amalan perakaunan,
- ii. maklumat terperinci tentang bagaimana pendapatan dan perbelanjaan dibuat, dan
- iii. maklumat tambahan mengenai perkara-perkara tertentu.

Khusus bagi KW Wakaf, dicadangkan penyediaan *Penyata Prestasi Perkhidmatan* untuk memberikan maklumat bukan kewangan terutamanya untuk membantu pengguna memahami prestasi operasi institusi Wakaf. Penyata ini membolehkan pewakif menilai kecekapan dan keberkesanan pihak pengurusan dalam menguruskan dana wakaf dan seterusnya memberi keyakinan kepada pewakif untuk meningkatkan lagi pemberian wakaf kepada MAIN. Penyata ini hendaklah disertakan dalam nota penyata kewangan atau sebagai satu lampiran pada penyata kewangan. Penyata ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab 3.

2.6 Maklumat tambahan

Selain dari maklumat di atas, ada beberapa maklumat tambahan penting yang mesti di dedahkan dalam laporan tahunan dan penyata kewangan MAIN seperti berikut:

- Kelayakan dan pengalaman Ahli Majlis
- Jawatankuasa Penasihat Syariah serta kelayakan dan pengalaman ahlinya
- Jawatankuasa Fatwa dan skop tanggungjawab
- Polisi perakaunan untuk zakat dan wakaf
- Intipati fatwa semasa berkaitan wakaf/zakat
- Kutipan zakat mengikut lokasi
- Indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan)
- Agihan mengikut lokasi –bandar dan luar bandar
- Jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf
- Gaji dan imbuhan pegawai tertinggi

Maklumat berkenaan kelayakan dan pengalaman Ahli Majlis, ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah dan ahli Jawatankuasa Fatwa mesti didedahkan oleh kerana maklumat tersebut boleh mencerminkan kredibiliti MAIN. Pendedahan polisi perakaunan untuk zakat dan wakaf pula akan membolehkan pihak berkepentingan menentukan sama ada jumlah bagi zakat dan wakaf yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah benar dan saksama (*true and fair*). Pendedahan

mengenai fatwa yang dikeluarkan dalam tahun perakaunan bagi sesuatu isu akan menunjukkan fatwa yang kontemporari dan bertepatan dengan peristiwa yang khusus. Pendedahan maklumat kutipan zakat mengikut lokasi, indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan) dan agihan mengikut lokasi (bandar dan luar bandar) memenuhi tahap hajiyyah. Pada dasarnya, apa yang dimaksudkan di sini ialah maklumat tersebut mampu memberikan penjelasan lebih lanjut lagi kepada pihak berkepentingan mengenai zakat yang diterima dan diagihkan. Memandangkan hanya pulangan pelaburan dari dana wakaf sahaja yang boleh diagihkan kepada penerima, adalah mustahak keputusan pelaburan dibuat oleh pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman dalam hal tersebut. Ini ialah untuk mengelakkan sebarang kerugian yang mungkin berlaku. Oleh itu, maklumat jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf haruslah didedahkan dalam laporan tahunan MAIN. Lazimnya, organisasi yang bermotifkan keuntungan akan mendedahkan gaji dan imbuhan ketua eksekutif organisasi tersebut. Selari dengan ini, kami juga mencadangkan agar gaji dan imbuhan pegawai tertinggi MAIN didedahkan dalam laporan tahunan. Dengan maklumat tersebut, pihak-pihak berkepentingan boleh membuat kesimpulan yang saksama.

Senarai di atas walaubagaimanapun adalah tidak terhad (not exhaustive). Maklumat berkaitan dengan zakat dan wakaf akan juga dibincangkan semasa isu tertentu berkenaan zakat dan wakaf dibentangkan dalam Bab 3. Jadual 2.7 menyediakan senarai penyata kewangan bagi setiap kumpulan wang.

Jadual 2. 7: Penyata Kewangan KW BZW


Penyata	KW Baitulmal	KW Zakat	KW Wakaf
1. Penyata Aktiviti Kewangan	√	√	√
2. Penyata Kedudukan Kewangan	√	√	√
3. Penyata Aliran Tunai	√	√	√
4. Penyata Kutipan dan Agihan Zakat		√	
5. Penyata Aset Kelolaan		√	
6. Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf			√
7. Penyata Kewangan Ghallah			√
8. Nota Penyata Kewangan <ul style="list-style-type: none"> i. dasar-dasar perakaunan yang diguna pakai ii. maklumat terperinci tentang bagaimana pendapatan dan perbelanjaan dibuat, dan iii. maklumat tambahan mengenai perkara-perkara tertentu: <p>Contoh: <i>Penyata Prestasi Perkhidmatan</i></p>	√	√	√
9. Maklumat Tambahan <ul style="list-style-type: none"> i. Kelayakan dan pengalaman ahli lembaga pengarah ii. Jawatankuasa penasihat Syariah serta kelayakan dan pengalaman iii. Jawatankuasa fatwa dan skop kerja iv. Polisi perakaunan untuk zakat dan wakaf v. Intipati fatwa semasa berkaitan wakaf/zakat vi. Kutipan zakat mengikut lokasi vii. Indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan) viii. Agihan mengikut lokasi –bandar dan luar bandar ix. Jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf x. Gaji dan imbuhan pegawai tertinggi 	√	√	√

2.7 PENYATA KEWANGAN UTAMA MAIN

Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, tiga penyata kewangan asas yang perlu disediakan oleh MAIN ialah Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Aktiviti Kewangan, dan Penyata Aliran Tunai. Perenggan berikut akan memberikan penerangan yang lebih lanjut berkaitan dengan dasar penyediaan ketiga-tiga penyata tersebut. Penyata Aliran Tunai perlu disediakan oleh kerana asas penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Aktiviti Kewangan adalah berdasarkan asas akruan. Di samping itu, perbincangan mengenai polisi perakaunan dan perubahan di dalam jangkaan perakaunan juga akan diberikan di hujung seksyen ini.

Perakaunan dana membezakan dana berdasarkan objektif dan jenis dana. Sebagai contoh, ia membezakan antara dana yang terhad dan tidak terhad. Dana terhad hanya boleh digunakan bagi maksud kebajikan khusus manakala dana tidak terhad boleh digunakan untuk sebarang tujuan amal kebajikan. Isu ini amat relevan dalam konteks pelaporan BZW kerana setiap satu dana ini berbeza dari segi objektif, sifat dan penerima manfaat. Dana terhad (juga dikenali sebagai dana amanah) dibahagi kepada dua kategori iaitu dana pendapatan terhad dan dana endowmen (sumbangan). Dana endowmen ini juga dikenali sebagai dana modal. Dalam konteks MAIN, dana terhad terdiri dari KW Zakat dan KW Wakaf. Bagi KW Zakat, dana tersebut akan hanya boleh dibahagikan kepada 8 asnaf seperti yang tertera dalam Surah At-Taubah (ayat 60). Walau bagaimanapun, bahagian yang diberi kepada amil boleh dikategorikan sebagai dana tidak terhad apabila ianya dipindahkan ke dalam KW Baitulmal. Bagi KW Wakaf pula, dana yang diperolehi dalam bentuk tunai ataupun dalam bentuk aset merupakan dana terhad. Lazimnya, wakaf tunai yang diterima digunakan untuk membeli aset tetap seperti hartanah atau pelaburan dan jumlah hartanah dan pelaburan sebegini dianggap sebagai dana endowmen (dana modal) dan 'corpus' endowmen ini hendaklah dikekalkan. Hanya pendapatan seperti penyewaan hartanah dan pendapatan pelaburan tersebut boleh diserahkan kepada penerima manfaat. Walau bagaimanapun, penggunaan pendapatan tersebut adalah terhad mengikut ketentuan dari pewakaf. Rajah 2.3 berikut memberi ringkasan mengenai dana terhad, dana tidak terhad dan dana endowmen. Satu dana yang unik bagi KW Wakaf ialah wang istibdal. Dana istibdal merujuk kepada wang tunai yang diperolehi dari pertukaran aset wakaf. Dana tersebut adalah bersifat sementara kerana ia harus digunakan untuk membeli aset lain bagi menggantikan aset yang telah diserahkan kepada pihak tertentu untuk tujuan pertukaran aset. Isu mengenai dana istibdal dan bagaimana ia harus dipersembahkan dalam penyata kewangan KW Wakaf akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 3.

Rajah 2. 3: Dana Terhad dan Dana Tidak Terhad di MAIN



2.7.1 Penyata Kedudukan Kewangan

Secara umumnya, transaksi berkaitan aset berlaku pada semua kategori kumpulan wang, terutamanya berkaitan aliran tunai. Kategori aset konvensional iaitu aset semasa dan aset bukan semasa boleh diguna pakai di dalam penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan MAIN. Antara cadangan utama yang diberikan oleh penyelidik Zon 3 adalah seperti berikut:

- i. Praktis semasa MAIN bagi KW Zakat dan KW Wakaf ialah tidak mengakaunkan aset bukan semasa (non-current assets) bagi kumpulan wang tersebut. Mutakhir ini, agihan zakat dalam bentuk manfaat (dari aset bukan semasa) telah menjadi kebiasaan sebagai salah satu bentuk agihan zakat di MAIN. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat adalah menjadi tanggungjawab MAIN untuk merekodkan aset berkenaan yang menjadi sumber manfaat kepada penerima zakat. Ini adalah untuk menjadikan penyata kedudukan kewangan tersebut lebih telus dan tepat. Contohnya, sekiranya dana zakat digunakan bagi membangunkan kompleks bagi golongan muafak, kompleks tersebut perlu direkodkan di bawah kelas bangunan. Oleh itu, segala perbelanjaan berkaitan dengan bangunan tersebut perlu direkodkan sebagai aset seperti berikut:

Dt Bangunan
Kt Tunai

Walau bagaimanapun, penyelidik bersetuju bahawa perbelanjaan bagi pembelian aset jangka pendek seperti pembelian mesin jahit dan enjin bot direkodkan sebagai perbelanjaan dengan memenuhi beberapa syarat seperti hak milik hendaklah diserahkan kepada asnaf tersebut.

- ii. Kedua, penyelidik juga mencadangkan segala penerimaan aset bukan semasa seperti bangunan dan tanah untuk tujuan wakaf perlu direkodkan sebagai aset di bawah KW Wakaf seperti berikut:

Dt Bangunan / Tanah
Kt Ekuiti

Walau bagaimanapun, merekodkan aset bukan semasa bagi KW Zakat hanya akan berlaku pada bangunan kerana matlamat utama pembinaan bangunan tersebut adalah untuk memberi manfaat kepada asnaf tertentu. Bagi KW Wakaf, merekodkan aset bukan semasa boleh dipanjangkan kepada Hartanah Pelaburan dan Aset Pertanian kerana aset wakaf tersebut boleh

digunakan bagi tujuan sewaan dan aktiviti pertanian untuk tujuan penjanaaan hasil.

- iii. Secara umumnya, setiap kategori aset semasa boleh wujud di dalam setiap kategori kumpulan wang melainkan beberapa kategori aset seperti inventori. Kami berpendapat pembelian inventori hanya berlaku untuk KW Baitulmal. Wang zakat tidak boleh digunakan untuk aktiviti perniagaan. Hal ini dijelaskan dalam ayat 60 Surah at-Taubah yang bermaksud,

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Ayat ini menegaskan bahawa harta zakat hanya berhak diberi kepada golongan-golongan yang disebut di atas dimana ianya tidak boleh dibelanjakan untuk tujuan lain. Bagi KW Wakaf pula, aset wakaf yang kenyakkannya dalam bentuk tanah dan bangunan, adalah tidak dibenarkan untuk diperniagakan. Hadis daripada Ibnu Umar r.a telah menjelaskan perkara ini seperti berikut:

Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar dan kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya.

Umar: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini.

Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya.

Lalu Umar mengeluarkan sedekah dari hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan.

Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu.

Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya

(Muttafaq a'laih dan susunan matan tersebut menurut riwayat Muslim)

- iv. Pinjaman jangka panjang diantara KW perlu direkodkan dengan tepat dan telus: aset bukan semasa di KW yang memberi pinjaman dan liabiliti bukan semasa KW yang meminjam. Ini adalah untuk menunjukkan perpindahan dana diantara KW telah berlaku. Isu kerumitan penggunaan dana untuk menjalankan sesebuah projek dengan menggunakan dana daripada kumpulan wang yang berbeza juga mesti diberi perhatian. Sebagai contoh, sesuatu projek wakaf yang dilaksanakan melalui pendanaan-silang dari KW Zakat atau/dan dari KW Baitulmal memerlukan olahan perakaunan secara jelas menunjukkan aliran dana tersebut. Juga, yang penting di sini ialah sama ada satu-satu dana berkenaan dibenarkan untuk pembiayaan projek tersebut.

Perkara sebaliknya juga boleh berlaku iaitu sama ada projek tersebut dibenarkan untuk menerima bantuan dari kumpulan wang lain. Perakaunan dan pelaporan aktiviti tersebut perlulah dijalankan dengan jelas bagi menunjukkan pemindahan dana telah berlaku. Satu penyata seiras penyata ekuiti boleh digunakan untuk menangani isu ini. Seperti yang telah dibincangkan di atas, penjelasan berkaitan pemindahan antara satu kumpulan wang ke kumpulan wang yang lain amatlah penting untuk didedahkan. Penyelidik juga mencadangkan agar kenyataan tambahan dibuat dalam nota penyata kewangan seperti sebab terjadinya pemindahan dan had masa yang diberikan untuk pembayaran balik (jika berkenaan).

Satu persoalan di sini ialah sama ada dana terhad (restricted funds) seperti dana KW Zakat boleh digunakan oleh pemegang amanah bagi tujuan aktiviti atau projek tertentu. Walau bagaimanapun, agihan kepada amil akan menjadi dana tidak terhad apabila ianya telah diserahkan kepada pentadbir zakat dan amalan semasa MAIN menunjukkan bahagian amil ini dipindah ke KW Baitulmal (sila rujuk Rajah 2.3).

- v. Selari dengan perakaunan dana, penerimaan wakaf tunai perlu direkodkan sebagai hasil dalam KW Wakaf

2.7.2 Penyata Aktiviti Kewangan

Secara umum, format pembentangan Penyata Aktiviti Kewangan secara konvensional boleh diguna pakai di dalam penyediaan penyata tersebut oleh MAIN, tertakluk kepada beberapa pindaan. Pengkelasan hasil dan belanja setiap kumpulan wang mengikuti aktiviti tertentu akan memberi gambaran yang lebih jelas kepada pemegang taruh atas kecekapan dan keberkesanan MAIN menguruskan dana setiap kumpulan wang. Sebagai contoh, perbelanjaan yang dikeluarkan untuk mengumpulkan dana wakaf akan menunjukkan kecekapan MAIN dalam mempertingkatkan jumlah dana tersebut.

Hasil

Secara umumnya terdapat 2 jenis hasil: hasil dari transaksi pertukaran dan bukan pertukaran. Lima kategori hasil dicadangkan mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti berikut:

- i. Kutipan wang zakat dan wang tunai yang diwakafkan. Terimaan tersebut merujuk kepada sumbangan sukarela yang diterima yang akan menjadi hasil dalam KW Zakat dan KW Wakaf mengikut turutan.
- ii. Hasil daripada aktiviti amal yang dijalankan dimana hasil yang diterima melalui pembekalan barang-barang atau perkhidmatan di bawah perjanjian berkontrak. Sebagai contoh, agensi kerajaan meminta MAIN menjalankan program berkala bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu zakat dan wakaf. Sebagai balasan, pihak MAIN akan mendapat imbuhan bagi perkhidmatan tersebut.
- iii. Hasil daripada aktiviti untuk mengumpul dana bagi aktiviti kebajikan tertentu atau bagi penajaan dana kumpulan wang tertentu.
- iv. Hasil pelaburan yang merujuk kepada pendapatan pelbagai pelaburan seperti pelaburan dari wang wakaf tunai atau pelaburan dari wang zakat untuk jangka pendek (seperti yang di buat oleh MAIN dengan wang zakat yang tidak digunakan untuk beberapa bulan).
- v. Lain-lain hasil selain dari empat kategori pendapatan yang dinyatakan di atas.

Belanja

Bagi belanja pula, berikutan dengan prinsip padanan (*matching*) dalam perakaunan, terdapat beberapa pilihan untuk memadankan belanja pada hasil yang diperolehi. Belanja bolehlah dikategorikan kepada belanja untuk kos penjanaan dana, kos aktiviti kebajikan dan kos pentadbiran bagi setiap kumpulan wang. Sebagai contoh, kos penjanaan dana ialah ganjaran yang diberikan kepada ejen-ejen untuk mengutip zakat atau pun wakaf tunai. Perbelanjaan tersebut haruslah dipadankan kepada kumpulan wang tertentu. Kos aktiviti amal merujuk kepada wang yang dibelanjakan untuk menjana pendapatan dari aktiviti amal. Akhir sekali, kos pentadbiran merujuk kepada kos operasi mengurus BZW. Cara pengkelasan sebegini boleh memberi maklumat yang jelas kepada pemegang taruh mengenai belanja yang dikeluarkan bagi setiap aktiviti untuk menjana pendapatan bagi setiap kumpulan wang.

2.73 Penyata Aliran Tunai (MPSAS 2)

Sejajar dengan cadangan kami bahawa MAIN mengguna pakai perakaunan dana, secara otomatik, setiap kumpulan wang perlu menyediakan penyata aliran tunai yang berasingan. Oleh itu, setiap KW akan melaporkan penyata aliran tunai masing-masing. Amalan sebegini akan memberi gambaran yang lebih tepat dan adil mengenai aktiviti BZW dan seterusnya menunjukkan ketelusan dalam pelaporan MAIN.

Tujuan utama Penyata Aliran Tunai adalah untuk menyediakan maklumat mengenai bagaimana sebuah entiti menggunakan tunai yang diamanahkan atau dihasilkan dari aktiviti-aktivitinya. Walaupun MPSAS 2 (Seksyen 27) membenarkan penggunaan kaedah langsung atau tidak langsung dalam laporan kedudukan aliran tunai, yang disyorkan ialah kaedah langsung. Ini ialah kerana kaedah langsung boleh memberi maklumat tambahan bagi menganggar aliran tunai masa hadapan. Memandangkan kaedah langsung memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai sumber dan penggunaan wang tunai daripada kaedah tidak langsung, kami mencadangkan agar MAIN menggunakan kaedah langsung untuk penyediaan Penyata Aliran Tunai bagi setiap kumpulan wang. Antara maklumat penting yang dilaporkan di bawah kaedah langsung yang berkaitan dengan kajian ini ialah wang tunai terkumpul daripada penderma/penyumbang, tunai yang dibayar kepada pembekal-pembekal dan tunai yang dibayar kepada kakitangan. Berhubung dengan laporan aliran tunai pelaburan dan pembiayaan aktiviti (Seksyen 31, 32 & 35), rangka laporan seperti yang dicadangkan oleh SORP (Modul 2) mengenai perakaunan dana mungkin boleh diambil kira dalam menangani aspek akauntabiliti dan ketelusan. Satu perkara yang agak penting yang

bercanggah dengan hukum Syariah dalam penyediaan penyata kewangan MAIN termasuk Penyata Aliran Tunai ialah penggunaan istilah ‘faedah’. Kami mencadangkan istilah ini tidak digunakan dalam piawaian selaras dengan semangat Syariah. Sebaliknya, istilah *pulangan* sepatutnya digunakan menggantikan ‘faedah’.

2.8 Cadangan Terperinci MPSAS 1

Ada beberapa pindaan dan tambahan perenggan kepada MPSAS 1 yang telah dicadangkan dalam laporan Fasa 1. Jadual 2.8 di bawah membentangkan perkara-perkara yang harus dipinda dalam membangunkan piawaian perakaunan dan pelaporan khas untuk BZW.

Jadual 2. 8: Pindaan pada MPSAS 1

Perenggan	Kandungan	Huraian
1	Objektif	Pembentangan penyata kewangan untuk pelaporan oleh entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf (BZW) Mematuhi tuntutan Syariah
3	Pengguna	Pihak berkepentingan terdiri daripada pembayar zakat, pewakaf, asnaf, pihak pengurusan, orang awam
4	Pemakaian piawaian dan penyediaan penyata kewangan disatukan	Piawaian ini perlu diguna pakai oleh entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf
5	Pemakaian piawaian	Piawaian ini perlu diguna pakai oleh entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf
7 & 7A	Definisi	Aset Amanah Istibdal Wakaf Wakaf Am Wakaf Khas
8-10	Entiti Ekonomi	Contoh yang bersesuaian dengan Entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
15-18	Tujuan Penyata Kewangan	Pelaksanaan tanggungjawab oleh entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf selaras dengan tuntutan Syariah yang menggambarkan kecekapan dan keberkesanan entiti

21	Set Penyata Kewangan Lengkap	<p>Penyata berasingan bagi setiap kumpulan wang</p> <p><i>KW Baitulmal</i> Penyata Aktiviti Kewangan Penyata Kedudukan Kewangan Penyata aliran tunai.</p> <p><i>KW Zakat</i> Penyata Aktiviti Kewangan Penyata Kedudukan Kewangan Penyata aliran tunai. Penyata Aset Kelolaan</p> <p><i>KW Wakaf</i> Penyata Aktiviti Kewangan Penyata Kedudukan Kewangan Penyata aliran tunai. Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf Penyata Kewangan Ghallah</p> <p>Nota Penyata tambahan yang bersesuaian <i>Penyata Prestasi Perkhidmatan</i></p>
22-25	Penerangan dan perincian kepada perenggan 21	Pinda agar selari dengan peruntukan perenggan 21
26	Penerangan tentang pematuhan kepada akta	Penerangan tentang pematuhan tuntutan Syariah
45	Kematerialan & Agregasi	Pendedahan diperlukan untuk memenuhi tuntutan Syariah sungguhpun jumlah tersebut tidak material/signifikan (ciri kualitatif penting)
88	Maklumat minimum yang perlu didedahkan di muka Penyata Kedudukan Kewangan	<p><i>KW Baitulmal</i> Penyata Aktiviti Kewangan Penyata Kedudukan Kewangan Penyata aliran tunai.</p> <p><i>KW Zakat</i> Penyata Aktiviti Kewangan Penyata Kedudukan Kewangan Penyata aliran tunai. Penyata Aset Kelolaan</p> <p><i>KW Wakaf</i> Penyata Aktiviti Kewangan Penyata Kedudukan Kewangan Penyata aliran tunai. Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf Penyata Kewangan Ghallah</p> <p>Nota Penyata tambahan yang bersesuaian: Contoh: Penyata Prestasi Perkhidmatan</p>
94	Perincian kepada perenggan 93	Item tambahan yang bersesuaian untuk Baitumal, Zakat dan Wakaf.
102	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Prestasi Kewangan	Item tambahan yang bersesuaian untuk Baitumal, Zakat dan Wakaf.

		Contoh: Hasil pelaburan harta Wakaf, Belanja pengurusan harta Wakaf, Belanja penyelenggaraan harta wakaf.
113-114	Contoh pengkelasan berdasarkan fungsi belanja	Kategori belanja bagi setiap kumpulan wang: Belanja untuk kos penjanaaan dana Belanja kos aktiviti kebajikan Belanja kos pentadbiran
118	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti	Item tambahan yang bersesuaian untuk Baitulmal, Zakat dan Wakaf
119	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti atau dalam Nota	Item tambahan yang bersesuaian untuk Baitulmal, Zakat dan Wakaf
127	Struktur nota kepada akaun	Pematuhan tuntutan Syariah
129-131	Perincian kepada perenggan 127 & 128	Pematuhan tuntutan Syariah
132	Pendedahan Polisi Perakaunan	Pematuhan tuntutan Syariah

Bagi MPSAS 1, terdapat lima (5) perenggan yang dicadangkan ditambah dalam pembangunan PPIBZW seperti dalam Jadual 2.9.

Jadual 2.9: Tambahan pada MPSAS 1

<ul style="list-style-type: none"> i. Keperluan mengenai pematuhan Syariah ii. Satu kenyataan tentang pematuhan Syariah tersebut iii. Pendedahan Fatwa iv. Perincian kepada perenggan Pendedahan Fatwa v. Pendedahan maklumat bukan kewangan seperti: <ul style="list-style-type: none"> Maklumat Asas Institusi Lembaga Pemegang Amanah Jawatankuasa Penasihat Syariah Jawatankuasa Fatwa Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kawalan Dalaman Tadbir Urus Pekerja & Pekerjaan Persekitaran/Alam Sekitar

2.9 RUMUSAN

Secara ringkas, cadangan yang dikemukakan ialah supaya MAIN menggunakan perakaunan dana bagi pelaporan BZW. Ini bermakna bahawa setiap kumpulan wang (KW Baitulmal, KW Zakat dan KW Wakaf) perlu menyediakan satu set penyata kewangan yang lengkap. Penyata kewangan yang lengkap terdiri dari Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Aktiviti Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Terimaan dan Agihan Zakat (KW Zakat), Penyata Ghallah (KW Wakaf), Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf (KW Wakaf) berserta dengan nota-nota yang relevan. Maklumat yang seharusnya dilengkapkan dalam laporan tahunan termasuk kelayakan dan pengalaman Ahli Majlis, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Jawatankuasa Fatwa dan skop kerja, polisi perakaunan untuk zakat dan wakaf, intipati fatwa semasa berkaitan wakaf/zakat, kutipan zakat mengikut lokasi, indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan), agihan mengikut lokasi bandar dan luar bandar, jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf dan maklumat lain yang perlu dari semasa ke semasa yang akan menunjukkan kecekapan dan keberkesanan MAIN melaksanakan tugas sebagai pemegang amanah kumpulan wang tersebut. Penyelidik juga menekankan agar penyata kewangan disediakan secara kolumnar (lajur) untuk KW Baitulmal, KW Zakat dan KW Wakaf dan satu bahagian lagi menunjukkan jumlah kumpulan wang.

BAB 3: PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM: BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF

3.0 PENDAHULUAN


Bab 3 membincangkan secara lebih terperinci perakaunan dan pelaporan BZW sepertimana yang dilakarkan di Rajah 3.1 di bawah. Perbincangan bab ini akan tertumpu kepada tiga Penyata Kewangan utama iaitu Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Aktiviti Kewangan dan Penyata Aliran Tunai serta elemen-elemen penting setiap penyata kewangan berkenaan. Perbincangan akan merujuk kepada kerangka kerja perakaunan dan pelaporan Islam.

3.1 KERANGKA KERJA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN ISLAM

Kerangka Kerja Perakaunan dan Pelaporan Islam (Tahap Tiga) ini adalah asas rujukan kepada pembangunan Piawai Perakaunan Islam BZW (PPIBZW). Dua tahap kerangka ini telah dibincangkan dalam Bab 2. Kerangka Kerja pada tahap 3 ini lebih menumpukan kepada aspek amalan perakaunan dan pelaporan seperti elemen aset, liabiliti, hasil dan belanja.

Menurut Rajah 3.1 di bawah (dan telah pun dibincangkan dalam Bab 2), penyelidik mencadangkan perakaunan dana diguna pakai untuk merekod transaksi-transaksi yang melibatkan dana BZW di mana kumpulan wang yang berasingan diwujudkan untuk Baitulmal, Zakat, dan Wakaf. Seterusnya item-item dalam laporan kewangan disenaraikan di sebelah kiri bermula daripada aset, belanja, liabiliti, dan hasil. Penerangan bagaimana ia perlu diiktiraf (pengiktirafan), diukur (pengukuran), dan didedahkan (pendedahan) mengikut setiap kumpulan wang dibuat dalam perenggan-perenggan seterusnya.

Rajah 3. 1: Kerangka Kerja Perakaunan dan Pelaporan Islam (Tahap Tiga)



Pertama, pengiktirafan aset seperti hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan, dan inventori hendaklah dibuat mengikut sumber dana (kumpulan wang) yang digunakan untuk memperoleh aset berkenaan. Ringkasan pengukuran aset dipamerkan dalam Jadual 3.1. Secara umumnya terdapat dua tahap pengukuran bagi aset KW Baitulmal, Zakat dan Wakaf iaitu pengukuran awal dan pengukuran seterusnya. Pengukuran awal boleh dilakukan menggunakan nilai kos atau nilai saksama manakala pengukuran-pengukuran seterusnya boleh menggunakan model kos, model penilaian semula atau nilai saksama. Walau bagaimanapun, aset kewangan seperti saham dan sukuk dinilai pada nilai semasa dan kos terlunas; aset tunai diukur mengikut nilai semasa terimaan. Di dalam pengiraan kos awal, kita hendaklah mengambil kira konsep kos optimum. Sebagai contoh, kos yang berunsur kecauaian tidak seharusnya diambil kira dalam kos awal aset tersebut. Seterusnya, aset bagi KW Wakaf yang bertujuan sosial seperti tanah kubur, masjid dan seumpamanya boleh diukur mengikut nilai saksama, nilai sejarah, atau nilai nominal. Bagi aset wakaf yang boleh dikomersialkan, ia hendaklah diukur mengikut nilai saksama atau semasa. Secara keseluruhannya, segala aset bagi ketiga-tiga kumpulan wang hendaklah didedahkan menurut hierarki kemaslahatan sama ada bersifat *dharuriyah* (sangat penting untuk didedahkan), *hajiyyah* (boleh didedahkan mengikut keperluan masyarakat), atau *tahsiniyyah*

(pendedahan akan menambah baik lagi persembahan perakaunan setiap kumpulan wang).

Kedua, bagi liabiliti serta perbelanjaan yang melibatkan ketiga-tiga kumpulan wang ini ia hendaklah diiktiraf mengikut jenis kontrak yang terlibat. Sebagai contoh, kontrak pembiayaan yang melibatkan KW Baitulmal atau KW Zakat boleh mengguna pakai kontrak *mudharabah* (pelaburan) atau *musyarakah* (perkongsian) di mana MAIN berperanan sebagai rakan kongsi kepada pihak yang memerlukan pembiayaan dan keuntungan dikongsi mengikut nisbah yang dipersetujui. Pengiktirafan dan pengukuran hendaklah dibuat berdasarkan kepada jenis kontrak pembiayaan yang diguna pakai dan sebarang keuntungan/kos pembiayaan Islam hendaklah dibuat berdasarkan nilai semasa sama ada ianya akan melibatkan keuntungan atau perkongsian untung/rugi. Sepertimana urusan niaga yang lain, pendedahan yang dicadangkan juga dibuat secara berhierarki iaitu maklumat dikategorikan kepada tiga tingkatan masalah: maklumat yang penting dibentangkan dalam muka penyata kewangan (*dharuriyyah*), maklumat pelengkap dalam nota (*hajiyyah*) dan maklumat yang diinginkan dibentangkan dalam nota juga (*tahsiniyyah*). Sebagai contoh amaun pembiayaan dan keuntungan pembiayaan adalah dikategorikan sebagai pendedahan *dharuriyyah* dimana sekiranya ia tidak didedahkan, penyata kewangan MAIN tidak akan memberi gambaran benar dan saksama (true and fair). Secara kesimpulannya, menurut kaedah Islam, ‘Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum’ (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة).

Ketiga, bagi tujuan pengiktirafan hasil, hanya hasil yang memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan dari perspektif Syariah sahaja yang boleh diiktiraf sebagai hasil. Sekiranya terdapat hasil yang bertentangan dengan Syariah, maka ianya dicadangkan diiktiraf sebagai hasil KW Amanah dan hendaklah dibayar kepada penerima/benefisiari yang ditetapkan oleh pengurusan. Amalan yang sama diguna pakai oleh institusi kewangan Islam dimana sekiranya terdapat hasil yang tidak patuh Syariah, ianya akan disalurkan kepada kepada badan-badan amal untuk tujuan kebajikan seperti penyediaan kemudahan awam (masalah umum). Ia adalah berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009 iaitu harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. Diserahkan kepada baitulmal untuk masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
- ii. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
- iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau

tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada baitulmal”.

Jadual 3. 1: Ringkasan Pengukuran Aset KW BZW

Aset Baitulmal	Pengukuran Awal	Pengukuran Seterusnya
Bangunan, Loji dan Peralatan	Nilai Kos	Model kos atau model penilaian semula
Hartanah Pelaburan	Nilai Kos	Nilai kos atau Nilai saksama
Aset Pertanian	Nilai saksama	Nilai saksama
Aset tidak ketara	Nilai kos / Nilai saksama	Model kos (<i>amortization</i>) atau model penilaian semula
Aset kewangan (saham)	Nilai Kos	Nilai semasa
Aset kewangan (sukuk)	Kos terlunas [<i>amortized cost</i>]	Kos terlunas [<i>amortized cost</i>]
Pinjaman Jangka Panjang	Nilai kontrak (nilai yang akan diterima)	Nilai kontrak (nilai yang akan diterima)
Tunai dan Bank	Nilai tunai	Nilai tunai
Amanah/Deposit	Nilai tunai	Nilai tunai
Inventori (termasuk inventori anak syarikat)	Kos	Nilaian terendah di antara nilai kos dan nilai direalisasi bersih [<i>Lower of cost or net realizable value</i>]
Akaun Belum Terima (Penghutang)	Nilai kontrak	Nilai yang akan diterima
Aset Zakat	Pengukuran Awal	Pengukuran Seterusnya
Aset tetap – bangunan	Nilaian Kos	Model kos atau model penilaian semula
Aset tetap – kenderaan/alatan (bukan serahan mutlak)	Nilaian Kos	Model kos
Aset tunai (wang kutipan)	Nilai tunai	
Pinjaman Jangka Panjang	Nilai kontrak (nilai yang akan diterima)	Nilai kontrak (nilai yang akan diterima)
Tunai dan Bank	Nilai tunai	Nilai tunai
Akaun Belum Terima (Penghutang)	Nilai kontrak	Nilai akan diterima
Aset Wakaf	Pengukuran Awal	Pengukuran Seterusnya
Bangunan dan Hartanah (aset komersial)	Nilai Kos	Model kos atau model penilaian semula
Bangunan dan Hartanah (aset sosial)	Nilai Kos	Nilai nominal
Hartanah Pelaburan	Nilai Kos	Nilai saksama
Wakaf saham	Nilai saksama	Nilai saksama
Pinjaman Jangka Panjang	Nilai kontrak (nilai yang akan diterima)	Nilai kontrak (nilai yang akan diterima)
Wakaf tunai	Nilai tunai	Nilai tunai
Akaun Belum Terima (Penghutang)	Nilai kontrak	Nilai akan diterima
Amanah/Deposit	Nilai tunai	Nilai tunai

Seterusnya, pengukuran hasil dicadangkan menggunakan nilai tunai atau kesetaraan tunai, atau nilai kontrak seperti di dalam kontrak ijarah. Di dalam perakaunan konvensional, mereka juga mengguna pakai kaedah nilai kini (*present value*). Walau bagaimanapun, penggunaan faedah tertaksir di dalam pengukuran nilai kini adalah tidak patuh Syariah. Oleh itu, sekiranya kaedah nilai kini hendak diguna pakai, penyelidik mencadangkan penggunaan faedah tertaksir diganti dengan asas yang patuh Syariah seperti penggunaan indeks harga umum (*general price index*) sepertimana yang lazim digunakan dalam “*hyperinflation economies*” (MFRS 129). Manakala, bagi pendedahan hasil KW BZW, ia hendaklah dibuat mengikut hierarki kemaslahatan ummah iaitu *dharuriyyah* (yang penting), *hajiyyah* (pelengkap) dan *tahsiniyyah* (yang diingini). Pendedahan berdasarkan hierarki ini akan memberi satu laporan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MAIN. Peringkat terakhir kerangka kerja perakaunan dan pelaporan Islam memberi penumpuan kepada elemen kualitatif pendedahan dan pelaporan seperti maklumat berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama oleh MAIN atau entiti BZW (rujuk Rajah 3.2).


Penyelidik mencadangkan agar ciri-ciri kualitatif yang disarankan oleh MPSAS 1, *International Accounting Standards Board* (IASB) dan juga AAOIFI diadaptasi dalam peringkat ini. Ini adalah selaras dengan objektif pelaporan kewangan iaitu untuk memberikan maklumat kewangan yang berguna mengenai entiti (IASB, 2018, Para 1.2). Ini adalah selari dengan objektif perakaunan kewangan yang disarankan oleh AAOIFI yang menyatakan bahawa penyata kewangan harus menyediakan maklumat yang berguna kepada pemegang taruh untuk membolehkan mereka membuat keputusan dalam urusan mereka dengan institusi tersebut (AAOIFI, Para 3.1.4, ms 9). Dalam konteks MAIN, objektif penyata kewangan ialah untuk memberi maklumat yang berguna kepada pembayar zakat, pewakaf dan juga kepada pihak lain yang berkepentingan, seperti penerima manfaat, kerajaan negeri dan orang awam.

Menurut *Statement of Financial Accounting* (SFA) No. 1 (AAOIFI), institusi Islam harus berusaha untuk mencapai “maklumat pelaporan kewangan berkualiti tinggi” (perenggan 8.1). Untuk tujuan ini, AAOIFI mencadangkan tiga kriteria penting pelaporan kewangan iaitu gambaran yang benar dan saksama (*true and fair view*), maklumat yang boleh diguna pakai untuk membuat keputusan (*decision usefulness*) dan ketelusan (*transparency*) (perenggan 8.1). Laporan kewangan bagi institusi berlandaskan Islam perlu melaporkan gambaran yang benar dan saksama mengenai realiti ekonomi entiti pelapor seperti prestasi dan kedudukan kewangannya. Pematuhan persyaratan ini adalah berdasarkan konsep kebertanggungjawaban (*accountability*). Laporan kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama sepatutnya berguna untuk membuat keputusan oleh pihak berkepentingan. Sebaliknya laporan kewangan yang tidak benar dan saksama akan menjadi sia-sia

kerana akan menyebabkan kekeliruan dan boleh mengakibatkan keputusan yang tidak tepat. “Ketelusan” amat penting kepada entiti Islam yang menyediakan maklumat kewangan. Surah Al-Baqarah (ayat 282) menegaskan kepentingan amalan merekod apa sahaja urusan niaga yang dilakukan dengan jujur dan telus disamping “pemahaman” urusan niaga berkaitan seperti maksud berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu...”

Rajah 3. 2: Ciri-ciri Kualitatif Pelaporan Islam BZW



Oleh yang demikian, penyampaian maklumat hendaklah ringkas tetapi jelas (AAOIFI, Para 8.2.1, ms 29) sepertimana yang dijelaskan dengan tepat oleh AAOIFI (SFA No. 1):

"... mereka yang menyediakan penyata kewangan perlu sedar bahawa kenyataan itu tidak dikeluarkan untuk kepentingan akauntan lain. Sebaliknya, ia disediakan untuk manfaat pengguna luaran yang mungkin mempunyai pengetahuan yang terhad."

Cadangan oleh AAOIFI di atas dicadangkan supaya diperluaskan penerimaannya oleh MAIN. Entiti pelapor yang berteraskan kepada prinsip Islam bertanggungjawab mewujudkan keseimbangan yang optimum dalam pelaporan meliputi aspek ketelusan (*transparency*) dan kebolehfahaman (*understandability*). Ini akan memastikan penyata kewangan dapat dibentangkan dengan telus, difahami dengan mudah, dan berguna kepada pemegang taruh dan seterusnya menunjukkan MAIN telah pun menjalankan tanggungjawab kepada ummah.

Seterusnya, dalam memastikan gambaran yang benar dan saksama, pihak pelapor hendaklah memastikan ia mematuhi konsep intipati ekonomi dan bentuk (*economic substance and form*) di sisi undang-undang. MAIN sebagai sebuah agensi awam perlu mematuhi undang-undang persekutuan/negeri, dan Syariah Islam dalam pelaporan setiap urus niaganya. Oleh yang demikian, konsep "intipati mengatasi bentuk" (*substance over form*) tidak dikategorikan sebagai ciri kualitatif yang berasingan di bawah "kebolehpercayaan" mengikut SFA No. 1AAOIFI, malah entiti pelapor hendaklah memastikan bahawa keseluruhan laporan kewangan adalah "benar dan saksama" dari segi intipati semua urus niaga dan undang-undang untuk memastikan bahawa keseluruhan laporan kewangan adalah "benar dan saksama".

Maklumat yang dinyatakan di dalam penyata kewangan MAIN mestilah relevan dari segi kematangan (*materiality*) dan ketepatan masa untuk tujuan membuat keputusan. Kematangan dari perspektif Islam mencakupi aspek kuantitatif (i.e. nilai urus niaga) dan kualitatif (i.e. sifat urus niaga). Maklumat adalah relevan jika, secara amnya, penyumbang dana dapat menentukan penggunaan dana yang diamanahkan kepada MAIN. Ketekalan (*consistency*) atau kebolehbandingan (*comparability*) juga penting di dalam membuat keputusan di mana ia membolehkan pengguna untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara maklumat tersebut dengan maklumat di dalam laporan. Perbandingan boleh dibuat melalui dua konteks: (i) perbandingan penyata kewangan bagi entiti yang berbeza; dan (ii) perbandingan penyata kewangan bagi entiti yang sama untuk satu tempoh tertentu. Pengguna perlu dimaklumkan tentang dasar yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan, perubahan kepada dasar tersebut dan kesan daripada perubahan tersebut.

Kebolehpercayaan (*trustworthiness*) maklumat yang didedahkan oleh MAIN kepada pemegang taruh juga penting untuk memastikan maklumat yang diberi bebas daripada kesilapan material dan berat sebelah, boleh digunakan untuk menggambarkan secara benar sesuatu keadaan atau apa yang dijangka akan digambarkan secara munasabah. Ia boleh dibahagikan kepada gambaran secara jujur dan pasti (*berhemah*). Gambaran yang jujur pula bersifat ‘lengkap’ (*complete*) dan ‘kekecualian’ (*neutral*). Sekiranya sesuatu maklumat dibentangkan untuk menggambarkan secara benar urusan niaga dan peristiwa lain, maklumat tersebut hendaklah dibentangkan berdasarkan intipati urusan niaga dan peristiwa berkenaan, bukan hanya sekadar bentuknya yang sah di sisi undang-undang. Walaupun ciri ‘kepastian’ (*verifiability*) dan konsep ‘berhemah’ (*prudence*) penting, kedua-dua konsep ini lebih berkaitan dengan membuat anggaran perakaunan dan kurang berkait dengan pendedahan dalam pelaporan kewangan.

Kesimpulannya, usaha untuk mengembangkan dan menguruskan harta hendaklah dibuat sejajar dengan Maqasid Syariah iaitu untuk kemaslahatan bersama dari pelbagai aspek. Antara aspek yang telah ditekankan dalam pencapaian Maqasid Syariah ialah menjaga kemaslahatan agama, jiwa (*nyawa*), akal, maruah atau keturunan, dan juga keselamatan harta. Maka jelaslah bahawa harta merupakan sebahagian aspek yang penting yang dititik beratkan oleh agama Islam sepertimana yang dinyatakan di dalam Surah al-Hadid (ayat 7) seperti maksud berikut:

“Berimanlah kepada Allah dan RasulNya dan nafkahkanlah sebahagian daripada hartamu yang Allah telah jadikan kamu menguasainya, maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan (sebahagian) daripada hartanya (nescaya) ia memperoleh pahala yang besar.”

3.2 PENYATA KEWANGAN UTAMA MAIN

Seperti dibincangkan dalam Bab 2, tiga penyata kewangan utama yang perlu disediakan oleh MAIN dalam perakaunan dana. Penyata-penyata tersebut adalah seperti berikut:

- i. Penyata Kedudukan Kewangan
- ii. Penyata Aktiviti Kewangan
- iii. Penyata Aliran Tunai

Kandungan atau unsur-unsur kewangan penyata perakaunan termasuk: (i) aset, (ii) liability/obligasi, (iii) ekuiti, (iv) hasil, dan (v) belanja (Harahap; 2001: 39-41). Penerangan

yang lebih lanjut berkaitan dengan konsep penyediaan ketiga-tiga penyata kewangan yang dinyatakan di atas dibuat di perenggan- perenggan selepas ini.

Penyata Aliran Tunai perlu disediakan kerana asas penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Aktiviti Kewangan adalah berdasarkan asas akruan. Di samping itu, perbincangan mengenai polisi perakaunan dan perubahan di dalam jangkaan perakaunan juga akan dibuat di akhir bab ini.

3.2.1 Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Kedudukan Kewangan mendedahkan tahap kewangan entiti atau organisasi dari segi risiko kecairan, risiko kewangan, risiko kredit dan risiko perniagaan. Penyata ini memberi gambaran kemampuan MAIN melaksanakan tanggungjawab mentadbir dana BZW untuk manfaat asnaf dan umat Islam. Ilustrasi pro forma Penyata Kedudukan Kewangan MAIN boleh dirujuk di Lampiran A: Jadual 1.

3.2.2 Definisi Aset Dalam Perakaunan Konvensional

Aset ditakrifkan sebagai “sumber yang dikawal oleh suatu entiti sebagai hasil daripada peristiwa lepas dan dari mana manfaat ekonomi masa depan dijangka akan mengalir ke entiti berkenaan” (Kerangka Kerja Pelaporan Kewangan², 2018). Definisi aset ini jelas memberi penekanan kepada ‘kawalan’ kerana sesuatu aset boleh dikawal oleh sebuah entiti tetapi entiti berkenaan tidak mempunyai hak milik undang-undang ke atas aset tersebut. Sebagai contoh, dalam pajakan kewangan (*financial lease*), walaupun penyewa (*lessee*) mempunyai kawalan ke atas faedah ekonomi yang akan diperolehi daripada penggunaan aset pajakan tersebut, pemberi sewa (*lessor*) adalah tetap pemilik yang sah. Oleh itu, aset pajakan boleh diiktiraf dalam penyata kewangan penyewa walaupun pemilikan aset dimiliki oleh pemberi pajakan. Ini menggambarkan penekanan kepada konsep mementingkan intipati daripada rupa bentuk (*substance over form*) dalam pengiktirafan sesuatu transaksi.

Dengan kata lain, perakaunan konvensional meletakkan kepentingan intipati transaksi ekonomi berbanding aspek undang-undang sebagai usaha untuk memberi pandangan yang benar dan saksama (*true and fair view*) mengenai keadaan suatu entiti atau syarikat. Selain dari penekanan ke atas ‘kawalan’, definisi aset tersebut menetapkan dua kriteria tambahan aset untuk tujuan pengiktirafan: kemungkinan faedah ekonomi pada masa hadapan dapat dibawa

masuk ke dalam entiti dan kos/nilai item berkenaan (aset) boleh diukur dengan pasti.

Dalam konteks perakaunan sektor awam pula ada kriteria tambahan bagi pengiktirafan sesuatu sebagai aset. Apa yang berpotensi memberi perkhidmatan ke atas entiti berkaitan boleh diambil kira sebagai aset. Oleh itu, pengiktirafan aset tidak terhad kepada kebolehpayaan aset membuat pengaliran faedah ekonomi tetapi juga berpotensi memberi perkhidmatan kepada MAIN.

3.2.2.1 Definisi Aset (Mal) Dalam Islam

Di dalam Islam, aset lebih dirujuk sebagai harta atau 'mal' dan di dalam bahasa Arab ia merujuk kepada 'apa sahaja yang dimiliki' (al-Fayruz Abadi, 1995; Ibn Manzur, 1994). Walaupun terdapat pelbagai definisi harta yang disumbang oleh para ilmuan terdahulu mengikut pendekatan keilmuan yang berlainan (Islam, 1999), secara dasarnya, terdapat dua pendapat yang utama dan muktabar yang diiktiraf iaitu *Ulama' Mazhab Hanafi* dan majoriti ulama.

a) *Ulama' Mazhab Hanafi*

Menurut pandangan Mazhab Hanafi, *mal* hendaklah memenuhi ciri-ciri berikut:

- i. Ciri-ciri fizikal (*ayn*);
- ii. Boleh disimpan untuk tempoh yang panjang;
- iii. Boleh memberi manfaat; dan
- iv. Memberi manfaat kepada manusia.

Walaupun bagaimanapun, terdapat segelintir ulama dari *Mazhab Hanafi* yang berpendapat bahawa harta benda tidak terhad kepada perkara yang nyata (fizikal) sahaja tetapi harus termasuk harta yang tidak ketara, seperti manfaat (*usufruct*). Al-Kasani (1986, 7: 385) dengan jelas menyatakan bahawa, *mal* meliputi fizikal (*ayn*) serta manfaat (*usufruct*).

b) *Majoriti Ulama (Selain Mazhab Hanafi)*

Majoriti ulama berpendapat bahawa *mal* termasuk aset ketara dan tidak ketara. Sebagai contoh, Al-Zarkashi (*Mazhab Shafie*) merujuk *mal* sebagai 'apa sahaja yang mendatangkan manfaat atau faedah' dan ianya boleh dalam bentuk material (i.e fizikal) atau manfaat. Al-Zuhayli (1986) berpandangan hak (rights) boleh dikaitkan dengan *mal* dan diiktiraf oleh undang-undang membolehkan seseorang membuat tuntutan ke atas sesuatu aset. Sebagai contoh hak pemilikan (*haqq al-milkiyyah*) dan hak kemudahan (*haqq al-irtifaq*). Selain itu, pentakrifan *mal* ini juga turut diguna pakai oleh institusi penasihat Syariah yang diiktiraf di peringkat

antarabangsa seperti IFA-OIC dan Accounting and Auditing AAOIFI (2010). Kedua-dua institusi berkenaan telah memutuskan di dalam Resolusi no. 43 (5/5) oleh IFA-OIC dan Perkara No. 3/3/3/1 oleh Piawaian Syariah AAOIFI, bahawa aset tidak ketara adalah harta yang wujud dengan nilai monetari yang memberi hak kepada perlindungan undang-undang dan oleh itu apa-apa pelanggaran berkaitan dengannya boleh dihukum.

Sebahagian ulama' Maliki pula berpendapat *mal* adalah sesuatu yang digunakan oleh pemiliknya sahaja dengan syarat beliau memperolehinya dengan cara yang betul (Ibn Abidin, 1966). Perkara 126, *Majallat al-ahkam al-'adliyyah* menerangkan bahawa *mal* adalah 'setiap sesuatu yang diingini oleh manusia dan boleh disimpan untuk masa keperluan termasuk harta alih (*manqul*) dan harta tidak alih' (*ghayr manqul*) (muka surat 18). Definisi ini juga selari dengan pendapat Ibnu Qudhamah, salah seorang daripada ulama terkemuka Mazhab Hanbali. Al-Buhutiyy pula berpendapat harta dari segi syarak ialah sesuatu yang ada padanya manfaat yang harus selain daripada manfaat untuk hajat atau darurat (Yusuf, 1990, ms15). Secara kesimpulan, ciri-ciri *mal* atau harta menurut pandangan majoriti ulama adalah seperti berikut:

- i. Sumber kekayaan (*tamawwul*).
- ii. Boleh mendapat manfaat dari sudut pandangan Syariah.
- iii. Boleh diganti rugi.
- iv. Mempunyai nilai.
- v. Boleh disimpan pada bila-bila masa.
- vi. Boleh alih dan tidak alih (tidak hanya kepada aspek fizikal)

Abd al-Karim Zaydan (1993) mengutarakan dua aspek penting dalam membahaskan tentang penakrifan *mal* iaitu 'mampu menguasainya' dan 'boleh memanfaatkannya'. Yusuf (1990) pula berpendapat, harta dari sudut ekonomi merupakan sesuatu yang boleh dimanfaatkan dalam semua aspek. Harta juga boleh dinilai dengan harga dan jenis seperti tanah, pokok, barang-barang dagangan yang berharga dan semua benda yang boleh dimanfaatkan daripadanya. Pendapat dari kedua-dua kumpulan ulama yang dinyatakan di atas secara tidak langsung menetapkan kriteria-kriteria *mal* atau harta dalam Islam, yang menjadi asas dalam pengiktirafan aset Baitulmal, Zakat dan Wakaf.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kedua-dua perakaunan konvensional dan Islam didapati mempunyai persamaan dalam membuat takrifan aset/mal. Jadual berikut memberi ringkasan perbandingan elemen aset atau mal di antara perakaunan konvensional dan perspektif Islam.

Jadual 3. 2: Ringkasan Elemen Aset/Mal Perakaunan Konvensional dan Perspektif Islam

Bil	Elemen aset/mal	Konvensional	Islam
1	Kawalan	√	√
2	Manfaat: Ekonomi Perkhidmatan Sosial Umum dan patuh Syariah	√ √* (SA)	√ √ √ √
3	Mempunyai nilai/boleh dinilai	√	√
4	Fizikal (ayn)	√	√
5	Bukan fizikal	√	√ (kontemporari)

* **Nota:** SA – Sektor Awam

Berdasarkan ringkasan di atas, elemen penentuan aset untuk tujuan pengiktirafan aset Baitulmal, Zakat dan Wakaf hendaklah mengambil kira aspek kawalan, manfaat, nilai dan fizikal (ayn). Konsep ‘pemilikan’ *mal* dan mandat (budi bicara) penggunaan aset pula menjadi kriteria tambahan untuk tujuan pengiktirafan oleh sesuatu entiti. Perenggan seterusnya membuat perbincangan mengenai kedua-dua konsep tersebut dalam konteks MAIN.

3.2.2.2 Konsep Pemilikan Aset (Mal) Dalam Islam

Sepertimana yang dibincangkan di atas, kedua-dua perakaunan konvensional dan perspektif Islam bersetuju ‘kawalan’ dan ‘manfaat’ adalah elemen penting dalam mentakrifkan aset atau *mal*. Walau bagaimanapun dalam konteks aset Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia, konsep pemilikan dan jenis mandat/kuasa yang diberikan kepada MAIN adalah juga relevan untuk dibincangkan untuk tujuan pengiktirafan aset berkenaan. Terdapat tiga jenis pemilikan (*tamleek*) aset atau *mal* dalam Islam: pemilikan individu (*tamleek fardi*), pemilikan kolektif (*tamleek jama’ei*) dan pemilikan am (*tamleek ‘aami*). Berikut adalah huraian setiap jenis pemilikan dalam konteks MAIN.

a) Pemilikan Individu (Tamleek Fardi)

Pemilikan individu merujuk kepada pemilikan peribadi. Ia tidak berkaitan dengan MAIN yang fungsi utamanya menguruskan harta-harta awam dalam konteks kajian ini. Konsep ini biasanya dibincangkan dengan konsep pemilikan yang lain kerana pada zaman awal Islam, kekayaan yang diperoleh negara Islam adalah terdiri daripada harta-harta rampasan perang. Oleh itu, kekayaan dibahagikan di antara pejuang individu dan kepentingan masyarakat Islam pada zaman tersebut.

b) *Pemilikan Kolektif (Tamleek Jama'ei)*

Pemilikan kolektif bermaksud harta dimiliki oleh kumpulan tertentu. Ia boleh ditentukan mengikut Syariah seperti dana Zakat atau mengikut kontrak tertentu seperti wakaf. Dalam kes dana Zakat, MAIN adalah 'amil (pentadbir) yang diberi kuasa mengutip dan mengagihkannya kepada asnaf yang ditetapkan. Kebiasaannya, fungsi dan tujuan dana atau aset yang diwujudkan secara berkumpulan telah ditetapkan terlebih dahulu sebelum pengumpulan dana atau aset berkenaan.

MAIN mempunyai beberapa keistimewaan untuk menguruskan dana zakat, dan bukan budi bicara mutlak. Sebagai contoh, MAIN berhak memilih golongan miskin yang sesuai untuk menerima agihan zakat atau manfaat wakaf. Walau bagaimanapun, MAIN tidak mempunyai sebarang kuasa bagi wakaf khas dimana penerima manfaat wakaf khas telah ditetapkan dengan jelas oleh pewakaf dan tiada kuasa untuk mengubah terma wakaf khas. Maka, dana zakat dikatakan sebagai mempunyai ciri pemilikan kolektif.

Bagi wakaf am pula, tujuan pewujudannya adalah lebih jelas iaitu untuk kepentingan umum, khususnya umat Islam sehingga dapat diletakkan di bawah Baitulmal. Tiada sekatan dalam aspek perbelanjaan sepertimana zakat yang telah ditetapkan dari segi pengagihannya. Al-Mawardi (2005) menyatakan bahawa wakaf (am) adalah untuk Baitulmal memelihara kepentingan umum umat Islam (Al-Mawardi, 1996, m/s 251; Al-Mawardi, 2005, m/s 274).


c) *Pemilikan Am (Tamleek Aa'mi)*

Pemilikan am boleh juga dirujuk sebagai pemilikan institusi (*tamleek muassasi*). Pada dasarnya pewujudan institusi Baitulmal adalah bertujuan untuk kepentingan masyarakat umum dan pemilikan aset oleh Baitulmal hendaklah bertujuan memberi faedah kepada orang ramai. Hak untuk menguruskan segala perbelanjaan dalam pemilikan ini terletak di tangan pemimpin (Al-Mawardi, 2005, m/s 302). Dalam konteks Malaysia, hak atau kuasa untuk menguruskan aset pemilikan am seperti Baitulmal, Zakat, dan Wakaf adalah terletak di bawah MAIN. Berbanding dengan pemilikan kolektif, pemilikan am memberikan kuasa budi bicara yang lebih besar kepada pemimpin (i.e pentadbir). Pemimpin mempunyai kelonggaran yang lebih besar terhadap penggunaan kekayaan kerana kekayaan dianggap milik Baitulmal (Al-Mawardi, 1996, m/s 278). Dalam konteks MAIN pentadbir dana BZW ialah MAIN. Ini juga boleh dirujuk sebagai pemilikan institusi, iaitu: tamleek muassasi.

Di samping aspek pemilikan aset atau *mal*, aspek mandat atau kuasa juga perlu diteliti

dengan jelas untuk tujuan pengiktirafan sesuatu aset. Dalam perakaunan konvensional, aspek ini dirujuk sebagai elemen utama sesuatu aset iaitu kawalan. Mandat ialah tahap budi bicara (kuasa) yang diperuntukan kepada pentadbir dalam pengurusan aset. MAIN perlu jelas mengenai status dan sejauh mana mandat yang diberikan kepadanya untuk pengurusan aset yang dipegang atau diterima. Sebagai peraturan, peruntukan budi bicara yang lebih tinggi kepada sesuatu institusi dalam menguruskan/menggunakan aset akan memberi kemungkinan besar aset berkaitan diiktiraf sebagai aset institusi berkenaan, sehingga mempengaruhi operasi perakaunan. Rajah 3.3 di bawah merangkum kerangka pengiktirafan aset/mal berdasarkan kepada elemen kawalan/mandat, pemilikan dan penjanaaan manfaat untuk Baitulmal, Zakat dan Wakaf.

Rajah 3. 3: Mandat Dan Pemilikan Aset/Mal Baitulmal, Zakat dan Wakaf di MAIN




Sebagai sebuah entiti (i.e. perakaunan dana), setiap KW boleh mempunyai aset bergantung kepada terma-terma KW berkenaan. KW Baitulmal dan KW Wakaf secara umumnya menerima dan seterusnya mentadbir pelbagai aset umat Islam untuk kepentingan umum umat Islam. Aset yang diterima oleh kedua-dua KW Baitulmal dan KW Wakaf ini seharusnya diiktiraf sebagai aset KW masing-masing. Begitu juga penyahiktirafan aset hendaklah dibuat sekiranya terdapat pelupusan aset. Berdasarkan kepada Rajah 3.3 di atas, MAIN lebih mempunyai kawalan dalam penggunaan aset baitulmal dan wakaf am berdasarkan kepada status pemilikan 'aami (institusi) dan jama'ei (kolektif). MAIN sebagai pentadbir diberi kuasa yang lebih dalam pengurusan aset Baitulmal dan wakaf am untuk *masalah ammah*. Pemilikan kolektif adalah lebih kepada wakaf khas di mana kumpulan penerima manfaat wakaf telah dikenal pasti. Keadaan ini menggambarkan pengiktirafan aset hendaklah dibuat ke atas KW berkaitan.

3.2.2.3 Perakaunan Aset/Mal

Seksyen ini akan membincangkan perkara berkaitan pengiktirafan aset sejajar dengan perakaunan dana yang dicadangkan di dalam Kerangka Kerja Perakaunan (Bab 2) di mana aset diakaunkan mengikut kumpulan wang masing-masing iaitu Baitulmal, Zakat dan Wakaf.

a) *Pengiktirafan Aset Kumpulan Wang Zakat*

Hukum asas wang kutipan Zakat ialah ianya hendaklah diagihkan terus kepada asnaf (agihan konsumtif) yang telah ditetapkan sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Al Qur'an (At– Taubah: ayat 60):



Maksudnya: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (Zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*”

Ayat ini menegaskan secara tidak langsung bahawa wang kutipan Zakat tidak boleh digunakan untuk tujuan lain seperti pelaburan hartanah atau seumpamanya kerana pemilikan Zakat adalah ke atas asnaf yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun mutakhir ini terdapat dua amalan penggunaan wang kutipan Zakat yang memerlukan perhatian dalam aspek perakaunan dimana ianyatkan perolehan aset menggunakan dana KW Zakat.

Pertama ialah pengagihan wang kutipan Zakat yang dibelanjakan untuk perolehan aset bagi kegunaan asnaf tertentu (agihan produktif) atau juga dirujuk sebagai pengagihan manfaat (aset). Secara amalannya agihan produktif dibuat melalui dua jenis aset iaitu aset tetap berusia guna panjang seperti bangunan iaitu tidak boleh alih (*immovable*) dan aset tetap boleh alih (*movable*) seperti kenderaan dan alatan. Aset tetap (tidak boleh alih) yang ditentukan penggunaannya untuk asnaf oleh MAIN atau pentadbir Zakat (*amil*) selalunya ditadbir oleh MAIN sendiri atau pihak yang dilantik oleh MAIN untuk tujuan pengurusan aset berkenaan. Bagi aset tetap yang boleh alih pula terdapat dua keadaan pengagihan manfaat sama ada aset berkenaan (i.e. kenderaan dan alatan) diserahkan kepada asnaf secara mutlak atau diserahkan kepada asnaf untuk jangka waktu tertentu yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Untuk

keadaan kedua, MAIN masih mengawal pergerakan aset berkenaan.

Kedua ialah penggunaan wang kutipan Zakat untuk tujuan pelaburan. Pendapat mengharuskan wang Zakat digunakan untuk tujuan pelaburan sekiranya ianya mengekalkan harta Zakat tersebut dan keuntungan dari pelaburan tersebut diberikan kepada golongan asnaf Zakat (rujuk Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke-3 yang telah bersidang pada tahun 1986 di 'Amman, Jordan) (<http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-fatwa/626-irsyad-al-fatwa-ke-105-adakah-dibolehkan-untuk-harta-zakat-diwakafkan>). Juga sekiranya pelaburan dana Zakat adalah untuk tujuan *fi sabilillah* seperti yang disebut oleh Al-Imam al-Nawawi Rahimahullah (2012): "*Bagi imam (pemimpin) itu beberapa pilihan; dia boleh untuk membeli kuda dan senjata untuk mereka yang berperang dan dijadikan sebagai milik mereka. Ataupun disewakan sebagai tunggangan. Ataupun dia membeli kuda lalu diwakafkan fi sabilillah, maka dipinjamkan ketika waktu diperlukannya setelah selesai, maka dipulangkannya semula*". (Lihat **Raudhah al-Talibin wa 'Umdah al- Muftiin**, 2/327). Di Malaysia, terdapat beberapa MAIN melalui Majlis Fatwa negeri masing- masing telah menfatwakan keharusan menggunakan dana Zakat dalam pelaburan seperti pembinaan bangunan dengan bersyarat di mana faedah penggunaan hendaklah dipulangkan kepada kumpulan asnaf yang berkaitan. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengharuskan penggunaan duit Zakat atas *masalah ammah* (rujuk Fatwa yang di keluarkan pada 19 November 2002). Begitu juga dengan Majlis Agama Islam Perlis dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ringkasan Perbelanjaan KW Zakat dipamerkan dalam Rajah 3.4.

b) *Pengukuran dan Pelaporan Aset Kumpulan Wang Zakat*

MPSAS 17 secara amnya telah menetapkan maklumat berikut untuk didedahkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:

- (a) Asas pengukuran yang digunakan;
- (b) Kaedah susut nilai yang digunakan, jika ada;
- (c) Amaun bawaan kasar;
- (d) Susut nilai terkumpul pada akhir tempoh, jika ada; dan
- (e) Penyelarasan amaun bawaan pada awal dan akhir tempoh yang menunjukkan komponen tertentu daripadanya.

Sebagai entiti pentadbir (*amil*), MAIN secara umumnya juga hendaklah mematuhi penetapan berkenaan berkaitan dengan aset setiap KW yang ditadbir. Juga, kos aset yang diperolehi oleh KW Zakat sepatutnya diukur pada nilai saksama melainkan:

- (a) Transaksi pertukaran mempunyai kurang nilai komersial; atau

(b)Nilai saksama sama ada aset yang diterima atau aset yang diberikan adalah tidak boleh diukur dengan tepat.

Walau bagaimanapun terdapat dua perkara yang dicadangkan bagi mengukuhkan perakaunan aset KW Zakat. Pertama ialah aset yang diperolehi untuk tujuan pengagihan manfaat kepada asnaf yang telah ditetapkan oleh amil iaitu agihan produktif. Terdapat dua jenis aset yang sering diperolehi oleh MAIN untuk tujuan agihan manfaat; aset tetap tidak boleh alih seperti bangunan dan aset tetap boleh alih seperti kenderaan dan alatan. Perolehan aset-aset ini hendaklah diakaunkan sebagai aset KW Zakat seperti berikut:

Dt Aset KW Zakat
 Kt Tunai KW Zakat
(Penyata Perubahan Aset Kelolaan KWZ)

Bagi tujuan susut nilai aset pula, dicadangkan pengiraan susut nilai dalam konteks aset KW Zakat dirujuk sebagai ‘Agihan Manfaat’ dibuat berdasarkan kepada asas yang lebih relevan dengan penggunaan aset-aset berkenaan seperti jangkaan bilangan asnaf yang akan mendapat manfaat aset berkenaan dan tidak berdasarkan kepada usia guna aset sepertimana aset-aset lain. Ini bersesuaian dengan penggunaan aset berkenaan yang digunakan sebagai kaedah agihan manfaat kepada asnaf. Berikut adalah cadangan catatan jurnal untuk agihan manfaat kepada asnaf:

Dt Agihan Manfaat (Penyata Aktiviti Kewangan)
 Kt Agihan Manfaat Terkumpul

Sepertimana yang dipamerkan di dalam Rajah 3.4, MAIN perlu menyediakan Penyata Perubahan Aset Kelolaan KW Zakat (rujuk Seksyen 3.3.5 untuk penerangan lanjut). Penyata ini melaporkan aset-aset yang diperolehi untuk tujuan pengagihan manfaat kepada asnaf.

Kedua ialah perolehan aset untuk tujuan pelaburan yang telah diluluskan oleh pihak yang diberi kuasa seperti Majlis Fatwa atau Jawatankuasa Fatwa. Perakaunan aset-aset pelaburan yang menggunakan dana KW Zakat dicadangkan dibuat sepertimana perolehan aset-aset pelaburan biasa. Maklumat berkaitan aset-aset ini hendaklah dilaporkan di dalam Nota Aset. Berikut adalah cadangan catatan jurnal untuk perolehan aset pelaburan KW Zakat:

Dt Aset Pelaburan KW Zakat
 Kt Tunai KW Zakat

Bagi tujuan penyelenggaraan aset KW Zakat, ianya boleh dikategorikan kepada dua jenis, penyelenggaraan yang dimodalkan dan penyelenggaraan yang tidak dimodalkan. Bagi penyelenggaraan yang dimodalkan, berikut adalah catatan jurnal yang dicadangkan:


Dt Aset KW Zakat
 Kt Tunai KW Zakat

Bagi perbelanjaan penyelenggaraan yang tidak dimodalkan, ianya dicadangkan dikenakan ke atas KW Zakat memandangkan tujuan penyelenggaraan dibuat adalah bagi memastikan agihan manfaat dari aset berkenaan dapat diteruskan dengan berkesan. Berikut adalah catatan jurnal yang dicadangkan:

Dt Penyelenggaraan (Penyata Aktiviti Kewangan)
 Kt Tunai KW Zakat

Perbincangan khusus mengenai perbelanjaan KW Zakat akan dibincangkan di seksyen berkaitan dengan perbelanjaan.

Rajah 3. 4: Ringkasan Agihan/Perbelanjaan Kumpulan Wang Zakat



b. Pengiktirafan Aset Kumpulan Wang Wakaf

MAIN adalah *mutawalli* (pentadbir) aset wakaf di setiap negeri dan pemilik berdaftar aset wakaf berdasarkan undang-undang tubuh MAIN. Terdapat pelbagai amalan perakaunan dan pelaporan yang ditemui berkaitan aset wakaf meliputi aspek pengukuran, pengiktirafan dan pelaporan semasa penyelidikan. Walau bagaimana pun selaras dengan perakaunan dana, pengiktirafan aset wakaf hendaklah dibuat dibawah KW Wakaf. Terdapat empat perkara yang perlu diberi perhatian dalam perakaunan berkaitan aset wakaf (i.e. wakaf am) yang ditadbir oleh MAIN; (i) pengukuran aset wakaf untuk

tujuan pengiktirafan, (ii) pengiktirafan aset wakaf, (iii) susut nilai aset wakaf dan (iv) pelaporan hasil dari aset wakaf (Penyata Kewangan Ghallah). Secara amalnya, terdapat 6 kategori aset wakaf seperti berikut (rujuk Rajah 3.5):

- i. Komersial,
- ii. Sosial dan menjana hasil,
- iii. Sosial dan tidak menjana hasil,
- iv. Wakaf saham,
- v. Wakaf Tunai,
- vi. Istibdal.

Sekiranya aset wakaf digunakan untuk tujuan komersial iaitu penjanaan hasil, pengukuran aset hendaklah dibuat menggunakan nilai saksama. Ini selaras dengan perenggan 26 MPSAS 17 menunjukkan bahawa jika aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran (i.e. pewakafan), aset tersebut hendaklah diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Jika hartanah pelaburan diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, harta tersebut harus diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan (MPSAS 16, perenggan 27). Untuk pengukuran seterusnya, MAIN boleh memilih model nilai saksama atau nilai kos (MPSAS 16, perenggan 39). MPERS turut menetapkan pengukuran selanjutnya bagi hartanah pelaburan mestilah pada nilai saksama kecuali pengukuran nilai saksama akan mengakibatkan kos atau usaha yang tidak wajar. Seterusnya, aset ini perlu diperuntukkan susut nilai sekiranya berkenaan seperti aset-aset lain.

Kategori kedua aset wakaf ialah aset sosial seperti masjid yang berkembang menjadi harta komersial di mana pelbagai aktiviti komersial untuk tujuan penjanaan hasil dijalankan di atas tapak masjid dan persekitarannya. Aktiviti komersial ini boleh meningkatkan nilai hartanah berkenaan. Dari segi amalan perakaunan oleh MAIN, nilai harta ini tidak dinyatakan di dalam penyata kewangan berasingan untuk wakaf dan ia juga tidak didedahkan dalam penyata kewangan MAIN. Untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai aset-aset wakaf yang ditadbir oleh MAIN, ianya dicadangkan untuk diiktiraf di bawah KW Wakaf pada nilai kos atau saksama. Juga dicadangkan aset-aset seumpama ini dinilai semula secara berkala (contoh: penilaian semula setiap lima tahun) untuk memberi gambaran yang benar dan saksama maklumat aset wakaf. Seterusnya, aset ini perlu diperuntukkan susut nilai sekiranya berkenaan seperti aset-aset lain.

Kategori ketiga aset wakaf iaitu aset yang melaksanakan fungsi sosial dan kurang mempunyai nilai komersial seperti tanah kubur, bangunan dan tanah masjid tanpa sebarang aktiviti penjanaaan hasil dicadangkan untuk diiktiraf pada nilai nominal sekiranya aset-aset ini diserahkan kepada MAIN melalui pewakafan. Sekiranya aset sosial ini diperolehi melalui *istibdal* (pertukaran), pengiktirafan hendaklah dibuat pada nilai pertukaran yang dipersetujui. Aset-aset ini tidak perlu diperuntukan susut nilai kerana fungsi sosial dan dijangka tidak akan melalui peningkatan nilai.

Kategori keempat iaitu aset kewangan atau dalam konteks MAIN boleh dirujuk sebagai wakaf saham. Wakaf saham ini ialah saham-saham yang diwakafkan untuk ditadbir oleh MAIN. Walaupun tiada urusan wakaf saham dilaporkan di ZON 3, kami berpandangan wakaf saham adalah satu instrumen pewakafan yang akan menjadi amalan pewakafan pada masa hadapan. Berdasarkan MPERS, pengiktirafan dan pengukuran untuk instrumen kewangan dalam Seksyen 11 (Instrumen Kewangan Asas) dan Seksyen 12 (Isu Instrumen Kewangan Lain) mengkehendaki aset kewangan (saham) diukur pada harga transaksi pada mulanya dan kemudiannya pada kos saksama. Seksyen 12 MPERS pula memperuntukkan bahawa aset kewangan yang terkandung dalam skopnya, seterusnya diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kategori kelima aset wakaf ialah wakaf tunai am/khas. Akademi Fiqah Antarabangsa (Majma' Fiqah Islami) dalam mesyuarat pada tahun 2004 memutuskan bahawa jumlah wang yang diwakafkan itu sendiri dianggap sebagai harta wakaf. Walau bagaimanapun, prinsip wakaf yang ditetapkan oleh Mazhab Syafie, wakaf tunai am/khas hendaklah ditukar kepada aset tetap pada masa yang sesuai. Sebagai contoh Majlis Fatwa Terengganu melalui fatwa yang tidak diwartakan mengesyorkan agar sighth lafaz wakaf menyatakan agar wang yang diwakafkan digunakan untuk membeli harta kekal. Selaras dengan perakaunan dana, kutipan wakaf tunai hendaklah diiktiraf sebagai hasil KW Wakaf pada peringkat awal dan kemudian ditukarkan kepada aset KW Wakaf setelah berlakunya perolehan aset tetap menggunakan kutipan wakaf tunai. Berikut adalah cadangan catatan jurnal untuk penukaran wakaf tunai kepada aset tetap:

Penerimaan Wakaf Tunai

Dt	Tunai KW Wakaf
Kt	Hasil KW Wakaf

Penukaran Wakaf tunai kepada aset tetap

Dt Aset KW Wakaf
Kt Tunai KW Wakaf

Bagi meningkatkan tahap ketelusan dan seterusnya akauntabiliti MAIN sebagai pentadbir wakaf dicadangkan maklumat seperti tujuan wakaf tunai am/khas diwujudkan dan tempoh kutipan serta tempoh pelaksanaan penukaran wakaf tunai am/khas kepada aset wakaf didedahkan di nota akaun dan pendedahan maklumat ini dikategorikan sebagai masalah *hajiyyah* iaitu bagi membantu kefahaman pemegang taruh berkaitan dengan penggunaan wakaf tunai.

Bagi kategori aset istibdal iaitu aset yang diperolehi melalui pertukaran, aset tersebut hendaklah diiktiraf pada nilai yang telah diluluskan oleh pihak yang diberi kuasa. Pertukaran ini boleh dibuat dalam bentuk aset tetap atau ganti rugi dalam bentuk tunai. Sekiranya pertukaran berlaku dalam bentuk aset, ianya hendaklah diiktiraf pada nilai saksama pada masa pertukaran berlaku. Ini adalah sepertimana yang ditetapkan oleh MPSAS 17 dan MPSAS 16. Sekiranya istibdal dibuat dalam bentuk ganti rugi tunai, aset yang diperolehi menggunakan wang tunai tersebut hendaklah diiktiraf sepertimana perolehan aset-aset lain iaitu pada nilai kos. Untuk pengukuran seterusnya, MAIN boleh memilih model nilai saksama atau kos. Juga dicadangkan untuk maklumat terperinci termasuk tempoh pelaksanaan gantian aset istibdal didedahkan di nota akaun. Pendedahan ini adalah dikategorikan sebagai masalah *hajiyyah*. Berikut adalah cadangan catatan jurnal untuk transaksi istibdal:

Istibdal aset tetap

Dt Aset KW Wakaf (nilai aset gantian)
Kt Aset KW Wakaf (nilai aset serahan)
Kt Lebihan Nilai Aset Istibdal (Penyata Kedudukan Kewangan)*

Istibdal (Gantirugi Wang Tunai)

Dt Tunai (Istibdal) KW Wakaf
Kt Aset KW Wakaf (nilai aset serahan)
Kt Lebihan Nilai Aset Istibdal (Penyata Kedudukan Kewangan)*


Penggantian Aset Istibdal

Dt Aset KW Wakaf (Gantian)
Kt Tunai (Istibdal) KW Wakaf

*Nota: Catatan jurnal ini dibuat jika terdapat perbezaan nilai

Secara kesimpulannya, pengiktirafan aset-aset Wakaf adalah dikategorikan sebagai *masalah dharuriyyah* bagi meningkatkan ketelusan maklumat pengurusan aset berkenaan kepada pemegang taruh terutamanya pewakif dan pihak lain yang berkepentingan.

Rajah 3. 5: Kategori Aset Wakaf



Ilustrasi berikut adalah bagi membantu memahami cadangan perakaunan aset-aset wakaf yang ditadbir oleh MAIN dengan menggunakan perakaunan dana.

Ilustrasi:

MAIN PQR menguruskan dana wakaf melalui KW Wakaf. Di antara aset yang utama ialah tanah dan bangunan. MAIN PQR juga menerima wakaf tunai. Pada tahun berakhir 31 Disember 20X9, MAIN PQR telah menerima sejumlah RM4,510,200 Wakaf tunai. Sementara menunggu untuk melaburkan wang tersebut di dalam pembelian aset kekal, MAIN PQR melaburkan dahulu wang tersebut di dalam pelaburan jangka pendek seperti deposit tetap.

Bagi mengukur nilai aset tetap Wakaf, MAIN PQR telah mengguna pakai kaedah perakaunan

berikut:

1. Tanah perkuburan dan masjid dinilai pada nilai nominal. Aset di dalam kategori ini tidak akan disusut nilaikan.
2. Tanah dan bangunan yang digunakan bagi tujuan komersial di dalam menjana pendapatan dinilai pada nilai saksama. Aset di dalam kategori ini akan dinilai pada nilai saksama pada setiap akhir tahun, dan perbezaan di antara nilai saksama pada tahun semasa dan tahun sebelumnya akan direkodkan di dalam Penyata Aktiviti Kewangan. Sekiranya terdapat keperluan untuk dirosot nilai seperti berlaku kebakaran pada bangunan, rosot nilai akan dianggarkan.
3. Aset-aset tetap yang lain selain (1) dan (2) seperti tanah yang belum dibangunkan dan bangunan yang sedang dalam proses pembinaan dinilai pada nilai kos. Aset-aset di dalam kategori ini akan disusut nilai kan mengikut kaedah yang bersesuaian.
4. Penyediaan Penyata Kewangan Ghallah bagi tujuan pendedahan maklumat hasil aset wakaf akan dibincangkan dalam seksyen pelaporan ‘Hasil’.

3.2.3 Definisi Liabiliti

Liabiliti didefinisikan sebagai obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka menyebabkan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dari entiti (MPSAS 1). Definisi ini selari dengan takrifan Kerangka kerja Konseptual IASB (2018). Kerangka kerja tersebut juga menyatakan bahawa liabiliti adalah diiktiraf apabila kemungkinan aliran keluar sumber yang tersusun manfaat ekonomi akan terhasil daripada penyelesaian kewajipan semasa dan jumlah pada penyelesaian yang akan berlaku dapat diukur dengan pasti.

Sebagai contoh, liabiliti adalah tanggungan yang wujud daripada transaksi pembelian barangan secara kredit, mendapatkan perkhidmatan secara kredit dan lebihan penerimaan atau pembiayaan/ pinjaman kewangan. Antara ciri-ciri liabiliti ialah ianya mestilah wujud dalam keadaan semasa, melibatkan aliran keluar sumber, (tunai pada masa hadapan), dapat ditentukan kewujudannya dengan tepat, jumlah amaun yang dapat dipastikan serta mempunyai tempoh matang yang dapat dipastikan. Liabiliti boleh diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa dan bukan semasa, seperti dalam Jadual 3.3 berikut:

Jadual 3. 3: Klasifikasi Liabiliti

Klasifikasi Liabiliti	Keterangan	Contoh
Liabiliti semasa	Tanggungan yang perlu dijelaskan dalam tempoh jangka masa pendek iaitu dalam kitaran operasi biasa atau dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.	Akaun Belum Bayar, Hasil terdahulu, pinjaman jangka pendek, peruntukan, deposit wad, wang jaminan pelaksanaan
Liabiliti bukan semasa	Tanggungan yang dijangka dibayar lebih daripada satu tempoh perakaunan.	Pinjaman dalam dan luar negara, pajakan, bon, serta pelan pencen dan ganjaran.

Dalam perspektif Islam, Wahbah al-Zuhaily (2008) dalam kitabnya “*al-Fiqah al-Syafi’i al-Muyassar*” menjelaskan liabiliti atau tanggungan lebih dikenali sebagai “*dhaman*” yang bermaksud ‘jaminan, persetujuan atau tanggungan’. Dari sudut syarak, ia merupakan sesuatu sifat atau zat (kewujudan hakikat sesuatu) yang membolehkan sesuatu itu menerima komitmen bagi melayakkannya menanggung sesuatu. Menurut Ismail (2008), wang tidak boleh memberi keuntungan tanpa gabungan dengan tenaga atau kepakaran atau perkhidmatan atau sumber-sumber semulajadi dan sebagainya. Ini bermaksud keuntungan mestilah didasarkan kepada liabiliti. Ini berpandukan kepada kaedah fiqah iaitu (*al-ghunmu bi al-ghurmi*) (kerosakan mudarat merupakan pulangan kepada keuntungan). Kaedah ini menjelaskan bahawa sesiapa yang memperolehi faedah atau keuntungan dari sesuatu perkara, maka dia juga akan menanggung kerosakan atau mudaratnya (Ali Haidar, t.t).

3.2.3.1 Pengiktirafan dan Pengukuran Liabiliti

Liabiliti amatlah penting diiktiraf dan dilaporkan untuk mengetahui sebanyak mana tanggungan yang dipegang oleh sesebuah entiti. Melaporkan liabiliti adalah dalam kategori *masalah dharuriyyah*. Sekiranya terdapat liabiliti yang tidak dilaporkan, urusan niaga berkenaan boleh dianggap sebagai transaksi *off-balance sheet* dan ini tidak akan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan entiti (i.e. MAIN). Liabiliti mesti diiktiraf apabila kesemua kriteria berikut dipenuhi (SORP, perenggan 7.5):

- d) Tanggungan yang sah atau konstruktif wujud pada tarikh laporan hasil daripada peristiwa lampau.
- e) Lebih berkemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi, selalunya wang tunai, akan berlaku dalam penyelesaian.
- f) Jumlah tanggungan boleh diukur dengan pasti.

Pada awalnya, liabiliti mesti diukur pada kos kontrak, iaitu kos sebenar yang harus dibayar atau ditanggung sewaktu urus niaga tersebut berlaku. Seterusnya, liabiliti hendaklah diukur pada anggaran yang terbaik bagi jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan pada tarikh laporan (SORP, perenggan 7.8). Nilai asal liabiliti bukan semasa sentiasa dinyatakan di dalam penyata kewangan tahun-tahun berikutnya. Menurut konsep pelaporan berasaskan nilai saksama, nilai liabiliti perlu disemak semula bagi memastikan nilai di dalam rekod perakaunan adalah nilai saksama (nilai pasaran). Ini supaya penyata kewangan memberi gambaran terkini tentang perniagaan dan para pelabur dapat membuat penilaian dengan lebih tepat. Dalam konteks MAIN, jumlah liabiliti akan memberi gambaran tanggungan yang perlu dilunaskan oleh MAIN dalam melaksanakan tanggungjawab sosial.

Ekuiti: Rizab pertukaran mata wang asing

Kesan perubahan mata wang asing (MPSAS 4) telah dibincangkan dengan terperinci dalam Laporan Penyelidikan Fasa 3. Transaksi di dalam mata wang asing perlu menggunakan kadar spot (*spot rate*). Pada setiap tarikh laporan, kesemua item berikut dalam mata wang asing hendaklah diterjemah pada kadar spot:

- item kewangan,
- item bukan kewangan yang diukur pada nilai kos sejarah (*historical cost*),
- item bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama (*fair value*), dan
- Semua jumlah (iaitu aset, liabiliti, aset bersih/barangan ekuiti, hasil dan perbelanjaan, termasuk nilai perbandingan).

Tiada pengiktirafan kesan perubahan mata wang asing perlu dilakukan sama ada keuntungan daripada terjemahan atau kerugian daripada terjemahan. Pengubahsuaian peruntukan perakaunan hanya untuk mengambil kira “*spot rate*” adalah disebabkan oleh dua faktor berikut:

- i. Supaya peruntukan perakaunan yang dicadangkan sesuai dengan konsep *Bay’ al-Sarf*,
- ii. Bersesuaian dengan konsep *Bay’ al-Sarf*, tiada pengiktirafan perbezaan terjemahan sebagai keuntungan atau kerugian. Penggunaan “*spot rate*” adalah lebih tepat kerana segala perbezaan terjemahan akan direkodkan sebagai pelarasan kepada nilai aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan (sila rujuk contoh di bawah):

Contoh:

MAIN telah meluluskan peruntukan biasiswa sebanyak Egyptian Pound (EP) 10,000 untuk seorang pelajar jurusan Syariah di Universiti Al-Azhar pada 1hb. Februari 2018. Pembayaran akan dibuat 2 kali setahun pada 1hb March 2018 dan 1hb September 2018. Berikut adalah kadar tukaran mata wang di antara Egyptian Pound (EP) 1 dan Ringgit Malaysia (RM):

Tarikh	RM
1 Februari 2018	0.20
1 March 2018	0.25
1 September 2018	0.15

Cadangan catatan jurnal:

Rekod Jurnal	Dt (RM)	Kt (RM)	Kiraan
1 Februari 2018 Dt Agihan Biasiswa Kt Agihan belum bayar	2,000	2,000	EP 10,000 x 0.2 = RM 2,000
1 March 2018 Dt Agihan belum bayar Dt Pelarasan tukaran mata wang (rizab) Kt Tunai	1,000 250	1,250	RM 2,000 / 2 = RM 1,000 (EP 10,000/2) x 0.25 = RM 1,250
1 September 2018 Dt Agihan belum bayar Kt Pelarasan tukaran mata wang (rizab) Kt Tunai	1,000	250 750	RM 2,000 – RM 1,000 = RM 1,000 (EP 10,000/2) x 0.15 = RM 750

Oleh yang demikian, mata wang asing hanya diterjemahkan pada ringgit Malaysia (RM) pada kadar pertukaran tarikh transaksi.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa MAIN memperuntukkan sejumlah dana Zakat untuk diagihkan kepada pelajar yang menyambung pelajaran di luar negara seperti Mesir dan Jordan di bawah asnaf '*fi sabilillah*'. Dalam konteks ini, terdapat perjanjian rasmi yang dimeterai di antara MAIN ('amil) dan pelajar (asnaf) di mana beberapa perkara telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa situasi perjanjian yang telah berlaku seperti berikut:

- i. Dana Zakat akan dikeluarkan oleh MAIN bagi menampung yuran pengajian serta perbelanjaan pelajar sepanjang pengajian tanpa apa-apa syarat.
- ii. Dana Zakat akan dikeluarkan oleh MAIN bagi menampung yuran

pengajian serta perbelanjaan pelajar dengan syarat pelajar perlu menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam keputusan peperiksaan semester (mencapai target tertentu)

Walaupun dana Zakat diagihkan kepada asnaf secara terus dan mengikut jumlah kutipan dan agihan tahunan yang telah dirancang, ia akan menjadi komitmen dan tanggungjawab kepada MAIN untuk membayar yuran pengajian serta wang perbelanjaan kepada pelajar-pelajar pada masa hadapan sekiranya MAIN telah membuat perjanjian kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negara. Ini boleh dikaitkan dengan konsep ‘*wa’ad*’ dalam perspektif Islam. *Wa’ad* ialah janji yang diberikan oleh sebelah pihak sahaja (MAIN dalam konteks penajaan pelajar) kepada pihak yang satu lagi (pelajar) untuk melakukan sesuatu di masa hadapan (Hasan, 2008: 1). Selain daripada *wa’ad*, muwa’adah mulzimah juga boleh dilakukan ke atas kedua-dua kes. Dengan ini, adalah dicadangkan bahawa pihak MAIN mengiktiraf apa-apa sahaja transaksi yang melibatkan dana BZW sama ada ia melibatkan urusan niaga mata wang tempatan atau pun mata wang asing mengikut kumpulan wang masing-masing.

Dalam perenggan 24 (MPSAS 4) dinyatakan seperti berikut:

Urus niaga mata wang asing hendaklah direkodkan, pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian, dengan mengguna pakai kadar pertukaran semerta antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh urus niaga, kepada amaun mata wang asing’

Berdasarkan pernyataan ini, MAIN hendaklah menerima pakai kadar tersebut bagi semua transaksi mata wang asing. Ini ialah kerana ia menepati keperluan atau syarat bagi kontrak *al-Sarf*. Menurut Hadis Rasulullah SAW riwayat Muslim, pertukaran barangan ribawi di mana termasuk emas dan perak (mata wang) hendaklah dilakukan dalam waktu yang sama “*yadan bi yadin*” sepertimana yang dinyatakan oleh hadith berikut:

“Emas dengan Emas (ditukar atau diniagakan), perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam mestilah sama timbangan dan sukatananya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan jenis, maka berjual-belilah kamu sebagaimana yang disukai” (Riwayat Muslim, no 4039 no hadith, 11/9).

a. Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Secara umumnya, perenggan-perenggan di dalam MPSAS 19 boleh diterima pakai untuk tujuan yang sama. Walau bagaimanapun, dalam konteks MAIN, berdasarkan kepada semakan ke atas Penyata Kewangan 2016 dan perbincangan kumpulan fokus, hanya terdapat 2 urusan niaga luar jangka dilaporkan: (i) tindakan mahkamah yang dibuat oleh MAIK bagi tujuan tuntutan tunggakan kes hutang penyewaan tertunggak sebanyak RM18 juta, dan(ii) tindakan undang-undang atas pelanggaran perjanjian di antara MUIP dan Far East Holdings Berhad dan Kampong Aur Palm Oil Company Berhad. Untuk kedua-dua kes ini, MAIN tiada membuat sebarang peruntukan atau pernyataan berkaitan dengan urusan niaga tersebut di dalam Penyata Kewangan.

Dari perspektif Islam, peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka ini perlu ditelusuri bersama konsep *gharar* dalam urusan niaga. Secara amnya peruntukan liabiliti luar jangka dan aset luar jangka adalah relevan dengan jenis *gharar majhul* iaitu ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu perkara dan perkara yang tidak diketahui. Adalah dicadangkan peruntukan dibuat sekiranya amaun liabiliti atau aset luar jangka dapat dianggarkan dengan pasti. Sebagai contoh, penentuan obligasi yang dibuat oleh pihak mahkamah atas sesuatu kes terdahulu haruslah dianggarkan dengan menggunakan kadar terbaik (*best estimate*) dan juga menggunakan khidmat pakar jika perlu. Membuat peruntukan seperti yang dicadangkan disini akan memberi satu gambaran yang benar dan saksama kedudukan kewangan MAIN. Sekiranya anggaran tidak dapat dibuat, kewujudan aset atau liabiliti luar jangka ini mesti dilaporkan dalam nota penyata kewangan. Pendedahan maklumat ini dikategorikan sebagai masalah *hajiyyah* iaitu bagi memberi maklumat tambahan untuk memastikan penyata kewangan yang benar dan saksama.

b. Instrumen Kewangan

Perbincangan instrumen kewangan pada dasarnya merujuk kepada MPSAS 28, 29 dan 30. Umumnya, instrumen kewangan dibahagikan kepada dua kategori iaitu (i) instrumen kewangan primer, dan (ii) instrumen kewangan sekunder. Konsep instrumen primer seperti tunai, penghutang, pemiutang dan pelaburan boleh diterima dengan syarat ia tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Permasalahan besar adalah berkaitan dengan instrumen kewangan sekunder seperti derivatif. Oleh itu, adalah dicadangkan agar pembangunan Piawaian

Perakaunan Islam BZW hanya memfokuskan kepada piawaian berkaitan dengan instrumen kewangan primer. Ini adalah kerana sebagai entiti yang mentadbir aset dan dana BZW, MAIN hendaklah mengelak penggunaan instrumen kewangan sekunder seperti derivatif yang mungkin bercanggah dengan Syariah.

Secara amalan, MAIN yang dikaji mempunyai pelaburan dalam saham (MAIWP, MAIK, MAIDAM, MUIP) dan sukuk (MAIWP). Pelaburan saham dan sukuk diiktirafkan pada tarikh pembelian. Saham diukur pada harga pembelian dan dinilai pada harga saksama pada setiap akhir tahun kewangan. Manakala sukuk diukur secara kos terlunas (*amortised cost*) menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan (*effective profit rate method*). Selain dari pelaburan, terdapat juga pemiutang yang diukur pada nilai hutang yang diberikan oleh BZW kepada pemiutang tersebut, iaitu nilai saksama hutang. Dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam BZW untuk instrumen kewangan, dicadangkan untuk diberi penumpuan kepada instrumen kewangan primer yang digunakan oleh MAIN sahaja.

3.3 Penyata Aktiviti Kewangan

Penyata Aktiviti Kewangan (PAK) membentangkan maklumat operasi MAIN, iaitu hasil dan perbelanjaan MAIN. Pembentangan PAK ini adalah selaras dengan perakaunan dana (Lihat Lampiran A: Jadual 2). Oleh demikian, perbincangan seterusnya adalah mengenai definisi, pengiktirafan dan pengukuran elemen PAK iaitu hasil dan perbelanjaan. Ilustrasi pro forma Penyata Aktiviti Kewangan MAIN boleh dirujuk di Jadual 3.12 di akhir bab ini.

3.3.1 Definisi Hasil dan Belanja

Untuk tujuan perbincangan hasil dan belanja, perlu diambil perhatian terdapat dua kategori urusan niaga di dalam sektor awam (termasuk MAIN): (i) Urus niaga Pertukaran (*Exchange Transactions*) dan (ii) Urus niaga Bukan Pertukaran (*Non-exchange Transactions*). Urus niaga pertukaran adalah melibatkan sama ada penerimaan aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran. Urus niaga bukan pertukaran melibatkan penerimaan oleh sesuatu entiti sesuatu sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan.

Hasil merupakan aliran masuk kasar faedah ekonomi yang menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aset bersih atau ekuiti, selain peningkatan berkaitan dengan sumbangan

daripada pemilik (IAS 18.7). Definisi ini adalah serupa dengan pengtakrifan hasil oleh AAOIFI iaitu peningkatan kasar dalam aset atau penurunan dalam liabiliti atau gabungan kedua-duanya dalam tempoh yang diliputi oleh penyata aktiviti kewangan. Perenggan 44 (MPSAS 23) adalah selari dengan konsep hasil BZW yang diakaunkan menggunakan perakaunan dana. Ini bermaksud setiap aliran masuk sumber daripada urus niaga bukan pertukaran BZW hendaklah diiktiraf sebagai hasil.

Hasil boleh dibahagikan kepada dua jenis seperti yang disenaraikan di Jadual 3.4. Hasil dari jualan-jualan barang, jualan perkhidmatan, royalti, dan dividen serta hasil pelaburan dan aktiviti berorientasikan keuntungan lain adalah hasil daripada urus niaga pertukaran atau operasi biasa entiti. Dalam konteks MAIN, kutipan zakat, infaq, sadaqah dan wakaf tunai merupakan hasil utama urus niaga bukan pertukaran. Selaras dengan perakaunan dana, hasil-hasil ini hendaklah diiktiraf di dalam KW berkaitan. Sebagai contoh, wakaf tunai hendaklah diiktiraf sebagai hasil KW Wakaf. Cadangan catatan jurnal untuk wakaf tunai adalah seperti berikut:

Dt Tunai KW Wakaf

Kt Hasil KW Wakaf

Jadual 3. 4: Jenis Hasil

Jenis Hasil	Keterangan	MPSAS
Hasil dari transaksi pertukaran	Hasil berbentuk jualan barang atau premis dan sebagainya, hasil sewaan, dividen dan royalti.	9
Hasil daripada transaksi bukan pertukaran	Hasil merangkumi aliran masuk kasar faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan boleh diterima oleh entiti pelaporan, yang merupakan peningkatan dalam aset bersih /ekuiti (bukan daripada kenaikan yang berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik). Kutipan Zakat, Wakaf tunai, sadaqah dan infaq merupakan hasil urus niaga bukan pertukaran yang terdapat di MAIN dan ianya adalah aktiviti operasi utama bagi MAIN secara amnya.	23

Untuk pembangunan Piawaian Perakaunan Islam BZW setiap hasil BZW mestilah mematuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh Syariah. Oleh itu, walaupun MPSAS boleh digunakan sebagai rujukan semasa mengubal piawaian tersebut, adalah amat penting bahawa terma-terma yang sesuai digunakan bagi menggambarkan sifat urus niaga patuh Syariah. Sebagai contoh, terma faedah (MPSAS 9) digantikan dengan keuntungan pembiayaan atau terma yang lebih sesuai. Sekiranya MAIN ataupun anak syarikat BZW perlu mendapatkan

pembiayaan, ianya hendaklah selari dengan tuntutan Syariah, iaitu mengguna pakai kontrak pembiayaan pelaburan (i.e. *mudharabah*), jual beli (i.e. *murabahah*), perkongsian (i.e. *musharakah*), pajakan (i.e. *ijarah*) jual beli dengan bayaran tertunda (i.e. *tawaruq*) atau pembiayaan Islam lain yang sesuai. Kos pinjaman yang berunsurkan faedah (MPSAS 5) adalah tidak bertepatan dengan keperluan Syariah dan MAIN.

Belanja pula adalah penurunan faedah ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pengenaan liabiliti yang menyebabkan penurunan dalam nilai aset/ekuiti bersih yang dapat diukur dengan pasti (Kerangka Konseptual IASB, 2018). Contoh belanja termasuk kos operasi pentadbiran, manfaat pekerja atau kakitangan, susut nilai aset, dan sebagainya. Dalam konteks perakaunan dana, kos berkaitan dengan urus niaga KW hendaklah dikenakan ke atas dana KW berkaitan. Sebagai contoh kos penyelenggaraan aset wakaf hendaklah dikenakan ke atas KW Wakaf seperti transaksi jurnal berikut:

Dt Penyelenggaraan (Penyata Aktiviti Kewangan)
Kt Tunai KW Wakaf

3.3.2 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil

Hasil diiktiraf di dalam Penyata Aktiviti Kewangan MAIN apabila memenuhi definisi hasil (rujuk Seksyen 3.3.2.1) serta kriteria yang ditetapkan oleh Kerangka Kerja Konseptual IASB, 2018 berikut:

- i. Berkemungkinan bahawa sebarang manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item hasil akan mengalir ke entiti, dan
- ii. Jumlah hasil dapat diukur dengan kebolehpercayaan.

Selain daripada kriteria di atas, hasil transaksi jualan hanya diiktiraf jika:

- i. Penjual telah memindahkan risiko dan ganjaran yang tinggi kepada pembeli.
- ii. Penjual tidak mengekalkan penglibatan pengurusan berterusan ke tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan atau kawalan berkesan ke atas barang yang dijual.
- iii. Jumlah hasil dapat diukur dengan pasti dan kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada penjual.
- iv. Kos yang ditanggung berkenaan dengan transaksi boleh diukur dengan pasti.

Sepertimana yang dinyatakan di seksyen sebelum ini, hasil urus niaga pertukaran MAIN

adalah terdiri dari urus niaga jualan barangan atau aset termasuk aset *fara'id*, penyewaan hartanah atau kemudahan, pelaburan di institusi kewangan atau syarikat bersekutu dan perjanjian kepenggunaan aset atau kemudahan. Bagi pengukuran hasil, nilai tunai yang diterima atau yang setara dengannya dan nilai saksama pada masa penerimaan atau belum terima (MPSAS 9) boleh diterima pakai dalam konteks MAIN. Walau bagaimanapun, bagi nilai aliran masuk wang tunai atau kesetaraan tunai ditunda, penggunaan kadar faedah untuk mendiskaunkan kesemua penerimaan masa hadapan menggunakan kadar faedah tertaksir (MPSAS 9, perenggan 16) adalah tidak selaras dengan Syariah. Sehubungan dengan itu, penggunaan indeks harga umum (*general price index*) sepertimana yang terdapat dalam *hyperinflation economies* (MFRS 129) dicadangkan menggantikan kaedah diskaun penerimaan masa hadapan menggunakan kadar faedah tertaksir.

Bagi titik pengiktirafan pula, amalan semasa yang berdasarkan kepada perakaunan asas akruan di MAIN seperti berikut adalah bertepatan dengan keperluan Syariah:

- i. Hasil sewaan – tarikh kuatkuasa perjanjian
- ii. Hasil pelaburan – tarikh pengisytiharan
- iii. Hasil jualan/fi – tarikh transaksi jualan/perkhidmatan
- iv. Royalti – tarikh kuatkuasa perjanjian

Satu lagi jenis hasil urus niaga pertukaran MAIN adalah hasil jualan inventori oleh anak syarikat. Buat masa ini, anak syarikat MAIN ditubuhkan di bawah KW Baitulmal. Walau bagaimanapun, pada masa hadapan, KW Zakat dan KW Wakaf juga mungkin akan memiliki anak syarikat. Oleh itu, hasil jualan inventori boleh direkodkan di bawah KW masing-masing selaras dengan perakaunan dana.

Secara umum, semua hasil kutipan mesti dilaporkan pada jumlah kasar (SORP, perenggan 5.9). Sebarang kos dan perbelanjaan kutipan tidak boleh ditolak daripada jumlah yang dikutip (off-set) dalam perakaunan dan pelaporan hasil dan perbelanjaan kutipan hasil. Mengikut konsep asas perakaunan akruan, pengiktirafan hasil dibuat apabila hasil telah diperolehi, bukan hanya apabila tunai diterima. Selanjutnya, elemen seperti sifat, amaun, masa dan ketidakpastian hasil dan aliran tunai yang timbul daripada kontrak dengan pelanggan harus dilaporkan (MFRS 15). Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau yang boleh diterima [IAS 18.9; MPSAS 9].

3.3.3 Pengiktirafan dan Pengukuran Belanja

Belanja boleh diiktiraf jika kebarangkalian tinggi/kemungkinan besar (*high probability*) aliran keluar ekonomi yang boleh diukur dengan tepat (Kerangka Kerja Konseptual IASB, 2018).

Mengikut konsep pepadanan (*matching concept*), belanja hendaklah diiktiraf dalam tempoh yang sama dengan hasil yang berkaitan dengannya. Sekiranya ini tidak berlaku, belanja mungkin akan diiktiraf sebagai belanja ditanggung. Pengiktirafan perbelanjaan berlaku apabila ia ditanggung dan bukanlah apabila tunai dibayar. Dasar pengiktirafan belanja di atas serupa dengan rangka kerja konsep AAOIFI, di mana prinsip dasar untuk pengiktirafan belanja berlaku sama ada kerana kos berkaitan langsung dengan hasil yang telah direalisasikan dan diiktiraf atau kerana berkaitan dengan jangka waktu tertentu yang diliputi oleh penyata pendapatan. Manakala belanja diukur pada nilai yang dibayar atau ditanggung, iaitu amaun yang perlu dibayar.

Di bawah perakaunan dana, agihan Zakat adalah perbelanjaan utama KW Zakat. Zakat mengikut tradisi diagihkan terus kepada asnaf yang telah dikenal pasti oleh MAIN atau juga dirujuk sebagai agihan konsumtif. Walau bagaimanapun, perkembangan mutakhir dalam agihan Zakat mengharuskan pelaburan dana Zakat untuk tujuan dipulangkan semula kepada asnaf. Agihan ini dirujuk sebagai agihan produktif dan beberapa Majlis Fatwa negeri masing-masing di Malaysia telah menfatwakan keharusan menggunakan dana Zakat dalam pelaburan dengan bersyarat. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengharuskan penggunaan duit Zakat yang atas *masalah ammah* (rujuk Fatwa yang di keluarkan pada 19 November 2002). Begitu juga dengan Majlis Agama Islam Perlis telah mengharuskan pelaburan dana Zakat untuk masalah yang dikembalikan kepada asnaf (Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke- 18/2015 Tarikh: 22-23 April 2015 / 3-4 Rejab 1436h). MAIWP juga melaksanakan pelaburan ke atas dana Zakat yang berlebihan untuk diserahkan semula kepada asnaf. Perbincangan perolehan aset Zakat di bawah agihan produktif serta perakaunan yang dicadangkan untuk tujuan pembangunan PPI telah dibincangkan di seksyen terdahulu mengenai aset.

Bagi KW Wakaf, pengukuran bagi perbelanjaan wakaf pula terbahagi kepada dua jenis: kos operasi dan kos penyelenggaraan yang dimodalkan. Kos operasi seperti penyelenggaraan bukan modal, pemulihan, dan pentadbiran hendaklah dikenakan kepada KW Wakaf. Perbelanjaan modal seperti kos pembaharuan, penggantian, dan lain-lain hendaklah diiktiraf sebagai aset KW Wakaf. Amalan perakaunan yang dicadangkan telah dibincangkan di seksyen aset sebelum ini. Pengukuran perbelanjaan wakaf mesti dilakukan dengan asas nilai tunai yang dibayar atau direkodkan.

Bagi manfaat pekerja pula seperti gaji, caruman wajib (seperti KWSP/KWAP), Gantian Cuti Rehat (GCR), ganjaran penamatan kontrak, pelan persaraan (*gratuity*) dan manfaat bukan tunai adalah lebih sesuai direkodkan dalam KW Baitulmal. Bagi manfaat pekerja, dua hadis

Rasulullah SAW berkenaan dengan perkara ini adalah sangat penting:

- i. *'Berikanlah upah buruh itu selagi belum kering keringat nya'* (Riwayat oleh Ibnu Majah dan Baihaqi)
- ii. *'Berilah makanan dan pakaian kepada pekerja-pekerja dan hamba-hamba kamu mengikut kebiasaan dan bebaskanlah mereka kerja yang setimpal dengan kemampuan mereka'* (Riwayat oleh Bukhari).

Dari dasar yang telah diterangkan di atas, disyorkan manfaat jangka masa panjang (iaitu lebih dari 12 bulan) seperti ganjaran penamatan kontrak dan GCR dibuat pengiktirafan oleh semua MAIN sebagai tanggungan memandangkan obligasi ini boleh dianggarkan secara pasti berdasarkan rujukan dokumen-dokumen pekerjaan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, bagi manfaat pekerja yang terlalu panjang dan terdapat terlalu banyak keraguan di dalam jangkaan jumlah manfaat jangka panjang, kami mencadangkan bagi transaksi tersebut tidak direkodkan tetapi maklumat tersebut perlu didedahkan di dalam nota kepada akaun. Di bawah, diberikan contoh perekodan manfaat pekerja berdasarkan kepada kontrak (lebih 12 bulan).

Ilustrasi:

MAIN mengambil seorang pekerja kontrak untuk tiga tahun. Di permulaan kontrak, pekerja tersebut akan diberikan gaji sebanyak RM30,000 setahun. Disamping itu, MAIN juga bersetuju di dalam kontrak untuk memberikan kenaikan gaji sebanyak 10% untuk setiap tahun. Di akhir kontrak, MAIN juga telah bersetuju untuk memberikan ganjaran penamatan kontrak seperti pengiraan berikut:

Pengiraan ganjaran penamatan kontrak = 5% x Gaji akhir x Period kontrak
Pengiraan gaji akhir pekerja = (RM30,000 x 1.10) x 1.10 = RM36,300
Pengiraan ganjaran penamatan kontrak = 5% x 36,300 x 3 tahun = RM5,445

Sekiranya MAIN berkeyakinan bahawa pekerja tersebut akan bekerja sehingga ke akhir tempoh kontrak, keseluruhan ganjaran penamatan kontrak boleh direkodkan sebagai liabiliti MAIN.

Berikut adalah cadangan catatan jurnal untuk ilustrasi di atas:

Tahun 1:	Dt. Perbelanjaan manfaat pekerja	1,815
	Kt. Peruntukan penamatan kontrak	1,815

Tahun 2:	Dt. Perbelanjaan manfaat pekerja	1,815
	Kt. Peruntukan penamatan kontrak	1,815
Tahun 3:	Dt. Perbelanjaan manfaat pekerja	1,815
	Kt. Peruntukan penamatan kontrak	1,815
Penghujung:	Dt. Peruntukan penamatan kontrak	5,445
Tahun 3	Kt. Tunai (pembayaran penamatan kontrak)	5,445

3.4 Penyata Aliran Tunai

Sepertimana yang telah dibincangkan dalam Bab 2, tujuan utama Penyata Aliran Tunai adalah untuk menyediakan maklumat mengenai bagaimana sebuah entiti menggunakan tunai yang diamanahkan atau dihasilkan dari aktiviti-aktivitinya. Kami cadangkan agar MAIN dan setiap kumpulan wang menggunakan kaedah langsung dalam laporan kedudukan aliran tunai sebab kaedah ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai sumber dan penggunaan wang tunai daripada kaedah tidak langsung (sila lihat Lampiran A: Jadual 3). Perbincangan tentang perlunya membentangkan dalam bentuk kolumnar telah pun dibincangkan dalam Bab 2. Cadangan terperinci berkenaan pindaan perenggan dalam MPSAS 2 adalah seperti dalam Jadual 3.5 berikut:

Jadual 3. 5: Pindaan pada MPSAS 2

Perenggan	Kandungan	Huraian
	Objektif	Aliran tunai entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf Tunai yang diterima dan diagih mengikut tuntutan Syariah
2	Kegunaan maklumat alir tunai	Mematuhi tuntutan Syariah
3	Pemakaian piawaian	Piawaian ini perlu diguna pakai oleh entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf
5	Manfaat maklumat alir tunai	Memberi maklumat tentang aliran masuk dan keluar tunai selaras dengan tuntutan syariah Contoh: Kutipan dan agihan Zakat; penerimaan & pelaburan dana Wakaf

8	Definisi	Aset Amanah Istibdal Wakaf Wakaf Khas Aset Liabiliti Ekuiti Hasil Belanja
10	Overdraf bank	Bank patuh Syariah
14	Contoh entiti ekonomi	Contoh bersesuaian melibatkan entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
18	Pelaporan alir tunai bagi tempoh dan diklasifikasi mengikut	Tuntutan Syariah dan Perundangan Negeri. Penyediaan penyata berasingan bagi dana Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
19	aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan	
20	Perincian kepada perenggan 18 & 19	Tuntutan Syariah: Pengasingan aliran tunai daripada urus niaga yang meragukan
21-24	Aktiviti Operasi	Alir tunai operasi selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
21	Alir tunai bersih dari operasi	Alir tunai operasi selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
22	Contoh alir tunai dari aktiviti operasi	Alir tunai operasi selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh: Kutipan Zakat; agihan Zakat; penerimaan Wakaf tunai; pembayaran tunai untuk penyelenggaraan harta Wakaf; pembayaran tunai untuk urusan berkaitan Baitulmal
23	Alir tunai dari belian dan jualan sekuriti dagangan	Sekuriti patuh Syariah
24	Dana yang diterima dari kerajaan/entiti awam lain untuk operasi	Dari entiti patuh Syariah
25	Aktiviti Pelaburan	Alir tunai pelaburan selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh: pelaburan dana Wakaf Pelaburan patuh syariah
26	Aktiviti Pembiayaan	Alir tunai pembiayaan selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh: Pinjaman dari kerajaannegeri; Geran pengurusan Pembiayaan dari Institusi Kewangan patuh Syariah
32	Alir tunai yang boleh dilaporkan pada asas bersih	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.

33	Contoh penerimaan dan pembayaran tunai di bawah perenggan 32(a)	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
34	Contoh penerimaan dan pembayaran tunai di bawah perenggan 32(b)	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
36-39	Alir Tunai Mata wang Asing	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
36	Pelaporan alir tunai dari urus niaga dalam mata wang asing	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
37	Alir tunai entiti asing yang dikawal	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
38	Alir tunai mata wang asing	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
39	Laba atau kerugian belum realis	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
40-43	Faedah* dan dividen atau agihan yang seumpamanya	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh: Hibah & kos kewangan
40	Pendedahan berasingan faedah* dan dividen atau agihan yang seumpamanya	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh: Hibah & kos kewangan
41	Pelaporan faedah* dibayar	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh: kos kewangan
42	Pengkelasan faedah* dibayar, faedah diterima dan dividen serta agihan yang seumpamanya yang diterima	Mengikut kesesuaian urus niaga patuh Syariah entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh: Hibah
47-48	Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	Dalam Entiti dikawal, syarikat bersekutu dan usaha sama yang patuh syariah
47	Alir tunai antara entiti pelapor dan syarikat bersekutu serta entiti dikawal	Syarikat bersekutu yang patuh Syariah
48	Alir tunai antara entiti pelapor dan entiti dikawal bersama	Entiti dikawal yang patuh Syariah
49-53	Perolehan dan Perlupusan Entiti Dikawal dan Lain-lain Unit Operasi	Perolehan dan Pelupusan Entiti Dikawal yang patuh Syariah

49	Pendedahan berasingan alir tunai agregat dari pemerolehan dan perlupusan entiti dikawal dan lain-lain unit operasi	Perolehan dan Pelupusan Entiti Dikawal yang patuh Syariah
50	Maklumat yang perlu didedahkan berhubung pemerolehan dan perlupusan entiti dikawal dan lain-lain unit operasi	Perolehan dan Pelupusan Entiti Dikawal yang patuh Syariah
51	Pendedahan sebagai butiran berasingan kesan alir tunai pemerolehan dan perlupusan entiti dikawal dan lain-lain unit operasi serta pendedahan maklumat tentang aset dan liabiliti yang diperolehi atau dilupuskan	Perolehan dan Pelupusan Entiti Dikawal yang patuh Syariah
60	Contoh baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh entiti dan tidak dapat digunakan	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf.

*Terma “faedah” harus ditukar kepada satu terma yang menggambarkan ciri Islam

Selain dari tiga penyata kewangan utama yang harus disediakan oleh setiap kumpulan wang, kami mencadangkan beberapa penyata lain yang perlu disediakan oleh kumpulan wang tertentu. Sebagai contoh, KW Wakaf disaran menyediakan Penyata Kewangan Ghallah dan Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf manakala KW Zakat perlu menyediakan Penyata Kutipan dan Agihan Zakat dan Penyata Aset Kelolaan. Jadual 3.6 berikut menyenaraikan penyata yang perlu disediakan oleh setiap kumpulan wang bawah kelolaan MAIN.

Jadual 3. 6: Penyata Kewangan KW BZW

Penyata	KW Baitulmal	KW Zakat	KW Wakaf
1. Penyata Aktiviti Kewangan	√	√	√
2. Penyata Kedudukan Kewangan	√	√	√
3. Penyata Aliran Tunai	√	√	√
4. Penyata Kutipan dan Agihan Zakat		√	
5. Penyata Aset Kelolaan KW Zakat		√	
6. Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf			√
7. Penyata Kewangan Ghallah			√
8. Penyata Prestasi Perkhidmatan KW Wakaf			√

3.5 Penyata Kutipan dan Agihan Zakat

Tujuan utama Penyata Kutipan dan Agihan Zakat adalah untuk mendedahkan jumlah sebenar kutipan dan agihan Zakat dalam suatu tahun kewangan. Maklumat jumlah kutipan Zakat hendaklah dikategorikan mengikut jenis Zakat dan agihan pula diperincikan mengikut asnaf termasuk agihan kepada amil. Pendedahan ini dikategorikan di bawah masalah *hajiyyah* iaitu memberi penjelasan ke atas maklumat asas. Perbincangan mengenai Penyata Kutipan dan Agihan Zakat ini telah dibincangkan dalam Bab 2.

3.6 Penyata Aset Kelolaan KW Zakat

Penyata ini melaporkan aset-aset yang diperolehi untuk tujuan pengagihan manfaat kepada asnaf. Perbezaan nyata di antara penyata ini dengan nota aset adalah (i) Kategori asnaf yang mendapat manfaat dan (ii) Agihan manfaat terkumpul. Kedua-dua maklumat ini perlu bagi tujuan kawalan oleh MAIN dan pemegang taruh. Kedua-dua maklumat ini tidak dapat di nyatakan secara terperinci di dalam nota aset umum. Justeru itu Penyata Perubahan Aset Kelolaan hendaklah dilaporkan sebagai sebahagian nota penyata kewangan dengan tujuan membantu pemegang taruh dalam memahami agihan Zakat yang dibuat oleh MAIN. Pelaporan ini dikategorikan sebagai pelaporan *hajiyyah*.

Jadual 3. 7: Penyata Perubahan Aset Kelolaan KW Zakat

Bil	Keterangan Aset (Mengikut kategori asnaf)	Nilai awal A	Penambahan B	Pengurangan C	Agihan Manfaat Tahun Semasa D	Agihan Manfaat Terkumpul	Nilai akhir E=A+B-C-D
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
1	HLP - Tanah	xx	xx	(xx)	xx	(xx)	xx
2	HLP – Bangunan	xx	xx	(xx)	xx	(xx)	xx
3	HLP - Kenderaan	xx	xx	(xx)	xx	(xx)	xx
4	HLP - Peralatan	xx	xx	(xx)	xx	(xx)	xx
	Jumlah	xx	xx	xx	xx	Xx	xx

Di sini disediakan ilustrasi bagi perkembangan semasa di dalam agihan Zakat sepertimana yang telah dibincangkan di perenggan sebelum ini. MAIN XYZ telah memperkenalkan skim-skim baharu di dalam agihan Zakat. Skim-skim ini merupakan

pemberian manfaat kepada asnaf- asnaf Zakat. Di antara skim-skim tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pembelian 50 buah mesin jahit yang bernilai RM2,000 sebuah bagi membantu ibu tunggal yang miskin di dalam menjalankan aktiviti menjahit baju bagi menjana pendapatan untuk keluarga. Pemberian mesin jahit ini diberikan kepada asnaf dengan hak pemilikan.
- ii. Pembelian 10 unit van yang bernilai RM45,000 seunit. Pembelian van ini adalah untuk membantu asnaf faqir dan miskin di dalam menjalankan perniagaan “foodtruck”. Asnaf faqir dan miskin diberikan hak penggunaan van tersebut bagi tempoh 3 tahun. Kos penyelenggaraan tahunan bagi van tersebut sebanyak RM1,000 ditanggung oleh MAIN XYZ. Jangka hayat bagi penggunaan van tersebut adalah selama 9 tahun.
- iii. MAIN XYZ telah memperuntukan wang Zakat sebanyak RM5,000,000 bagi pembinaan sebuah bangunan 100 bilik bagi menempatkan asnaf muallaf yang baru memeluk Islam. Di antara permasalahan yang selalu dihadapi oleh golongan asnaf muallaf apabila mereka memeluk Islam ialah mereka dibuang oleh keluarga mereka dan tiada tempat tinggal untuk didiami. MAIN XYZ akan memberikan penempatan bilik ini kepada asnaf muallaf yang memerlukan secara percuma. Kadar sewaan semasa sebuah bilik di kawasan tersebut adalah RM200 sebulan. Secara purata, kadar penghunian adalah sekitar 70% sebulan daripada penghunian penuh. Kos penyelenggaraan bangunan ini adalah sebanyak RM2,000 sebulan.
- iv. MAIN XYZ telah membeli sebuah bangunan pada kos RM500,000 untuk tujuan penempatan anak-anak yatim daripada golongan fakir dan miskin. Penempatan anak-anak yatim ini secara puratanya adalah penuh. Kos penyelenggaraan tahunan bagi bangunan tersebut ada sebanyak RM20,000. Jangka hayat bangunan ini adalah 20 tahun.

Berikut adalah cadangan layanan perakaunan bagi transaksi yang tersebut di atas:

- i. Bagi transaksi pemberian mesin jahit kepada ibu tunggal yang miskin, transaksi tersebut boleh diklasifikasikan sebagai perbelanjaan. Transaksi ini tidak akan direkodkan di dalam Penyata Perubahan Aset Kelolaan. Oleh itu, layanan perakaunannya adalah seperti berikut:

Dt	Agihan Zakat	2,000
----	--------------	-------

Kt Tunai 2,000

- ii. Bagi transaksi kedua dan ketiga, ianya perlu direkodkan di dalam Penyata Perubahan Aset Kelolaan (Jadual 3.8) kerana ianya melibatkan pemberian manfaat jangka panjang. Isu yang berkaitan dengan pemberian manfaat jangka panjang ialah mengenai anggaran jumlah manfaat yang telah diberikan di dalam setiap tahun perakaunan. Dari sudut layanan perakaunan konvensional, pembelian 10 unit van dan pembangunan sebuah bangunan untuk kegunaan asnaf mualaf akan direkodkan sebagai aset tetap atau aset jangka panjang. Aset jangka panjang ini kemudiannya akan disusut nilaikan bagi setiap tahun perakaunan berdasarkan kepada usia guna aset tetap tersebut. Perlu ditekankan di sini bahwa Penyata Perubahan Aset Kelolaan ialah satu penyata memorandum sahaja. Penyediaan penyata tersebut bolehlah dianggap sebagai maklumat tambahan yang didedahkan untuk memenuhi keperluan masyarakat (*hajiyyah*).
- iii. Daripada perspektif pengurusan dana Zakat, pembelian 10 unit van dan pembangunan sebuah bangunan untuk kegunaan asnaf akan diambil kira sebagai pemberian manfaat jangka panjang kepada asnaf. Oleh kerana MAIN XYZ menyediakan penyata kewangan tahunan, anggaran manfaat yang telah diberikan kepada asnaf perlu dilakukan bagi setiap tahun kewangan. Bagi aset van, oleh kerana secara dasarnya, ia hanya boleh diberikan kepada seorang asnaf bagi satu masa, penggunaan asas susut nilai boleh diguna pakai untuk menganggarkan jumlah manfaat yang telah diberikan kepada asnaf. Tambahan pula, MAIN XYZ telah menyatakan dengan jelas bahawa penggunaan van tersebut adalah untuk tempoh tiga tahun.
- iv. Bagi bangunan untuk kegunaan asnaf, pemberian manfaat kepada asnaf adalah berdasarkan kepada kadar kediaman dan kadar sewaan semasa. Oleh itu penggunaan asas susut nilai garis lurus adalah tidak tepat di dalam anggaran jumlah manfaat yang diberikan di dalam tahun perakaunan. Berdasarkan kepada maklumat yang dinyatakan di atas, kadar kediaman purata adalah 70% dan kadar sewaan semasa untuk sebuah bilik ialah RM200 sebulan. Jumlah kesemua bilik sewaan di bangunan tersebut adalah 100 buah bilik, oleh itu, pengiraan anggaran jumlah manfaat yang diberikan bagi tahun semasa adalah seperti berikut:
- $$70\% \times 100 \text{ bilik} \times \text{RM}200 \times 12 \text{ bulan} = \text{RM}168,000$$
- v. Bagi bangunan untuk anak-anak yatim, agihan manfaat dianggarkan berdasarkan kepada jangka hayat bangunan tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada penghunian yang penuh.

Jadual 3. 8: Penyata Perubahan Aset Kelolaan KW Zakat

Keterangan	Baki Awal RM	Penambahan RM	Pengurangan RM	Agihan Manfaat Semasa RM	Agihan Manfaat Terkumpul RM	Baki Akhir RM	Nota
1. 10 unit van “foodtruck”	450,000	-	-	50,000	-	400,000	1
2. Bangunan penempatan asnaf muafak	5,000,000	-	-	168,000	-	4,832,000	2
3. Bangunan anak yatim	500,000	-	-	25,000	-	475,000	3

Nota:

1. Agihan manfaat berdasarkan kepada jangka hayat van selama 9 tahun
2. Agihan manfaat adalah berdasarkan kepada kadar penghunian purata dan kadar sewaan. Sebagai contoh, di dalam ilustrasi anggaran manfaat yang diagihkan adalah berdasarkan kepada pengiraan berikut:

$$70\% \times 100 \text{ bilik} \times \text{RM}200 \times 12 \text{ bulan} = \text{RM}168,000$$

3. Agihan manfaat adalah berdasarkan kepada jangka hayat bangunan selama 20 tahun.

3.7 Penyata Kewangan Ghallah KW Wakaf

Penyata Kewangan Ghallah adalah pelaporan mengenai maklumat penjanaaan dana wakaf yang boleh diagihkan kepada penerima manfaat wakaf. Ia merupakan sebahagian dari Penyata Aktiviti Kewangan KW Wakaf yang dicadangkan oleh AAOIFI di perenggan 34-36 Deraf Pendedahan (F4/2019) “Financial Reporting by Waqf Institutions”. Terdapat beberapa penyesuaian yang perlu dilakukan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Ghallah daripada Penyata Aktiviti Kewangan. Antara penyesuaian utama adalah berkaitan dengan keuntungan daripada perubahan nilai saksama dan pendapatan akruan yang tidak sedia untuk diagihkan sebagai Ghallah. Begitu juga dengan kerugian daripada perubahan nilai saksama. Keuntungan nilai saksama yang diiktiraf sebelumnya yang kini direalisasikan dalam bentuk tunai dan setara tunai juga perlu dibuat penyesuaian. Begitu juga dengan kerugian nilai saksama yang diiktiraf sebelumnya. Penjelasan yang lebih terperinci boleh dirujuk kepada perenggan 34-36 Deraf Pendedahan (F4/2019) “Financial Reporting by Waqf Institutions”. Dalam konteks pengurusan wakaf di Malaysia, pelaporan Penyata Kewangan Ghallah ini di kategorikan sebagai pelaporan *hajiyyah* dimana ianya dapat memberi maklumat tambahan mengenai penjanaaan hasil dan pengagihannya kepada penerima manfaat wakaf. Justeru dicadangkan Penyata Kewangan Ghallah ini didedahkan sebagai nota akaun KW Wakaf. Perlu ditekankan disini bahawa penyata ini hanya lah berbentuk “memorandum” sahaja. Berikut adalah ilustrasi untuk penyediaan Penyata Kewangan Ghallah.

Ilustrasi:

Lebihan bagi tahun semasa berakhir 31 Disember 20X9 ialah RM1,508,600. Maklumat-maklumat berikut adalah relevan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Ghallah.

- a. Terdapat sebuah bangunan yang mengalami kerugian di dalam nilai saksama sebanyak RM100,000. Kerugian di dalam nilai saksama ini telah direkodkan di dalam Penyata Aktiviti Kewangan.
- b. Terdapat sebuah bidang tanah yang disewakan untuk tujuan letak kereta. Nilai semasa tanah ini telah meningkat sebanyak RM200,000 disebabkan oleh kegiatan ekonomi di persekitaran tanah tersebut. Kenaikan nilai saksama sebanyak RM200,000 ini telah direkodkan sebagai pendapatan di dalam Penyata Aktiviti Kewangan.
- c. Lembaga pengarah telah meluluskan untuk melupuskan sebidang tanah yang telah mengalami kerugian di dalam nilai semasa sejak lima tahun yang lepas dan menggantikan tanah tersebut dengan tanah yang mempunyai potensi untuk

dibangunkan. MAIN PQR telah mengalami kerugian sebanyak RM150,000 di dalam pelupusan tersebut.

- d. MAIN PQR telah membeli sebuah bangunan di Kaherah, Mesir pada nilai Egyptian Pounds 4,000,000 hasil daripada kutipan wakaf tunai pada tahun berakhir 31 Disember 20X8. Bangunan ini dibeli bagi tujuan sewaan bagi menjana pendapatan. Kadar tukaran yang asing di antara Ringgit Malaysia and Egyptian Pounds pada 31 Disember 20X8 ialah RM1 bersamaan dengan EP4. Pada tahun berakhir 31 Disember 20X9, nilai semasa bangunan tersebut telah meningkat kepada EP 4,840,000. Kadar tukaran yang asing di antara Ringgit Malaysia and Egyptian Pounds pada 31 Disember 20x9 ialah RM1 bersamaan dengan EP4.20.
- e. Telah menjadi polisi MAIN PQR di mana 10% daripada lebihan semasa daripada aktiviti kewangan KW Wakaf akan dipindahkan kepada reserve bagi tujuan untuk menampung agihan Ghallah pada masa yang akan datang. Baki di dalam *reserve* pada tahun berakhir 31 Disember 20X8 ialah sebanyak RM289,000. Kesemua dana di dalam *reserve* ini disimpan di dalam deposit tetap yang memberikan pulangan 5% setahun.
- f. Bagi tahun semasa berakhir 31 Disember 20X9, MAIN PQR telah mengagihkan pulangan daripada pelaburan dana wakaf seperti berikut:
 - i. Membantu golongan gelandangan sebanyak RM250,000
 - ii. Membantu golongan fakir dan miskin sebanyak RM300,000
 - iii. Membeli sebuah lot kedai satu tingkat pada nilai RM200,000 di Baling, Kedah. Pembelian lot kedai ini adalah untuk membantu golongan ibu tunggal yang miskin menjalankan perniagaan menjahit pakaian.
 - iv. Terdapat satu kumpulan 10 orang pelajar berpendapatan rendah yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di dalam bidang Syariah di Universiti Al-Azhar, Mesir. MAIN PQR telah meluluskan peruntukan untuk pembiayaan sebanyak RM1,000 seorang untuk setiap bulan bagi tahun berikutnya.
 - v. Pada 1 Januari 20X9, MAIN PQR masih ada baki manfaat yang belum dibayar sebanyak RM20,000.
 - vi. Baki Ghallah yang belum diagihkan pada 1 Januari 20X9 adalah sebanyak RM330,000

Jadual 3. 9: Ilustrasi Penyata Kewangan Ghallah

	RM	Nota
Surplus / (deficit) for the period (as depicted in the statement of financial activities)	1,508,600	
Add:		
Fair value losses	100,000	
Previously recognized fair value gains, accrual of income and other increase in assets or decrease in liabilities – now realized in cash and cash equivalents	-	
Transfers from reserves	-	
Less:		
Fair value gains, accrual of income (net of related impairment charge) and other increase in assets or decrease in liabilities not available for distribution as Ghallah	(200,000) (200,000)	1
Previously recognized fair value losses – now realized against cash and cash equivalents	(150,000)	
Ghallah attributed to Waqf equity (to be disclosed as a reserve)	(14,450)	2
Add/less: Adjustment for foreign currency translations	47,619	3
Add: Opening balance of unappropriated Ghallah	330,000	
Total Ghallah available for distribution	1,421,769	
LESS:		
BENEFITS DISTRIBUTED/ ALLOCATED AS PAYABLE		
i. direct distributions to beneficiaries (to be classified and presented according to nature of Waqf institution’s operations and conditions of Waqif);	250,000 300,000	
ii. utilization for own programs and other transfers to statement of financial activities (as transferred to the statement of financial activities);	-	
iii. utilization for procurement of assets – in form of creation of capital reserve;	200,000	
iv. any other incidental adjustment;	-	
v. opening balance of benefits payable (recorded as a liability);	20,000	
Less: Closing balance of benefits payable (recorded as a liability)	(120,000)	4
CLOSING BALANCE OF UNAPPROPRIATED GHALLAH	771,769	

Nota:

1. Jumlah ini adalah berkaitan dengan bangunan yang dibeli oleh MAIN PQR di Kaherah, Mesir. Pada 31 Disember 20X9, nilai semasa bangunan tersebut telah meningkat sebanyak EP840,000. Kadar tukaran mata wang asing pada tarikh tersebut adalah RM1=EP4.2. Oleh itu, kenaikan nilai saksama pada 31 Disember 20x9 yang direkodkan di dalam Penyata Aktiviti Kewangan adalah sebanyak RM200,000 ($EP840,000 / 4.2$)
2. $RM289,000 \times 5\% = RM14,450$
3. Berkaitan bangunan di Mesir dan berkaitan dengan Nota 1. Nilai bawaan bagi bangunan tersebut adalah RM1,200,000 ($EP4,000,000 / 4 + RM200,000$ seperti di Nota 1). Nilai semasa bangunan tersebut adalah EP4,840,000. Nilai tukaran mata wang semasa adalah RM1 = EP4.2. Oleh itu nilai semasa bangunan tersebut adalah RM1,152,381 ($EP4,840,000 / 4.2$). Oleh itu terdapat kerugian di dalam translation mata wang asing sebanyak RM47,619.
4. $RM1,000 \times 10 \text{ orang pelajar} \times 12 \text{ bulan} = RM120,000$

3.8 Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf

Secara ringkasnya ia menunjukkan pergerakan dalam pelbagai komponen ekuiti KW Wakaf dalam tahun perakaunan tersebut. Penyata ini, khususnya, akan memperlihatkan *pergerakan* yang berkaitan dengan Ghallah (*yield of waqf investments*) dan pembahagian pulangan/keuntungan dalam pergerakan lebihan/defisit terkumpul yang masih belum diperuntukkan lagi. Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf juga menunjukkan penambahan atau pengurangan aset wakaf di dalam tahun semasa. Pengurangan aset wakaf adalah berkaitan dengan proses Istibdal aset wakaf. Istibdal aset wakaf boleh berlaku di dalam dua kaedah. Kaedah pertama ialah dengan pertukaran terus di antara aset wakaf yang diserahkan dan aset wakaf baru yang diterima. Perbezaan di antara nilai kedua-dua aset akan direkodkan sebagai lebihan atau kurangan nilai Istibdal. Lebihan atau kurangan nilai Istibdal ini juga akan ditunjukkan di dalam Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf. Sekiranya terdapat pindahan dana ghallah kepada rizab modal untuk pembangunan sesuatu aset, ianya juga akan dinyatakan di dalam penyata ini.

3.8.1 Penyata Prestasi Perkhidmatan

Institusi Wakaf mungkin ingin melaporkan maklumat tambahan dalam bentuk Penyata Prestasi Perkhidmatan sebagai nota ke penyata kewangan atau disertakan dengan penyata kewangan. Tujuan penyata ini adalah untuk memberi maklumat bukan kewangan supaya dapat membantu pengguna memahami prestasi operasi institusi Wakaf berkaitan dengan aktiviti kewangan organisasi tersebut. Pelaporan prestasi perkhidmatan mengandungi dua elemen iaitu hasil

(outcomes) dan adalah berdasarkan pada dua elemen iaitu hasil (outcomes) dan output.

Hasil merupakan apa yang ingin dicapai oleh institusi Wakaf dari segi kesannya kepada masyarakat manakala output pula ialah barang, faedah, “grants” atau pengagihan (dalam bentuk perkhidmatan atau barang) yang dibuat oleh institusi Wakaf dalam tempoh satu tahun perakaunan. Sekiranya KW Wakaf menguruskan banyak dana Wakaf atau dana lain untuk tujuan yang berbeza, dana-dana tersebut haruslah dinyatakan secara berasingan.

Penyataan prestasi perkhidmatan hendaklah menerangkan dengan jelas apa yang ingin dicapai atau dipengaruhi oleh institusi Wakaf melalui pengagihan barang atau perkhidmatannya. Penerangan mengenai hasil dalam pernyataan prestasi perkhidmatan harus lebih spesifik dan tertumpu pada apa yang ingin dicapai oleh Institusi Wakaf dalam jangka masa pendek hingga sederhana. Output yang mungkin boleh diguna pakai dan didedahkan oleh KW Wakaf adalah seperti berikut:


- i. ukuran kualiti barang atau perkhidmatan yang dihantar;
- ii. ukuran ketepatan masa penghantaran barang atau perkhidmatan entiti jika ini penting bagi benefisiari;
- iii. peruntukan pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan setiap kategori output Wakaf;
- iv. pengukuran sumbangan daripada sukarelawan dari segi jam atau setaraf kakitangan sepenuh masa dan
- v. ukuran prestasi kuantitatif menggunakan nisbah prestasi

3.9 PELAPORAN DAN PENDEDAHAN PELABURAN DAN PEGANGAN KEPENTINGAN DI DALAM ENTITI LAIN

Pelaburan boleh dilakukan melalui anak syarikat di mana MAIN mempunyai kuasa sepenuhnya di dalam menentukan keputusan berkaitan dengan operasi dan aktiviti anak syarikat. Secara umumnya, penentuan kuasa mutlak selalunya ditentukan melalui pegangan ekuiti di dalam anak syarikat (50% ke atas). Pelaburan juga boleh dilakukan melalui syarikat bersekutu di mana, pada dasarnya, pegangan ekuiti adalah di bawah 50%. Walau bagaimanapun, tahap pegangan ekuiti mestilah melebihi 20% untuk memberikan MAIN kuasa yang signifikan di dalam menentukan keputusan di dalam operasi dan aktiviti syarikat bersekutu. Begitu juga


dengan aktiviti usaha sama di mana MAIN mempunyai kuasa bersama dengan *venturer* di dalam menentukan keputusan di dalam usaha sama tersebut.

Rajah 3. 6: Contoh Pelaburan dan Struktur Pegangan Kepentingan MAIN



Kesemua bentuk pelaburan yang disebut di atas sama ada pelaburan melalui anak syarikat atau syarikat bersekutu atau usaha sama secara langsung membentuk isu mengenai dengan pihak berkaitan (*related parties*). Isu pihak berkaitan wujud di antara entiti pengawal dengan anak syarikat, entiti pengawal dengan syarikat bersekutu atau dengan entiti pengawal dengan usaha sama (*joint venture*). Perbincangan mengenai pihak berkaitan tidak hanya terhad kepada isu pelaburan, malah ianya juga merangkumi isu berkaitan pengurusan tertinggi. Berdasarkan kepada Rajah 3.6 di atas, Subsidiari A dan Subsidiari B adalah pihak berkaitan kepada MAIN ABC di atas dasar kawalan. Di samping itu, Subsidiari A dan Subsidiari B adalah juga pihak berkaitan di antara satu sama lain. Associate X juga adalah pihak berkaitan kepada MAIN ABC di atas dasar pengaruh signifikan (*significant influence*). Co. PQR juga adalah pihak berkaitan kepada MAIN ABC di atas dasar kawalan bersama (*joint control*) dan persetujuan sebulat suara (*unanimous agreement*) dengan Co. DEF di atas dasar joint venture. Walau bagaimanapun, Co. DEF bukanlah pihak berkaitan dengan MAIN ABC.

Rajah 3. 7: Struktur Pentadbiran Kumpulan Wang MAIN



Konsep pihak berkaitan di dalam struktur aktiviti MAIN (seperti Rajah 3.7 di atas) akan menjadi lebih kompleks. Oleh kerana kesemua kumpulan wang ditadbir oleh MAIN, kesemua KW menjadi pihak berkaitan di antara satu sama lain. Ini menjadi satu lagi justifikasi untuk menyokong pendapat kami bahawa transaksi di antara kumpulan wang tidak boleh dihapuskan di dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Islam tidak melarang individu atau syarikat untuk membuat pelaburan selagi mana ianya tidak bercanggah dengan prinsip Syariah yang telah dibincangkan di awal Bab 3 ini. Walaupun terdapat perdebatan di antara ilmuwan, contohnya, di dalam membahaskan mengenai pelaburan menggunakan wang Zakat, kami berpendapat bahawa ianya dibenarkan selagi mana manfaat daripada pelaburan tersebut akan disalurkan kepada asnaf yang berhak. Wan Marhaini Wan Ahmad (2012) di dalam tesis Phd membincangkan mengenai pelaburan Zakat di Malaysia. Secara prinsipalnya, pelaburan Zakat adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sebagai contoh, manfaat daripada pelaburan Zakat hendaklah disalurkan kepada asnaf-asnaf yang berhak. Ianya juga hendaklah ditadbir oleh institusi yang mentadbir dana Zakat. Sebagai contoh, di Malaysia, institusi yang mentadbir dana Zakat ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Pelaburan Zakat hanya dibenarkan selepas hak asnaf-asnaf yang sangat memerlukan bantuan kewangan telah diselesaikan. Pandangan di atas adalah berdasarkan kepada *fatwa* yang dikeluarkan oleh Akademi Fiqh Islam di Jeddah pada tahun 1986. Terdapat beberapa *fatwa* lagi yang berkaitan dengan isu ini, yang pada asasnya membenarkan pelaburan dana Zakat dengan beberapa syarat tertentu.

Berkait dengan isu pelaburan ini ialah perbincangan mengenai layanan perakaunan terhadap

pelaburan tersebut. Di dalam layanan perakaunan konvensional, isu utama ialah mengenai penggabungan penyata kewangan entiti pengawal dan penyata kewangan entiti yang dikawal sebagai satu kumpulan. Sebelum penyata kewangan tersebut boleh disatukan, entiti pengawal dan entiti yang dikawal akan menyediakan penyata kewangan mereka secara berasingan. Kemudian, penyata-penyata kewangan tersebut akan disatukan. Terdapat tiga prinsip utama di dalam proses penyatuan penyata-penyata kewangan tersebut.

- i. Pertama, penggabungan item yang serupa di dalam aset, liabiliti, aset bersih / ekuiti, hasil, perbelanjaan dan aliran tunai di antara entiti kawalan dengan entiti yang dikawal.
- ii. Kedua, mengimbangi (menghilangkan) nilai dibawa pelaburan entiti pengawal di dalam setiap entiti yang dikawal dan bahagian aset bersih / ekuiti entiti kawalan.
- iii. Ketiga, hapuskan aset, liabiliti, aset bersih / ekuiti, hasil, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga antara entiti entiti ekonomi (lebih atau defisit yang timbul daripada urus niaga entiti ekonomi yang diiktiraf dalam aset, seperti inventori dan aset tetap, dihapuskan sepenuhnya). Kerugian daripada transaksi intra- entiti mungkin menunjukkan penurunan nilai yang memerlukan pengiktirafan dalam penyata kewangan disatukan.

Di dalam isu ini, kami mencadangkan bahawa perkara utama di dalam penyediaan penyata kewangan MAIN adalah penyediaan penyata kewangan berasingan berdasarkan kepada konsep perakaunan dana. Perbincangan yang terperinci mengenai perakaunan dana telah dilakukan di dalam Laporan Penyelidikan Fasa 4 dan Bab 2 di dalam laporan ini. Di dalam penyata kewangan berasingan ini, setiap dana atau kumpulan wang utama hendaklah mempunyai lajurnya yang tersendiri. Setiap kumpulan wang adalah satu entiti yang berasingan dengan objektifnya yang tersendiri. Lampiran 3.1 dan Lampiran 3.2 menunjukkan format penyata kedudukan kewangan dan penyata aktiviti kewangan. Perbincangan seterusnya akan mengambil kira beberapa isu di dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan di dalam aktiviti MAIN.

Isu 1: Penghapusan jumlah Zakat yang dibayar oleh anak syarikat kepada MAIN

MAIN XYZ mempunyai sebuah anak syarikat, Syarikat DEF Sdn. Bhd. Pelaburan di dalam Syarikat DEF Sdn. Bhd. adalah menggunakan KW Baitulmal. Syarikat DEF Sdn. Bhd telah menjana pendapatan yang lumayan dan membayar Zakat kepada MAIN XYZ sebanyak RM10 juta. Syarikat DEF Sdn. Bhd. akan merekodkan transaksi tersebut sebagai perbelanjaan syarikat, manakala MAIN XYZ akan merekodkan transaksi tersebut sebagai hasil kutipan KW Zakat. Sekiranya MAIN XYZ menyediakan penyata kewangan yang disatukan tanpa penyediaan kumpulan dana, transaksi tersebut akan dihapuskan di dalam penyata kewangan yang disatukan. Walau bagaimanapun, sekiranya MAIN XYZ mengambil kira kumpulan dana di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, transaksi tersebut tidak akan dihapuskan. Perbelanjaan bayaran Zakat (anak syarikat) akan direkodkan di dalam KW Baitulmal, manakala penerimaan kutipan Zakat akan direkodkan di dalam KW Zakat. Ilustrasi ini juga menyokong pendapat kami bahawa transaksi pihak berkaitan, di dalam kes ini pihak berkaitan adalah anak syarikat kepada MAIN, tidak boleh dihapuskan di dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Isu 2: Pinjaman di antara kumpulan wang tidak boleh dihapuskan di dalam penyata kewangan disatukan

MAIN XYZ telah berjaya mengumpulkan RM2,000,000 daripada kutipan Wakaf tunai. Hasil daripada kutipan ini, MAIN bercadang untuk membangunkan sebuah bangunan Wakaf yang dapat menjana pendapatan untuk kesejahteraan masyarakat. Kos untuk pembinaan bangunan tersebut adalah RM3,000,000. Untuk menampung kekurangan dana sebanyak RM1,000,000, MAIN telah meminjam daripada dana Zakat. MAIN akan memulangkan pinjaman tersebut daripada hasil pendapatan bangunan tersebut. Terdapat dua isu di sini seperti perbincangan berikut:

- i. Pinjaman daripada dana Zakat perlu direkodkan dengan jelas di dalam KW Wakaf

Dt	Tunai	1,000,000	
	Kt	Pinjaman dana Zakat	1,000,000

Manakala, KW Zakat perlu merekodkan bahawa pinjaman kepada KW Wakaf akan dibayar balik.

Dt	Pinjaman kepada Wakaf	1,000,000	
	Kt	Tunai	1,000,000

- ii. Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, penghutang dan pemiutang daripada transaksi tidak boleh dilupakan. Ianya hendaklah kekal di dalam KW masing-masing.

Isu 3: Penghapusan wang Zakat hak amil (di mana hak amil direkodkan sebagai pendapatan di dalam KW Baitulmal)

MAIN ABC telah mengutip Zakat sebanyak RM800,000 bagi tahun berakhir 20XX. Secara umumnya, jika kutipan Zakat ini dibahagikan secara sama rata, RM100,000 (1/8 daripada jumlah kutipan Zakat) akan direkodkan sebagai hasil bagi KW Baitulmal. Rekod jurnal perakaunan akan dibuat seperti berikut.

KW Zakat		KW Baitulmal	
Dt Agihan Zakat (amil)	100,000	Dt Tunai	100,000
Kt Tunai	100,000	Kt Terimaan Zakat (amil)	100,000

Dengan andaian bahawa MAIN ABC telah berjaya mengagihkan RM650,000 kepada asnaf- asnaf yang berhak daripada baki kutipan sebanyak RM700,000 (selepas agihan sebanyak RM100,000 kepada KW Baitulmal), MAIN ABC secara keseluruhannya telah mengagihkan sebanyak RM750,000. Sekiranya penyatuan penyata kewangan MAIN menggunakan prinsip perakaunan konvensional, pemberian hak amil sebanyak RM100,000 yang dipindahkan kepada KW Baitulmal akan dihapuskan sepenuhnya kerana ianya dianggap sebagai transaksi dalaman. Oleh itu, agihan Zakat di dalam penyata kewangan disatukan hanya akan menunjukkan jumlah agihan sebanyak RM650,000. Oleh itu, maklumat berkaitan hak amil akan mengelirukan pemegang taruh. Ini dapat dielakkan sekiranya MAIN ABC menyediakan penyata kewangan mereka berdasarkan kepada konsep perakaunan dana dan maklumat agihan akan kekal nyata di dalam penyata kewangan MAIN ABC kerana setiap KW adalah entiti yang berbeza yang tidak akan disatukan.

Jadual 3. 10: Penyata Kutipan dan Agihan Zakat

	Nota	KW Baitulmal	KW Zakat	KW Wakaf		Nota	KW Baitulmal	KW Zakat	KW Wakaf
Hasil					Belanja				
Kutipan Zakat	1		800,000		Agihan Zakat	2		750,000	
Terimaan Zakat		100,000							

Isu 4: Pinjaman di antara MAIN dan anak syarikat

MAIN PQR telah membiayai dua buah anak syarikat miliknya di dalam pembelian bas dan pengubahsuaian sebuah bangunan yang dimiliki oleh anak syarikat. Maklumat berkenaan transaksi tersebut adalah seperti berikut:

- i. MAIN PQR telah membeli sebuah bas dan menjual bas tersebut kepada anak syarikat X dengan menggunakan kontrak *Murabahah* pada 1 Januari 2016. MAIN PQR telah membeli bas tersebut pada kos RM420,000 dan menjual bas tersebut kepada anak syarikat pada harga RM450,000 dengan keuntungan RM30,000. Pembayaran akan dibuat secara ansuran selama 5 tahun (60 bulan) bermula 31 Januari 2016.
- ii. Terdapat kerosakan yang major pada sebuah bangunan yang dimiliki oleh anak syarikat Z. Kos untuk membaiki pulih kerosakan tersebut adalah sebanyak RM200,000. Kos tersebut akan dibiayai oleh MAIN PQR. MAIN tidak meletakkan apa-apa keuntungan di atas pembiayaan ini dan tidak terdapat sebarang pembayaran balik yang tetap.

Kedua-dua transaksi tersebut akan direkodkan oleh MAIN PQR sebagai jumlah hutang oleh anak syarikat. Manakala, anak syarikat X dan anak syarikat Z akan merekodkan sebagai jumlah hutang kepada MAIN PQR. Pada waktu yang sama, MAIN PQR juga membuat pinjaman sebanyak RM500,000 daripada anak syarikat Y bagi menampung kekurangan kutipan Wakaf tunai untuk membangun sebuah bangunan untuk anak-anak yatim daripada asnaf fakir dan miskin. Kesemua transaksi diatas akan dihapuskan di dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan mengikut layanan perakaunan konvensional. Walau bagaimanapun, transaksi tersebut tidak akan dihapuskan sekiranya MAIN PQR menggunakan konsep perakaunan dana di dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan. Ini adalah selari dengan pandangan kami di mana transaksi di antara pihak berkaitan hendaklah dikekalkan di dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Isu 5: Usaha sama

Ilustrasi:

Satu usaha sama telah dijalankan di antara MAIN ABC, MAIN XYZ dan Pertubuhan Peladang Daerah Kota Kuala Muda. Usaha sama ini adalah untuk meningkat taraf ekonomi asnaf faqir dan miskin di Daerah Kota Kuala Muda. Bagi membangunkan program usaha sama ini, MAIN ABC telah bersetuju untuk membangunkan 20 unit perumahan kos rendah bagi keluarga asnaf yang terlibat di dalam program ini. MAIN XYZ pula telah bersetuju untuk menyediakan

sebidang tanah seluas 10 ekar bagi tujuan pembangunan perumahan asnaf dan projek penanaman cili. Di samping itu, Pertubuhan Peladang Daerah Kota Kuala Muda pula telah bersetuju untuk terlibat di dalam projek usaha sama ini di mana mereka akan memberikan khidmat nasihat kepada asnaf yang terlibat. Pejabat Pertubuhan Peladang Kota Kuala Muda juga akan terlibat di dalam pemasaran hasil cili tersebut.

Kos pembinaan yang telah dibelanjakan oleh MAIN ABC di dalam membangunkan 20 unit perumahan kos rendah ialah RM600,000. MAIN ABC juga akan menanggung kos penyelenggaraan rumah-rumah tersebut sebanyak RM48,000 setahun. Sementara itu, nilai tanah yang disumbangkan oleh MAIN XYZ adalah RM1,000,000. Kos penyelenggaraan tanah tersebut bagi penanaman cili adalah sebanyak RM24,000 setahun. Kos penyelenggaraan ini termasuk kos biji benih dan kos fertigasi. Manakala, Pertubuhan Peladang pula akan terlibat di dalam projek usaha sama ini dengan memberikan khidmat nasihat dan memantau tanaman yang diusahakan oleh asnaf. Setiap pihak di dalam usaha sama ini hanyalah bertanggungjawab di atas aset dan liabiliti masing-masing. Hasil tanaman cili tersebut akan dibahagikan kepada pihak-pihak yang terlibat dimana 20% daripada hasil tersebut akan disimpan untuk kegunaan asnaf pada masa yang akan datang.

Ilustrasi di atas boleh diklasifikasikan sebagai operasi bersama. Walau bagaimanapun, kami berpendapat adalah lebih sesuai sekiranya aktiviti MAIN ini diselarikan dengan konsep kontrak di dalam Islam di mana operasi yang tersebut di atas boleh mengguna pakai kontrak *Mudharabah*.

Lampiran B laporan ini menyediakan ilustrasi komprehensif penyata kewangan berkaitan untuk rujukan penyediaan penyata kewangan MAIN.

3.10 RUMUSAN

Bab ini secara keseluruhannya membentangkan cadangan kerangka kerja perakaunan dan pelaporan Islam Baitulmal, Zakat, dan Wakaf di bawah seliaan MAIN. Ia lebih menumpukan kepada aspek perakaunan bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja bagi setiap kumpulan wang. Perbincangan terperinci telah dibuat terhadap tiga penyata kewangan utama iaitu Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Aktiviti Kewangan dan Penyata Aliran Tunai. Di samping itu, terdapat beberapa penyata kewangan tambahan bagi kumpulan wang tertentu seperti Penyata Kutipan dan Agihan Zakat, Penyata Aset Kelolaan KW Zakat, Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf dan Penyata Kewangan Ghallah KW Wakaf telah dicadangkan bertujuan untuk menangani isu akauntabiliti dalam pengurusan dana BZW oleh setiap MAIN. Kesimpulannya,

bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai pengurusan BZW dalam bentuk pendedahan dan pelaporan, penyata kewangan setiap KW (i.e. KW BZW) hendaklah digabungkan (tanpa operasi penghapusan transaksi antara KW). Cadangan penyata kewangan yang lengkap bagi institusi BZW (yang telah dibincang dalam Bab 2 dan 3) dimuatkan dalam Lampiran A.

BAB 4: RUMUSAN, IMPLIKASI, CABARAN, DAN HALATUJU PENYELIDIKAN

4.0 PENGENALAN

Objektif utama laporan akhir ini adalah untuk membincangkan secara keseluruhan cadangan pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam (PPIBZW) di Malaysia. Bab ini secara terperinci merumuskan konsep akauntabiliti, perakaunan dana, pendedahan, pengiktirafan, pengukuran, dan isu-isu penting sekitar pengurusan perakaunan MAIN-MAIN yang terlibat. Selain daripada itu, bab ini juga membincangkan cabaran dan strategi yang mungkin akan dihadapi MAIN dalam melaksanakan PPIBZW. Bab ini diakhiri dengan memberi saranan hala tuju penyelidikan pada masa hadapan bagi institusi-institusi BZW di Malaysia.

4.1 RINGKASAN

MAIN memainkan peranan yang kritikal dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam terutama di Malaysia kerana MAIN merupakan pemegang amanah serta pengurus dana-dana Baitulmal, Zakat, dan Wakaf yang diamanahkan oleh masyarakat Islam. Justeru, segala urusan pengurusan dana-dana ini haruslah diuruskan dengan profesional dan hendaklah dilaporkan dengan telus dalam Penyata Kewangan MAIN untuk kepentingan para pemegang taruh dan orang ramai. Pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan yang seragam untuk MAIN adalah sangat penting bagi memastikan laporan kewangan yang berkualiti serta maklumat yang dibentangkan mematuhi Maqasid Syariah. Piawaian Islam ini juga akan meningkatkan kebolehfahaman serta kebolehbandingan penyata kewangan yang dipersembahkan oleh MAIN. Perkara ini adalah amat penting memandangkan pemegang taruh seperti penyumbang dana baitulmal dan pewakaf, pembayar zakat, pihak penerima sumbangan, serta masyarakat umum perlu dimaklumkan bahawa dana BZW telah diuruskan dan digunakan secara optimum oleh MAIN dalam menjana manfaat untuk umat Islam. Berdasarkan semangat ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menaja penyelidikan ini yang bermula pada tahun 2016 melalui empat fasa dan berakhir pada tahun 2020.

4.1.1 Objektif Kajian

Kesemua objektif serta skop penyelidikan ini bagi keempat-empat fasa dirangkumkan dalam Jadual 4.1 di bawah. Harus disebutkan di sini penyelidikan ini tidak menganalisis siri MPSAS 7, 8, 10, 15, 18, 32 dan 33 kerana MPSAS-MPSAS (i) ini tidak termasuk dalam senarai MPSAS (10, 15, 18), (ii) telah digantikan (*superseded*) oleh MPSAS baru (7, 8), dan (iii) tidak berkaitan dengan perakaunan BZW (MPSAS 32, 33).

Jadual 4. 1: Senarai Objektif dan Skop Penyelidikan Keempat-empat Fasa

OBJEKTIF PENYELIDIKAN	MAIN	MPSAS
<p>Fasa-fasa 1, 2, 3 & 4</p> <p>Objektif 1:</p> <p>Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf (BZW) oleh Majlis Agama Islam Negeri [MAIN] (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) dengan merujuk kepada MPSAS sebagai panduan.</p> <p>Objektif 2:</p> <p>Membangunkan serta mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi BZW.</p> <p>Objektif 3: Mengenal pasti keperluan Syariah (berdasarkan Al- Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi</p>	<p>Fasa-fasa 1, 2, 3 & 4</p> <p>Zon 3 terdiri daripada 4 MAIN: Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu & Pahang</p>	<p>Fasa 1</p> <p>MPSAS 1: Pembentangan Penyata Kewangan</p> <p>MPSAS 2: Penyata Aliran Tunai</p> <p>MPSAS 3: Polisi Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan</p> <p>MPSAS 6: Penyata Kewangan Disatukan & Berasingan</p>
		<p>Fasa 2</p> <p>MPSAS 12: Inventori</p> <p>MPSAS 13: Pajakan</p> <p>MPSAS 16: Harta Pelaburan</p> <p>MPSAS 17: Hartanah, Loji & Peralatan</p> <p>MPSAS 21: Rosot Nilai Aset yang tidak menjana tunai</p> <p>MPSAS 26: Rosot Nilai Aset yang menjana tunai</p> <p>MPSAS 27: Pertanian</p> <p>MPSAS 31: Aset Tak Ketara</p>
		<p>Fasa 3</p> <p>MPSAS 4: Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing</p> <p>MPSAS 5: Kos Pinjaman</p> <p>MPSAS 9: Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran</p> <p>MPSAS 11: Kontrak Pembinaan</p> <p>MPSAS 19: Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka</p> <p>MPSAS 23: Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai & Pindahan)</p> <p>MPSAS 25: Manfaat Pekerja</p> <p>MPSAS 28: Instrumen Kewangan: Persembahan</p> <p>MPSAS 29: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran</p> <p>MPSAS 30: Instrumen Kewangan: Pendedahan</p>
		<p>Fasa 4</p>

<p>BZW.</p> <p>Objektif 4: Mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi BZW yang memenuhi keperluan Syariah dan perundangan sivil.</p>		<p>MPSAS 14: Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan</p> <p>MPSAS 20: Pihak Berkaitan</p> <p>MPSAS 22: Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum</p> <p>MPSAS 24: Persembahan Maklumat Belanjawan</p> <p>MPSAS 34: Penyata Kewangan Berasingan</p> <p>MPSAS 35: Penyata Kewangan Disatukan</p> <p>MPSAS 36: Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu & Usaha sama</p> <p>MPSAS 37: Pengaturan Bersama</p> <p>MPSAS 38: Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain</p>
---	--	--

4.1.2 Konsep Akauntabiliti

Secara keseluruhan, merujuk kepada kerangka kerja konseptual Islam yang dicadangkan [sila rujuk Bab 2 dan 3, pihak penyelidik menekankan konsep akauntabiliti dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam di mana ia dikaitkan dengan konsep Tauhid. Konsep ini menekankan tanggungjawab manusia sebagai khalifah. Tanggungjawab utama (primer) Khalifah ialah terhadap Allah SWT, dan tanggungjawab sekunder terhadap sesama manusia dan alam sekitar. Selaras dengan konsep Khalifah ini, MAIN perlu menunaikan akauntabilitinya (penanggungjawabannya) kepada Allah yang telah menentukan tugas MAIN sebagai pentadbir dana-dana Islam (BZW). MAIN juga bertanggungjawab kepada pemegang taruh, masyarakat umum dan juga dalam mengelola alam sekitar. Dasar dan konsep asas ini sangat penting kerana ia akan menjadi tunjang piawaian yang dicadangkan untuk Piawaian Perakaunan Islam BZW. Penumpuan peringkat kedua pula menjurus kepada matlamat perakaunan dari segi perspektif Islam. Matlamat tersebut harus dikaitkan dengan tiga tahap masalah bagi mencapai Maqasid Syariah iaitu keperluan asas (*dharuriyyah*), keperluan sokongan (*hajiyyah*), dan keperluan pelengkap (*tahsiniyyah*). Ringkasan bagi ketiga-tiga tahap ini dibentangkan dalam Jadual 4.2 berikut:

Jadual 4. 2: Peringkat Tiga Masalah

Peringkat	Masalah	Keterangan
Pertama (paling penting)	<i>Dharuriyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Masalah yang kritikal dalam kehidupan; pengabaianya bermakna setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang itu akan membawa kerosakan kepada masyarakat. ▪ Dari segi pelaporan, pendedahan maklumat asas adalah 'wajib,' jadi semua institusi BZW mesti melaporkannya demi memenuhi akauntabiliti kepada Allah SWT dan masyarakat sejagat.
Kedua (antara dua kepentingan)	<i>Hajiyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kemestian untuk memenuhi hajat di mana harta itu dibelanjakan ke arah kebaikan. ▪ Darjah hajiyyat dalam konteks pelaporan adalah penting untuk menambah pemahaman. Oleh itu, jika maklumat tersebut tidak didedahkan, ia boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak tercapai dan
Ketiga (paling rendah dari segi keutamaan)	<i>Tahsiniyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Masalah ini untuk mencapai persepaduan di antara umat Islam agar mereka hidup dalam keharmonian. ▪ Mengukuhkan lagi pendedahan yang sedia ada. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut tidak menjejaskan pencapaian tujuan utama pelaporan.

Secara keseluruhan, aset, liabiliti, ekuiti, hasil pendapatan dan perbelanjaan BZW hendaklah didedahkan menurut hierarki kemaslahatan sama ada bersifat *dharuriyyah* (sangat penting untuk didedahkan), *hajiyyah* (boleh didedahkan mengikut keperluan masyarakat), atau *tahsiniyyah* (pendedahan akan menambah baik lagi persembahan perakaunan KW). Secara terperinci, maklumat yang penting (*dharuriyyah*) dibentangkan pada muka penyata kewangan, maklumat pelengkap (*hajiyyah*) serta maklumat penambahbaikan (*tahsiniyyah*) dibentangkan sebagai nota akaun.

4.1.3 Perakaunan Dana

MAIN adalah badan induk yang mengurus tiga kumpulan dana yang utama iaitu baitulmal (Pentadbiran/ Sumber Am), zakat dan wakaf. Oleh kerana setiap dana yang ditadbir oleh MAIN mempunyai objektif dan ciri-ciri yang tersendiri dan unik, penyelidik mencadangkan agar perakaunan dana diguna pakai oleh MAIN dalam menguruskan kumpulan wang tersebut. Perakaunan dana akan membezakan dana berdasarkan objektif dan jenis dana. Ia selari dengan kaedah fiqh ‘الأمر بمقاصدها’ maksudnya: Sesuatu perkara itu ditentukan oleh niat atau objektif ia dilaksanakan. Dana-dana seperti zakat dan wakaf terutamanya mempunyai objektif yang berbeza yang ditetapkan oleh Syariah dan tidak wajar digabungkan dalam pengurusan dana-dana tersebut. Selain daripada itu, disebabkan struktur kewangan dan peranan MAIN adalah berbeza daripada organisasi yang bermotifkan keuntungan, mencampurkan perakaunan Islam dengan perakaunan konvensional yang mungkin diguna pakai oleh MAIN boleh menyebabkan kekeliruan, terutamanya terhadap transaksi antara KW. Perakaunan dana juga akan membantu pemegang taruh membuat keputusan ekonomi dan sosial berhubung dengan sumbangan dana kepada institusi zakat dan wakaf. Selain daripada itu, pemakaian perakaunan dana juga akan memberi pendedahan yang berasingan bagi setiap penyata KW iaitu penyata KW Baitulmal, penyata KW Zakat dan penyata KW Wakaf dan ini akan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti MAIN.

4.1.6 Pendedahan

Setiap kumpulan wang mesti menyediakan tiga penyata kewangan utama seperti berikut:

1. Penyata Kedudukan Kewangan
2. Penyata Aktiviti Kewangan
3. Penyata Aliran Tunai.

Penyata-penyata tersebut harus disediakan secara lajur (*columnar*) untuk setiap KW Baitulmal, KW Zakat dan KW Wakaf dan satu lajur untuk menunjukkan jumlah kesemua kumpulan wang. Terdapat beberapa penyata tambahan bagi kumpulan wang tertentu yang harus disediakan oleh MAIN bagi meningkatkan lagi ketelusan MAIN dalam pengurusan dana-dana tersebut. Bagi KW Zakat, penyelidik mencadangkan dua penyata tambahan iaitu:

1. Penyata Kutipan dan Agihan Zakat, dan
2. Penyata Aset Kelolaan KW Zakat.

Bagi KW Wakaf, tiga penyata tambahan disarankan seperti berikut:


1. Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf;
2. Penyata Kewangan Ghallah; dan
3. Penyata Prestasi Perkhidmatan.

Penyelidik juga mengesyorkan supaya maklumat tambahan seperti berikut dimasukkan di dalam laporan tahunan dan penyata kewangan:

- i. Dasar-dasar perakaunan yang diguna pakai termasuk keputusan fatwa yang memberi kesan kepada amalan perakaunan
- ii. Maklumat terperinci tentang bagaimana hasil dan belanja dibuat, dan
- iii. Kelayakan dan pengalaman ahli lembaga pengarah
- iv. Jawatankuasa Penasihat Syariah serta kelayakan dan pengalaman ahli
- v. Jawatankuasa Fatwa dan skop kerja
- vi. Polisi perakaunan untuk zakat dan wakaf
- vii. Intipati fatwa semasa berkaitan wakaf/zakat
- viii. Kutipan zakat mengikut lokasi
- ix. Indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan)',
- x. Agihan mengikut lokasi –bandar dan luar bandar
- xi. Jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf'
- xii. Gaji dan imbuhan pegawai tertinggi.

Pembentangan penyata-penyata di atas serta maklumat tambahan adalah bertujuan memenuhi ketiga-tiga *maslahat dharuriyyah, hajiyyah* dan *tahsiniyyah* serta memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan aktiviti kewangan BZW. Cadangan pelaporan seperti di atas hendaklah dianggap sebagai pelaporan minimum. Setiap MAIN diyakini dapat mengguna budi bicara masing-masing untuk mendedahkan maklumat tertentu dalam laporan kewangan demi mencapai hasrat ketelusan. Rajah 4.1 memberi gambaran ringkas konsep akauntabiliti dan pendedahan dalam penyata laporan MAIN.

Rajah 4. 1: Penyata Perakaunan dan Pelaporan MAIN



.1.5 Pengiktirafan dan Pengukuran

Rumusan ringkas terhadap pengiktirafan dan pengukuran bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja adalah seperti berikut:

a) Aset

Secara umum, terdapat beberapa kategori aset jangka panjang dan aset jangka pendek yang berkaitan dengan aktiviti MAIN. Kategori utama aset jangka panjang adalah hartanah, loji dan peralatan, dan hartanah pelaburan manakala aset jangka pendek termasuk tunai, akaun belum terima dan pelaburan jangka pendek. Secara ringkas, kategori-kategori utama aset jangka pendek dan aset jangka panjang ini berkaitan dengan kesemua MAIN di dalam zon penyelidikan sasaran. Di samping itu, terdapat juga aset-aset lain yang berkemungkinan berkaitan dengan aktiviti MAIN seperti aset pertanian, aset tidak ketara, dan pelaburan jangka panjang. Di dalam amalan semasa, MAIN telah mengiktiraf kebanyakan aset-aset yang disebut di atas terutamanya bagi KW Baitulmal. Manakala, bagi KW Zakat dan KW Wakaf, aset jangka panjang secara praktisnya tidak diiktiraf oleh MAIN di dalam penyata kewangan mereka. Di antara isu utama yang diketengahkan oleh MAIN mengenai pengiktirafan aset jangka panjang di dalam KW Zakat dan KW Wakaf ialah isu pemilikan. Walau bagaimanapun, penyelidik berpendapat selagi MAIN berperanan sebagai pemegang amanah yang diberi kuasa mentadbir aset jangka panjang tersebut, MAIN perlu mengiktiraf aset-aset tersebut di dalam penyata kewangan yang berkaitan.

Bagi aset jangka panjang, pengukuran pada pengiktirafan awal adalah pada nilai kos kecuali bagi aset pertanian dan beberapa kategori aset tidak ketara di mana pengukuran pada pengiktirafan awal boleh dilakukan pada nilai saksama. Pengukuran berikutnya boleh menggunakan sama ada model kos dan model penilaian semula (hartanah, loji dan peralatan) atau model kod dan model nilai saksama (hartanah pelaburan). Terdapat beberapa pengecualian seperti inventori dan aset kewangan (sukuk). Bagi inventori, pengukuran berikutnya adalah berdasarkan prinsip penilaian terendah di antara nilai kos dan nilai realisasi bersih. Bagi aset kewangan (sukuk), pengukuran adalah menggunakan model kos terlunas. Bagi aset jangka pendek, pengukuran pada umumnya, adalah pada nilai tunai atau nilai kontrak.

b) Liabiliti

Pengukuran liabiliti hendaklah diukur pada nilai tunai atau nilai kontrak. Walaupun perakaunan konvensional membolehkan penggunaan nilai masakini (*present value*) di dalam

pengukuran liabiliti, pasukan penyelidik bagi Zon 3 ingin mengetengahkan beberapa isu mengenai penggunaan nilai masakini (*present value*). Sebagai contoh, bagi mengukur manfaat pekerja jangka panjang seperti pencen dan gratuiti, perakaunan konvensional mengesyorkan penggunaan model nilai masakini (*present value*). Ada dua isu yang utama mengenai penggunaan model ini (*present value*). Pertama, menggunakan faedah tertaksir sebagai asas pengukuran mungkin tidak wajar dalam pembangunan PPIBZW. Walaupun terdapat beberapa pandangan sarjana yang membolehkan penggunaan faedah tertaksir kerana nilai masakini hanyalah sebagai satu alat pengukur, penyelidik merasakan terdapat asas-asas yang lain seperti indeks harga am atau kadar keuntungan yang boleh diguna pakai untuk mengelakkan kritikan pihak-pihak tertentu. Kedua, sekiranya anggaran liabiliti ini melibatkan suatu jangka masa panjang, ianya akan menimbulkan keraguan di dalam anggaran tersebut.

c) Hasil dan Belanja

Hanya hasil yang mematuhi prinsip Syariah boleh diiktiraf sebagai hasil bagi sesuatu KW. Hasil BZW merupakan hasil yang diperolehi daripada urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran. Hasil merupakan aliran masuk kasar hasil ekonomi yang menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aset bersih atau ekuiti (kecuali sumbangan pemilik). Manakala belanja adalah pengurangan hasil ekonomi masa depan dalam bentuk aliran keluar asset, ini menyebabkan berlakunya pengurangan aset atau peningkatan liabiliti. Mengikut konsep asas perakaunan akruan, pengiktirafan hasil dan belanja dibuat apabila hasil telah diperolehi, dan apabila belanja ditanggung bukan hanya apabila tunai diterima atau dibayar. Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau boleh diterima. Belanja juga diukur pada nilai yang dibayar atau ditanggung, iaitu perlu dibayar. Secara ringkas, hasil dan belanja hendaklah diukur pada nilai tunai atau nilai kontrak yang telah dipersetujui di antara pihak MAIN dan pihak lain.

4.1.6 Isu-isu Penting Pengurusan Perakaunan MAIN


Walaupun isu-isu berkenaan dengan pendedahan, pengiktirafan dan pengukuran secara am telah pun dirumuskan, perbincangan seterusnya ditumpukan pada beberapa isu penting di mana pihak JANM perlu mengambil kira dalam pembangunan Piawai Perakaunan Islam BZW.

a) Konsep Baitulmal


Definisi baitulmal hendaklah diselaraskan antara MAIN. Ada beberapa MAIN yang

menganggap baitulmal sebagai salah satu dana di bawah pengurusan MAIN (Struktur A), manakala ada juga MAIN yang menganggap baitulmal sebagai dominan di mana kesemua KW (KW Zakat, KW Wakaf, dan KW Sumber Am) diletakkan di bawah penyeliaan langsung baitulmal (Struktur B).

Rajah 4. 2: Struktur A



Rajah 4. 3: Struktur B



Penyelidik telah menggunakan struktur A dalam perbincangan dan cadangan-cadangan yang disarankan.

b) Peristiwa selepas tarikh pelaporan

Lazimnya, kutipan wang zakat yang diterima pada akhir tahun agak tinggi. Oleh kerana wang tersebut hanya akan diagihkan dalam beberapa bulan awal tahun seterusnya, perkara ini telah menimbulkan kritikan daripada sebahagian pemegang taruh dan juga orang awam di mana MAIN dianggap tidak cekap dalam mengendalikan wang zakat. Kami mencadangkan agar jumlah zakat yang akan diagihkan dalam tahun seterusnya dan sebelum tarikh penyata kewangan diterbitkan dianggap sebagai satu peristiwa selepas tarikh kewangan yang harus

diselaraskan. Sekiranya pihak MAIN menganggap jumlah wang zakat yang tidak diagihkan pada tahun pelaporan sebagai peristiwa yang tidak perlu pelarasan, perkara ini haruslah dilaporkan dengan terperinci di dalam nota penyata kewangan tahun pelaporan.

c) Pemindahan antara dana

Sekiranya terdapat transaksi antara kumpulan wang seperti KW Wakaf meminjam daripada KW Zakat, transaksi tersebut hendaklah direkodkan dengan jelas. Sebagai contoh, KW Wakaf hendaklah merekodkan transaksi tersebut sebagai liabiliti yang perlu dijelaskan kepada KW Zakat manakala KW Zakat akan mengambil kira pinjaman ini sebagai satu aset dalam penyata KW tersebut. Walaupun kesemua KW terletak di bawah pengelolaan MAIN, ia hendaklah direkodkan, diukur, dan didedahkan dengan telus mengikut transaksi yang berlaku dan mematuhi objektif KW tersebut. Firman Allah dalam Surah al-An'am, Ayat 65 bermaksud: *“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat untuk mengujimu tentang apa yang diberikanNya kepadamu”*.

d) Penyata Kewangan Disatukan (Consolidation)

Perakaunan konvensional menuntut penggabungan penyata kewangan entiti pengawal dan penyata kewangan entiti yang dikawal sebagai satu kumpulan. Dalam konteks MAIN yang mentadbir pelbagai KW, penggabungan ini boleh diamalkan tetapi ianya perlu dilaksanakan mengikut KW masing-masing. Sebagai contoh, jika sesuatu anak syarikat berada di bawah KW Baitulmal, ianya hanya digabungkan dengan KW Baitulmal. Penggabungan antara KW tidak dibenarkan mengikut perakaunan dana. Jika MAIN mengguna pakai perakaunan dana, transaksi-transaksi yang berlaku antara KW tidak akan dihapuskan apabila digabungkan dalam laporan kewangan MAIN. Oleh kerana setiap KW adalah satu entiti yang bebas, penyelidik mencadangkan agar penyata kewangan bagi setiap KW tidak disatukan. Penyatuan penyata kewangan hanya boleh berlaku di antara KW dan anak syarikat yang diwujudkan dengan menggunakan dana KW tersebut.

Sebagai contoh, transaksi pengagihan bahagian 'amil zakat yang dipindahkan kepada KW Baitulmal. Untuk bahagian amil ini, pindahan keluar akan direkodkan daripada KW Zakat sebagai agihan (belanja) dan KW Baitulmal akan merekodkan transaksi ini sebagai hasil pendapatan. Oleh kerana penggabungan tidak dibenarkan antara KW, pindahan tersebut masih kekal dalam penyata kewangan dan tidak akan terhapus (iaitu tiada penghapusan atau

elimination). Ini sama juga dengan transaksi pinjaman antara KW, di mana pinjaman ini tidak akan dihapuskan dalam laporan kewangan MAIN yang membentangkan secara perakaunan dana. Ini adalah kerana semua KW yang ditadbir oleh MAIN tidak boleh digabungkan menjadi aset, iaitu pinjaman yang akan dibayar balik akan kekal direkodkan dalam KW yang meminjam sebagai liabiliti (iaitu pinjaman yang perlu dibayar balek kekal direkodkan dalam KW peminjam).

Ia juga bagi memudahkan pemegang taruh menilai kedudukan kewangan kumpulan wang tersebut dan seterusnya yakin terhadap segala pengurusan harta BZW yang diamanahkan kepada MAIN. Kaedah fiqh yang boleh menjelaskan perkara ini ialah “اليقين لا يزول بالشك” (Keyakinan tidak dapat digugurkan dengan keraguan). Segala maklumat transaksi bagi setiap kumpulan wang adalah berguna untuk menjelaskan setiap perkara yang berlaku ke atas harta-harta BZW. Firman Allah SWT bermaksud: *"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya apa yang dilakukannya."* (Surah al-Israa', Ayat 36).

e) Agihan manfaat

Agihan zakat di dalam bentuk aset jangka panjang perlu direkodkan sebagai aset bagi KW Zakat. Anggaran agihan manfaat semasa perlu dilakukan oleh MAIN berdasarkan kepada faktor-faktor yang relevan. Sebagai contoh, sekiranya agihan manfaat itu adalah sebuah bangunan untuk kediaman asnaf muallaf, agihan manfaat semasa boleh diukur berdasarkan kepada kadar penghunian. Agihan manfaat jangka pendek atau agihan manfaat dengan pemberian hak milik mutlak kepada asnaf hendaklah direkodkan sebagai belanja di dalam tahun agihan.

f) Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama

Sesetengah MAIN dalam menguruskan harta BZW telah menjalankan pelaburan sama ada dalam syarikat bersekutu atau melalui usaha sama. Dalam aspek ini, Islam amat menggalakkan segala usaha yang proaktif dalam mengembangkan dana supaya keuntungan yang didapati dapat membantu masyarakat terutama golongan yang memerlukan. Akan tetapi, sebagai institusi Islam, pelaburan yang dibuat seharusnya patuh Syariah di mana tidak wujud unsur-unsur *riba*, *gharar*, atau *maisir*. Dalam Surah Al-Imran Ayat 130 bermaksud: “Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu

kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan. Peliharalah dirimu dari api neraka, yang disediakan untuk orang-orang yang kafir”.

g) Tarikh pengiktirafan aset yang diwakafkan

Seperti yang telah dibincangkan di atas, antara isu bagi pengiktirafan aset yang diwakafkan adalah pemilikan aset wakaf tersebut. Pertama, walaupun aset boleh diwakafkan kepada MAIN, proses pertukaran hak milik mengambil masa yang lama. Kedua, bagi sesetengah negeri, pemindahan hak milik kepada MAIN tidak dibenarkan kerana MAIN hanyalah pemegang amanah. Oleh itu, penyelidik mencadangkan asas pengiktirafan awal bagi aset yang diwakafkan hendaklah berdasarkan kepada dokumen wakaf yang sah iaitu dokumen hujah pewakafan (*wakaf deeds*).

h) Maklumat berkaitan bajet

Maklumat bajet penting berkaitan aktiviti sesebuah organisasi. Bagi aktiviti MAIN, maklumat bajet perlu diwartakan berdasarkan tuntutan enakmen. Walau bagaimana pun, penyelidik berpendapat maklumat bajet adalah untuk keperluan dalaman MAIN sahaja. Oleh kerana itu ia tidak perlu dilaporkan kepada pemegang taruh luaran atau masyarakat umum.

4.2 BATASAN PERUNDANGAN

Batasan perundangan dibincangkan secara terperinci dalam Laporan Pertama penyelidikan ini. Seksyen ini akan mengukuhkan beberapa aspek cadangan dengan mengaitkan aspek-aspek perundangan, MPSAS dan *Maqasid Syariah*.

4.2.1 Perundangan Bertulis

Akta-akta persekutuan yang melibatkan MAIN buat masa ini termasuk Perlembagaan Persekutuan 2007 (Akta A1320); Akta Acara Kewangan 1957; Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980; dan Akta Syarikat 2016.

Namun, apabila anak syarikat MAIN terlibat dalam aktiviti-aktiviti lain, undang-undang berkaitan aktiviti-aktiviti berkenaan perlu dipatuhi. Sebagai contoh, sekiranya anak syarikat MAIN terlibat dalam industri pembuatan, maka MAIN hendaklah memastikan anak syarikat tersebut mematuhi peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 - ACT

A1441. Penglibatan anak syarikat dalam bidang pertanian menuntut pematuhan terhadap beberapa akta termasuk Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]; Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [Akta 634]; dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]; dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Walau bagaimanapun, mengambil perspektif jangka panjang, pihak JANM harus mengambil inisiatif menggabungkan dapatan kajian berkaitan batasan perundangan kesemua zon dalam melahirkan pelan induk perundangan yang bersepadu. Rujukan ini amat berguna bukan sahaja kepada warga kerja kesemua MAIN tetapi juga pelbagai pemegang taruh. Malah, pelan induk ini dapat dijadikan landasan bagi merangka Akta Baitulmal, Zakat dan Wakaf negara yang lebih komprehensif dan seragam yang tetap mengekalkan kuasa DYMM Yang di-Pertuan Agong, DYMM Sultan dan Raja dan Tuan Yang Terutama/Yang DiPertua Negeri berhubung dengan hal ehwal agama Islam di negeri masing-masing. Selain dari memenuhi prosedur sedia ada, MAIN juga mematuhi peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Enakmen-Enakmen negeri berkaitan dan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] dan mematuhi panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara.

4.2.2 Implikasi Audit

Enakmen setiap negeri menghendaki setiap akaun MAIN diaudit seperti dalam Seksyen 62 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001; Seksyen 73 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994; dan Seksyen 77 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991. Tuntutan audit bagi MAIWP dikuatkuasa oleh Seksyen 67 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240]. Oleh itu, penyediaan akaun haruslah mengambil kira perspektif pihak juruaudit. MAIN juga harus mendapatkan pandangan profesional dari Jabatan Akauntan Negara dalam isu-isu yang kritikal, signifikan dan material berkaitan dengan perakaunan dan pelaporan BZW.

MAIN harus mendapatkan pandangan profesional dari Jabatan Audit Negara dan Jabatan Akauntan Negara dalam isu-isu yang kritikal dan signifikan berkaitan perakaunan dan pelaporan BZW sekiranya tiada peruntukan jelas dalam piawaian dan panduan sedia ada. Sebagai contoh, di dalam keadaan di mana MAIN perlu membuat keputusan segera, MAIN mungkin hanya merujuk kepada pengurusan tertinggi atau Mufti/Jawatankuasa Fatwa bagi mendapatkan pandangan yang cepat. Sekiranya transaksi direkod berdasarkan kepada pandangan atau keputusan Mufti atau fatwa, MAIN hendaklah menyimpan rekod keputusan

tersebut sebagai sandaran dan juga untuk rujukan pihak-pihak tertentu, termasuk pihak juruaudit dari Jabatan Audit Negara. Amalan seperti ini mampu mewujudkan dokumen rujukan yang boleh diakses pada bila-bila masa oleh pihak-pihak berkenaan. Apa yang lebih penting setiap keputusan yang dibuat hendaklah direkodkan dengan jelas di dalam dokumen yang tertentu untuk rujukan di masa hadapan termasuklah pihak juruaudit daripada Jabatan Audit Negara.

4.3 MEKANISME KETELUSAN

MAIN harus memastikan ketelusan dalam perakaunan dan pelaporan kewangan terutamanya untuk manfaat pemegang taruh luaran. Untuk mencapai satu tahap ketelusan yang boleh diterima, MAIN seharusnya mempunyai mekanisma tadbir urus yang berkesan. Mekanisme secara tidak langsung ialah enakmen dan akta. Enakmen/Akta memberikan isyarat secara tidak langsung mengenai tata kelola atau tadbir urus MAIN. Justeru, Majlis hendaklah mewujudkan mekanisme tadbir urus seperti yang lazimnya dipakai dalam dunia korporat (i.e. Tadbir Urus Korporat [TUK]). TUK yang berkesan mampu menunjukkan ketelusan, mengurangkan keraguan, dan kemungkinan penyalahgunaan atau ekspropriasi sumber. Mekanisma umum bagi tadbir urus ialah mewujudkan peraturan dan meningkatkan pendedahan maklumat. Sebagai contoh, MAIN harus menyediakan laporan tahunan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan melaporkan perkara yang luar biasa (*extraordinary*) untuk tindakan selanjutnya kepada penggubal dasar (iaitu Majlis).

Mekanisma langsung bagi tadbir urus ialah piawaian perakaunan seperti MPSAS dan cadangan penambahbaikan ke atas piawaian tersebut. Berbanding dengan enakmen dan akta yang membuat peruntukan terhad, piawaian perakaunan memberikan huraian yang lebih spesifik, mudah diukur dan ketidaktelusan pelaporan diperbaiki.

4.4 STRATEGI PELAKSANAAN PPIBZW

Pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam BZW perlu mempertimbangkan beberapa perkara untuk memastikan kelangsungan pelaksanaannya. Perkara-perkara ini lebih merupakan cabaran kepada pihak MAIN berbanding dengan pemegang taruh lain kerana sebagai pelaksana MAIN berhadapan dengan realiti sebenar. Seksyen ini akan menyentuh beberapa aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran yang pihak penyelidik berpendapat harus diberi perhatian oleh pembuat dasar (Jabatan Akauntan Negara) dan pelaksana (MAIN). Analisis berkaitan kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran telah dikumpul berdasarkan temubual dengan

pegawai-pegawai MAIN semasa sesi lawatan dan maklumbalas soal selidik keempat-empat MAIN. Analisis tersebut merangkumi aspek sumber manusia, teknologi maklumat, sumber kewangan, persediaan dan pelaksanaan PPI, ketelusan dan pendedahan maklumat, bantuan dan kerjasama pihak tertentu seperti yang dipaparkan di Jadual 4.3.

Jadual 4. 3: Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Cabaran MAIN

KEKUATAN (STRENGTHS)	KELEMAHAN (WEAKNESSES)
<ul style="list-style-type: none"> • Sumber manusia <ul style="list-style-type: none"> ○ Berkelayakan (Akauntan) ○ Kakitangan sokongan dari pelbagai skim (MAIWP) ○ Perjawatan tetap/kontrak • Teknologi <ul style="list-style-type: none"> ○ Sistem Perakaunan Berkomputer ○ Pembelian./ (MAIK sahaja) ○ Diperakukan Patuh SAGA (MAIDAM & MUIP) • Sumber Kewangan <ul style="list-style-type: none"> ○ Upah pengurusan zakat (bahagian amil) ○ Lain2 sumber – baitulmal ○ Bajet operasi dari Kerajaan Persekutuan (MAIWP sahaja) 	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber manusia <ul style="list-style-type: none"> ○ Gred perkhidmatan akauntan rendah (WA41 - MUIP) ○ Kursus/latihan terhad ○ Kakitangan sokongan terhad (MAIK) • Teknologi <ul style="list-style-type: none"> ○ Sistem masih dalam penyelenggaraan penjual (MAIWP/MAIDAM/MUIP) ○ Dalam proses mendapat perakuan Patuh SAGA (MAIWP & MAIK) • Sumber Kewangan <ul style="list-style-type: none"> ○ Terhad kepada bhg amil zakat ○ Pengembangan sumber kewangan terhad ○ Tiada sumbangan dari kerajaan Negeri/persekutuan (kecuali MAIWP)
PELUANG (OPPORTUNITIES)	CABARAN (THREATS)
<ul style="list-style-type: none"> • Sumber manusia <ul style="list-style-type: none"> ○ Perlantikan k/tangan Kontrak ○ Membangun sumber manusia melalui latihan berterusan ○ Jalinan latihan dengan JANM/JAN ○ Latihan berkala secara berpusat/bersepadu ○ Jalinan dengan firma perakaunan (CSR) untuk tujuan konsultansi dan latihan yang berkaitan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber manusia <ul style="list-style-type: none"> ○ Polisi sumber manusia yang berbeza di antara MAIN ○ Pos perjawatan tetap perlu kelulusan JPA ○ Kadar pertukaran kakitangan tinggi i.e. kontrak ○ Mewujudkan pos perjawatan teknikal kewangan (Akauntan Sistem)

<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi <ul style="list-style-type: none"> ○ Pembangunan sistem perakaunan secara in-house melalui kolaborasi dengan sektor swasta ○ Patuh SAGA • Sumber Kewangan <ul style="list-style-type: none"> ○ Kolaborasi dengan sektor swasta ○ Penajaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi <ul style="list-style-type: none"> ○ Mengemaskini sistem sediaada untuk patuh SAGA/PPI ○ Membangun sistem perakaunan patuh SAS/PPI • Sumber Kewangan <ul style="list-style-type: none"> ○ Terhadap kepada upah amil dan sumber-sumber baitulmal dan am.
--	---

Pertimbangan awal diyakini akan melicinkan lagi urusan penyediaan akaun, pelaporan dan seterusnya meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan PPI di kalangan pihak-pihak dalaman MAIN. Para seterusnya akan membincangkan situasi semasa yang menimbulkan cabaran kepada proses pelaksanaan PPI dan seterusnya strategi mengatasi cabaran berkenaan.

4.4.1 Sumber Manusia

Satu cabaran penting yang dihadapi oleh MAIN Zon 3 adalah kekurangan sumber manusia di bahagian perakaunan. Kekuatan sumber manusia dari segi kuantiti dan kualiti adalah elemen penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan sesuatu polisi dalam sebuah organisasi. Untuk tujuan pelaksanaan PPIBZW, satu analisis telah dibuat ke atas taburan sumber manusia khususnya keatas 3 tahap perjawatan iaitu Akauntan (Pengurusan dan Professional, Penolong Akauntan (Kumpulan Sokongan I) dan Pembantu Akauntan (Kumpulan Sokongan II). Ketiga-tiga kumpulan perkhidmatan ini adalah perjawatan kritikal dan terlibat secara dalam dalam proses pelaksanaan PPIBZW. Berdasarkan kepada Jadual 4.4 di bawah, terdapat dua pemerhatian yang jelas diantara MAIN dari segi: (i) perbezaan ketara dari saiz sumber manusia yang dipertanggungjawabkan mengendalikan perakaunan dan pelaporan BZW; (ii) julat gred perjawatan untuk akauntan yang besar (WA52/54 – WA41); dan (iii) taburan gred perjawatan yang tidak sama.

Jadual 4. 4: Ringkasan Perjawatan Akauntan/Penolong Akauntan/Pembantu Akauntan

PERJAWATAN: AKAUNTAN DAN GRED	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
Pengurusan dan Profesional (Akauntan)				
WA 52/54	1			
WA 48	1			
WA 44	2	1	1	
WA 41	5		1	3**
	9	1	2	3
Kumpulan Sokongan (Penolong Akauntan)				
WA 40				
WA 36	1			
WA 32	1		1	
WA 29	16	2*	1	4**
	18	2	2	4
Kumpulan Sokongan (Pembantu Akauntan)				
WA 28				
WA 26				
WA 22			6	1
WA 19	7		1	2
	7	0	7	3
JUMLAH	34	3	11	10

Nota:

*Seorang tetap dan seorang kontrak

** seorang dari jumlah kakitangan ditempatkan di Unit Perolehan

Perkara utama yang perlu disediakan seawal mungkin oleh MAIN ialah sumber manusia yang mencukupi dan mereka diberi pendedahan dan pengetahuan yang cukup mengenai PPIBZW.. Dua persoalan utama ialah:

- i. Adakah kakitangan terlibat didedahkan kepada ilmu pengetahuan yang mencukupi mengenai PPI dan sistem perakaunan dana?
- ii. Sudahkah diwujudkan panduan terperinci, jadual dan kandungan taklimat dan bengkel latihan bagi tujuan tersebut (i)?

Menyentuh mengenai sumber manusia, akauntan dan pimpinan MAIN harus memastikan bukan sahaja mereka jelas, malah kakitangan sokongan pun hendaklah memahami sepenuhnya PPIBZW. Perkara ini dapat dipastikan wujud dengan mengadakan siri bengkel berterusan yang mencakupi tajuk-tajuk utama PPI. MAIN dicadangkan mendapatkan khidmat Jabatan Akauntan Negara untuk melaksanakan program latihan-latihan, sistem perakaunan yang berkaitan, kos, dan lain-lain.

Bagi menangani kekurangan sumber manusia, khususnya perjawatan akauntan/penolong akauntan/pembantu akauntan, dalam jangka tempoh pelaksanaan PPIBZW, berikut adalah

cadangan yang berkaitan:

- i. Membuat permohonan tambahan perjawatan yang berkaitan (i.e akauntan/penolong akauntan/pembantu akauntan dan jurunilai) kepada Japatan Perkhimatan Awam dengan sokongan dari Jabatan Akauntan Negara;
- ii. Membuat lantikan kontrak (jangkapanjang) bagi perjawatan yang di perlukan;
- iii. Membuat lantikan kontrak (project-based) pegawai/kakitangan berdasarkan keperluan sesuatu projek; dan
- iv. Menjalinkan kerjasama dengan firma audit sebagai pakar atau konsultan pelaksanaan PPIBZW berdasarkan konsep *community engagement*

4.4.2 Sistem Perakaunan

Selain daripada sumber manusia, kesediaan sistem perakaunan juga perlu diberi perhatian untuk memastikan pelaksanaan efektif PPIBZW. Sistem perakaunan terkini di setiap MAIN Zon 3 adalah seperti yang didedahkan oleh Jadual 4.5 di bawah.

Jadual 4. 5: Sistem Perakaunan MAIN

SISTEM PERAKAUNAN SEDIAADA	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
• Dibangun secara 'in-house'				
• Beli terus dari penjual dan masih diselenggara oleh penjual	√		√	√
• Beli terus dari penjual bersama 'source codes' – tiada penyelenggaraan oleh penjual		√		
• Diperakukan Patuh SAGA			√	√
• Dalam proses mendapatkan perakuan Patuh SAGA	√	√		

Jadual di atas mendedahkan tiada satu pun MAIN yang membangun sistem perakaunan mereka secara in-house. Sebaliknya kesemua sistem perakaunan sediada dibeli terus dari penjual (*vendor*) dan masih lagi diselenggara oleh penjual kecuali MAIK. MAIK telah membeli sistem perakaunan dari penjual termasuk 'source codes' dan kini mempunyai bahagian yang membuat penyelenggaraan sistem tersebut. MAIN lain perlu merujuk kepada penjual sekiranya

mahu membuat sebarang pengemaskinian atau penambahan kod akaun.

Pematuhan kepada SAGA pula menunjukkan sistem perakaunan mempunyai ciri-ciri mampan seperti single-entry data point dan lengkap dengan modul-modul kelulusan dalam talian, penerimaan/pembayaran secara dalam talian, penyesuaian bank, penjanaaan penyata kewangan, penutupan akaun, carta akaun dan penyimpanan data. Pematuhan kepada SAGA memberi indikasi sistem perakaunan sediaada dijangka mampu melaksanakan PPIBZW dengan pengubahsuaian minima.

Walaupun bagaimanapun sekiranya tiada pematuhan SAGA, kemungkinan besar sistem sedia ada perlu pengaturcaraan (*reprogramming*) secara besar-besaran dalam proses menyesuaikan dengan sistem perakaunan PPIBZW yang mematuhi Syariah. Usaha ini dijangka memakan masa dan perbelanjaan yang tinggi. Berikut adalah cadangan berkaitan sistem perakaunan:

- i. Sekiranya sistem perakaunan MAIN mematuhi keperluan SAGA, sistem hanya perlu membuat peyesuaian minima untuk tujuan pelaksanaan PPIBZW
- ii. Sekiranya sistem perakaunan MAIN belum mematuhi keperluan SAGA, dicadangkan MAIN memperoleh sistem perakaunan baru secara pembelian 'over the self' atau membangun secara in-house. Bagi kedua-dua pilihan, juga dicadangkan MAIN mewujudkan unit IT yang akan bertanggungjawab menyelenggara sistem perakaunan dan sistem-sistem yang lain.
- iii. Juga dicadangkan sistem perakaunan mempunyai keupayaan untuk ber'interface' dengan sistem-sistem pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal. Ini akan membantu dalam aspek pengiktirafan aset baitulmal, zakat dan wakaf dan wakaf tunai serta pembuatan keputusan yang lain.

4.4.3 Sumber Kewangan

Sumber kewangan yang mencukupi adalah sangat kritikal untuk sebarang pelaksanaan dasar atau polisi baru dalam sesebuah entiti. Walaupun pelaksanaan PPIBZW adalah lebih kepada penambahbaikan kepada sistem perakaunan sedia ada, sumber kewangan yang agak tinggi diperlukan bagi tujuan pengambilan baru dan latihan kakitangan yang terlibat dan penyesuaian sistem perakaunan sedia ada. Secara umum, MAIN adalah entiti yang menjana hasil sendiri untuk membiayai operasi pentadbirannya (Lihat Jadual 4.6). Sebahagian besar sumber kewangan

MAIN untuk tujuan operasi pentadbiran ialah upah amil zakat. Hanya MAIWP sahaja yang menerima bajet dari kerajaan persekutuan untuk membayar belanja emolument kakitangan.

Jadual 4. 6: Sumber Kewangan MAIN

SUMBER KEWANGAN: HASIL	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
• Upah Amil zakat	√	√	√	√
• Kerajaan Persekutuan/Negeri	√			
• Baitulmal	√	√	√	√

Berikut adalah cadangan bagi mengurangkan beban kos pelaksanaan PPIBZW:

- i. Membuat lantikan kakitangan kontrak mengikut keperluan pelaksanaan PPIBZW sahaja.
- ii. Membuat jalinan latihan dengan Jabatan Akauntan Negera untuk menjalankan latihan berkala secara berpusat mengikut wilayah. Latihan secara berpusat bersama MAIN dalam wilayah yang sama boleh mengurangkan kos operasi latihan.
- iii. Membuat jalinan latihan dengan firma perakaunan berdasarkan konsep penglibatan masyarakat (*community engagement*) sepertimana praktis Sustainable Development Goals (SDGs). Jalinan seperti ini bukan sahaja membantu dalam meningkatkan pengetahuan dan kepakaran kakitangan tetapi juga untuk tujuan hubungan jangka panjang seperti pelantikan firma ini sebagai amil zakat professional.
- iv. Mendapatkan khidmat dari agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Penilaian Harta dan Jabatan Ukur untuk mendapatkan perkhimatan yang berkaitan dengan penilaian hartanah.

4.4.5 Perkenan Sultan

Kuasa tertinggi MAIN bagi setiap negeri terletak di bawah naungan Sultan sebagai ketua agama Islam negeri tersebut. Oleh itu, apa-apa perubahan yang dibuat dalam MAIN menghendaki perkenan atau kelulusan Tuanku Sultan. Kelulusan ini hanya boleh diperolehi jika Sultan dan penasihat baginda yakin bahawa perubahan-perubahan ini adalah untuk manfaat negeri dan rakyat baginda. Perubahan mengenai dasar perakaunan MAIN harus dimasukkan dalam Enakmen Negeri secara jelas. Membuat pindaan kepada enakmen biasanya akan melalui proses yang panjang dan memakan masa. Oleh yang demikian, PPI mungkin akan mengambil masa yang panjang sekiranya terdapat bahagian-bahagian tertentu yang melibatkan perubahan enakmen MAIN dan perkenan Tuanku Sultan.

4.4.6 Pelarasan Peruntukan Enakmen

Antara cabaran besar yang dikongsi beberapa MAIN adalah cabaran perundangan. Sekiranya PPI memerlukan perubahan terhadap beberapa enakmen negeri, adalah amat sukar untuk diselaraskan bagi semua MAIN seluruh Malaysia kerana setiap MAIN ditadbir oleh Sultan yang berlainan dan enakmen yang berbeza. Dalam hal ini, pihak JANM perlu memainkan peranan yang amat penting dan bertindak merangutuk berbincang dengan Sultan atau ketua agama Islam bagi setiap negeri dalam merangka pelaksanaan piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan Islam yang dicadangkan.

4.4.7 Pelarasan Pelaporan Perakaunan antara MAIN dan Anak Syarikat

Antara cabaran yang dihadapi oleh MAIN di dalam menyediakan penyata kewangan adalah di dalam menggabungkan penyata kewangan MAIN dengan penyata kewangan anak syarikat. Anak syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat akan menggunakan sama ada MFRS atau MPERs di dalam menyediakan penyata kewangan. Manakala, MAIN pula akan menggunakan PPIBZW sebagai asas di dalam penyediaan penyata kewangan. Oleh itu, mungkin terdapat sedikit komplikasi di dalam penyediaan penyata kewangan gabungan di antara MAIN dan anak syarikat kerana menggunakan asas perakaunan yang berbeza.

Sekiranya anak syarikat menggunakan PPIBZW di dalam menyediakan penyata kewangan mereka, ini akan memudahkan penyata kewangan gabungan. Walaubagaimanapun, alternatif ini sukar untuk dilaksanakan oleh kerana asas piawaian perakaunan bagi syarikat telah dinyatakan dengan jelas oleh Akta Syarikat (Seksyen 243 Piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia). Hanya terdapat dua piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia di bawah Akta Syarikat. Pertama ialah MFRS digunapakai oleh syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Kedua ialah MPERs digunapakai oleh syarikat tidak tersenarai di Bursa Malaysia.

Alternatif kedua ialah pelarasan penyata kewangan yang disediakan oleh anak syarikat agar ianya selari dengan kehendak PPIBZW sebelum digabungkan dengan penyata kewangan MAIN. Alternatif ini adalah lebih praktikal dimana pelarasan penyata kewangan anak syarikat menjadikannya selari dengan penyata kewangan MAIN. Ini akan memudahkan penyediaan penyata kewangan gabungan di antara MAIN dan anak syarikat. Walaupun pelarasan menggambarkan suatu perubahan kepada penyata kewangan, penyelidik menjangkakan perubahan tersebut adalah tidak ketara, kecuali di dalam beberapa isu.

Sebagai contoh, satu perubahan ketara adalah penyediaan penyata kewangan berasaskan

kepada konsep perakaunan dana. Ini akan menjadikan penyata kewangan MAIN mempunyai tiga jalur utama bagi KW Zakat, KW Wakaf dan KW Baitulmal. Walaubagaimanapun, pembahagian penyata kewangan kepada tiga jalur utama ini adalah tidak relevan kepada penyata kewangan anak syarikat. Cabaran utama adalah untuk menetapkan sumber dana bagi penubuhan anak syarikat tersebut. Penyelidik menjangkakan sebahagian besar anak syarikat ditubuhkan menggunakan dana Baitulmal atau Sumber Am. Oleh itu, berkemungkinan besar, penyata kewangan anak syarikat akan digabungkan dengan penyata kewangan Kumpulan Wang Baitulmal atau Sumber Am.

Perubahan ketara kedua adalah pengiktirafan dan pengukuran aset wakaf di dalam penyata kewangan MAIN. Ini adalah kerana aset wakaf tidak diiktiraf dan diukur di dalam penyata kewangan MAIN sebelum ini di kebanyakan MAIN. Dalam kes sebegini, MAIN mendedahkan maklumat aset wakaf di nota akaun. Oleh itu, pendedahan maklumat berkaitan dengan aset wakaf di dalam penyata kewangan utama MAIN adalah satu cabaran yang besar buat MAIN. Walaubagaimanapun, ianya hanya melibatkan satu kumpulan dana. Berdasarkan kepada analisis penyata kewangan tahunan MAIN, maklumat berkaitan kumpulan wang Zakat dan Baitulmal telah didedahkan walaupun tiada keseragaman dalam pendedahan maklumat tersebut. Terdapat satu MAIN Zon 3 yang menyediakan secara lengkap penyata kewangan (Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan) bagi setiap kumpulan wang, walau pun maklumat tersebut hanya didedahkan di nota akaun.

Kami menjangkakan perubahan-perubahan lain adalah perubahan tidak ketara di mana di dalam beberapa isu, tiada percanggahan di dalam layanan perakaunan konvensional dengan cadangan di dalam PPIBZW. Sebagai contoh, tiada percanggahan yang ketara di dalam layanan perakaunan yang dicadangkan di dalam PPI berkaitan hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan. Jika terdapat perubahan, perubahan tersebut adalah minima.

4.5 PELAKSANAAN PPIBZW SECARA BERPERINGKAT

Secara umum, tarikh kuat kuasa bagi pelaksanaan PPI telah dinyatakan di dalam PPI Pembentangan Penyata Kewangan yang akan dikeluarkan pada tahun 2020. Penyelidik berpendapat tempoh yang diberikan untuk pelaksanaan secara menyeluruh untuk PPI pada 1 Januari 2025 adalah satu jangkamasa yang munasabah. Sementara itu, pemakaian awal PPI di dalam menyediakan penyata kewangan MAIN adalah digalakkan bermula 1 Januari 2021 bagi piawaian pembentangan penyata kewangan. Penyelidik juga berpendapat pemakaian awal PPIBZW boleh dilakukan di dalam tiga peringkat. Pertama, piawaian perakaunan yang dibangunkan hasil daripada penyelidikan Fasa 1 dan Fasa 4 boleh digunapakai secara berasingan.

Ini adalah kerana kedua-dua fasa ini adalah berkaitan dengan pembentangan dan pendedahan maklumat penyata kewangan. Fasa 1 bermula dengan isu pembentangan dan pendedahan maklumat entiti MAIN secara individu manakala Fasa 4 menutup aktiviti penyelidikan dengan pembentangan dan pendedahan maklumat penyata kewangan MAIN bersama dengan anak syarikat, syarikat bersekutu dan usahasama.

Untuk pemakaian awal PPIBZW Pembentangan Penyata Kewangan, cadangan daripada deraf PPIBZW ialah Penyata Kewangan Kolumnar di mana setiap kumpulan wang mempunyai kolom yang tersendiri. Walaubagaimanapun, semasa tempoh pemakaian awal deraf PPIBZW, penyelidik mencadangkan agar satu alternatif lain boleh diamalkan. Selain daripada meletakkan kesemua kolom kumpulan wang di dalam penyata kewangan utama, MAIN hanya perlu menggabungkan kesemua kumpulan wang di dalam penyata kewangan utama. Penyata kewangan lengkap bagi setiap kumpulan wang boleh dibentangkan dalam nota akaun.

Kedua, pemakaian awal PPIBZW yang dibangunkan berdasarkan Fasa 2 dan Fasa 3 tidak boleh dilakukan secara berasingan. Ini adalah kerana isu yang dibangkitkan di dalam Fasa 2 dan Fasa 3 adalah saling berkaitan. Contohnya, sekiranya MAIN mendapat pembiayaan atau membina bangunan, isu berkaitan dengan kos pembiayaan dan kos pembinaan hanya dibincangkan di dalam Fasa 3, sedangkan isu berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran hartanah, loji dan peralatan dibincangkan di dalam Fasa 2. Tambahan pula isu berkaitan sewaan atau ijarah yang dibincangkan di dalam Fasa 2 berkait rapat dengan konsep hasil daripada urusan niaga pertukaran. Oleh itu, adalah lebih sesuai sekiranya pemakaian awal PPIBZW yang dibangunkan berdasarkan Fasa 2 dan Fasa 3 dilaksanakan secara serentak.

Ketiga, bagi aset wakaf, pengiktirafan dan pengukuran aset wakaf adalah sesuatu praktis yang baru di mana kebanyakan MAIN sebelum ini tidak merekodkan aset wakaf di dalam penyata kewangan mereka. Sewajarnya pemakaian awal PPIBZW berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran aset wakaf diselaraskan dengan PPIBZW berkaitan hasil daripada urusan niaga bukan pertukaran seperti hasil daripada aset wakaf.


Sementara itu, bagi pelaburan dana zakat di dalam aset tetap jangka panjang, perbincangan awal mengenai isu ini mencadangkan agar pelaburan tersebut diiktiraf sebagai aset zakat bagi KW Zakat. Disebabkan oleh pengiktirafan aset zakat tersebut, pengukuran bagi pengagihan dana zakat bagi tahun semasa dan pengagihan dana zakat terkumpul perlu dilakukan. Perbincangan mengenai dengan pengagihan dana zakat ini hanya dibincangkan di dalam Fasa 3. Oleh itu, sekali lagi penyelidik berpendapat penggunaan PPIBZW berdasarkan Fasa 2 dan Fasa 3 perlu dilakukan pada serentak.

Kesimpulannya, penyelidik mencadangkan agar pemakaian awal PPIBZW dilakukan di dalam tiga peringkat. Peringkat 1 adalah pemakaian awal PPIBZW Pembentangan Penyata Kewangan MAIN. Peringkat 2 adalah pemakaian awal PPIBZW bagi aset, hasil, belanja dan liabiliti. Peringkat 3 adalah pemakaian awal PPIBZW Pembentangan Penyata Kewangan Kumpulan yang melibat MAIN dengan anak syarikat, syarikat bersekutu dan usaha sama.

4.6 PENGURUSAN PERUBAHAN

Untuk memastikan PPIBZW dilaksanakan dengan teratur, MAIN perlu mewujudkan pelan tindakan pengurusan perubahan yang jelas. Untuk mencapai matlanat perubahan, antara elemen pengurusan perubahan yang perlu diamalkan ialah mewujudkan struktur, proses dan sistem berkaitan perubahan. Rajah 4.4 menyenaraikan elemen asas yang perlu diberi perhatian oleh MAIN dalam melaksanakan PPIBZW.

Rajah 4. 4: Elemen Pengurusan Perubahan MAIN



Berdasarkan rajah di atas, lima (5) elemen hendaklah diberi perhatian oleh MAIN. Pelaksanaan sebahagian dari elemen berkenaan akan menjadi lebih berkesan dengan kolaborasi bersama Jabatan Akauntan Negara sebagai pengeluar PPIBZW.

(a) Sokongan Pengurusan Tertinggi

Program libaturus bersama yang melibatkan pegawai tertinggi Jabatan Akauntan Negara dan MAIN serta ahli Majlis wajar dilakukan di kesemua MAIN. Program ini mestilah menjelaskan kepada pegawai tertinggi MAIN/ahli Majlis objektif utama pelaksanaan PPIBZW di MAIN untuk tujuan mendapatkan sokongan pelaksanaan. Sokongan pengurusan tertinggi MAIN/Ahli Majlis seperti kelulusan bajet pelaksanaan adalah sangat diperlukan untuk memastikan pelaksanaan PPIBZW berjalan seperti yang dirancang.

(b) Medium Komunikasi

Mengenalpasti medium komunikasi sepanjang proses pelaksanaan PPIBZW adalah sangat penting kerana ianya melibatkan pelbagai peringkat perubahan, kakitangan dan pemegang taruh. Antara medium komunikasi yang boleh dipertimbang untuk membantu mengurus pelaksanaan PPIBZW adalah:

- Multimedia – Makluman mengenai PPIBZW boleh diletakkan di laman sesawang setiap MAIN dan juga Jabatan Akauntan/Audit Negara bagi memberi kesedaran awal. Sebarang peringkat kejayaan (milestone) pembangunan dan seterusnya pelaksanaan PPIBZW hendaklah diumumkan di laman sesawang atau media sosial MAIN.
- Bahan cetakan – Medium seperti risalah atau buletin yang dikeluarkan oleh MAIN hendaklah digunakan sewajarnya untuk memaklumkan dan memberi kesedaran mengenai pemakaian PPIBZW. Disamping itu MAIN juga dicadang mencetak sepanduk untuk diletakkan di pejabat yang berkaitan sebagai pemakluman kepada pemakaian PPIBZW.
- Platform umum – Platform ini adalah untuk memberi maklumat kepada pemegang taruh luaran. Ini termasuk penulisan di dalam jurnal perakaunan atau suratkhbar bagi membantu memberi kesedaran umum mengenai objektif dan kepentingan PPIBZW. Medium ini penting kerana capaian yang luas dan boleh membantu MAIN dalam mengurus persepsi berkaitan dengan pengurusan harta dan dana BZW melalui perakaunan patuh Syariah. Wawancara di televisyen dan radio juga boleh membantu memberi kesedaran kepada pemegang taruh dalaman dan luaran.
- Bersemuka (*Face to face*) – platform ini adalah sesuai untuk dilaksanakan keatas kakitangan yang akan terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PPIBZW. Mesyuarat, perbicangan berkala, kursus/latihan/seminar/bengkel yang akan membina kemahiran PPIBZW adalah medium efektif untuk menyalurkan maklumat berkaitan PPIBZW kepada kakitangan yang berkenaan.

(c) Juara (Champion) Pelaksana PPIBZW

MAIN perlu mengenalpasti juara atau champion pelaksana untuk setiap peringkat pelaksanaan dan menggariskan skop tugas/tanggungjawab serta cabaran/halangan dalam tempoh pelaksanaan. Juara atau champion pelaksana ini hendaklah melibatkan pegawai dan kakitangan dari semua peringkat termasuk pengurusan tertinggi MAIN, pegawai-pegawai operasi baitulmal, zakat dan wakaf, akauntan dan penolong/pembantu akauntan.

(d) Latihan/Pemindahan Kepakaran

Selain dari berfungsi sebagai medium komunikasi, latihan dan bengkel adalah sangat penting untuk pemindahan kepakarann. Pegawai dan kakitangan yang akan terlibat secara langsung hendaklah diberikan latihan komprehensif mengenai PPIBZW. Pelaksanaan latihan ini boleh merujuk kepada seksyen strategi pelaksanaan. Disamping itu, elan tindakan berserta tarikh-tarikh penggubalan manual, prosedur dan pelaksanaan hendaklah dirangka dengan teliti. Dokumen rujukan tambahan PPIBZW seperti berikut perlu disediakan untuk memastikan amalan perakaunan yang konsisten:

- Polisi Perakaunan
- Manual Operasi Perakaunan PPIBZW
- Prosidur Kewangan di peringkat MAIN

(e) Pelan Perubahan

Selain merangka pelan strategi pelaksanaan PPIBZW, MAIN juga mengenalpasti program intervensi bagi memastikan pelaksanaan efektif PPIBZW.

4.7 HALATUJU PENYELIDIKAN PPIBZW

Terdapat lima perkembangan terkini yang memerlukan penyelidikan berterusan bagi mengukuhkan PPIBZW dan memantapkan amalan perakaunan MAIN. Pertama, wujud kumpulan wang atau dana baru di dalam aktiviti MAIN seperti Kumpulan Wang al-Rahnu yang dijangka akan menjadi dana penting pada masa akan datang. Oleh itu, penyelidikan berkaitan kumpulan wang ini adalah perlu untuk pembangunan piawaian perakaunan KW ar Rahnu. Kaedah penyelidikan PPIBZW boleh diguna pakai untuk tujuan tersebut.

Kedua, mutakhir ini kebanyakan MAIN membuat kolaborasi dengan agensi bukan kerajaan, institusi kewangan dan badan amal dalam melaksanakan agihan zakat. Isu

perakaunan akan timbul ialah sekiranya melibatkan agihan produktif kepada asnaf, seperti pembinaan perumahan asnaf. Kajian mendalam adalah perlu untuk mendapatkan kaedah terbaik bagi mengiktiraf aset yang diperolehi menggunakan dana zakat dalam projek usaha sama seperti yang dinyatakan tersebut. Kajian mendalam juga perlu berkaitan pengakaunan dan pelaporan pelbagai kategori usaha sama untuk tujuan sosial yang dilaksanakan MAIN bersama agensi-agensi berkaitan.

Ketiga, terdapat kecenderungan penggunaan dana-dana yang bercampur oleh sesetengah MAIN untuk pembangunan aktiviti MAIN, khususnya perolehan hartanah bangunan. Ini memberi komplikasi dalam mengiktiraf aset berkenaan. Isu penilaian seterusnya juga mungkin timbul tertakluk kepada jenis kumpulan wang dan penggunaan aset berkenaan. Keempat, kajian juga perlu dilaksanakan keatas perakaunan dan pelaporan aktiviti MAIN di luar negara, khususnya di Mesir. Hampir setiap MAIN membelanjakan jumlah dana yang besar dari salah satu dana yang ditadbir (BZW) untuk memperoleh aset khususnya tanah dan bangunan. Setakat ini tiada perakaunan yang jelas bagi aset-aset ini telah dibuat oleh MAIN berkaitan.

Kelima, sepertimana keunikan dana BZW yang di tadbir oleh MAIN, pengiktirafan aset-aset MAIN yang diperolehi menggunakan dana tersebut juga menuntut penelitian dari segi penilaian aset dan susutnilai untuk tujuan perakaunan. Secara umum, aset-aset yang ditadbir oleh MAIN adalah aset amanah yang digunakan untuk tujuan sosial seperti aset wakaf untuk tujuan masjid dan tanah perkuburan. MAIN juga memiliki aset-aset yang diterima seperti bahagian faraid dan aset yang diperolehi menggunakan dana zakat. Persoalan nilai yang sesuai dan keperluan susutnilai iaitu bagi menggambarkan sifat dan kegunaan aset untuk tujuan perakaunan perlu diberi perhatian untuk membantu MAIN melaporkan secara benar dan saksama aset-aset yang dimiliki atau ditadbir. Asas-asas susutnilai yang bersesuaian untuk aset amanah juga hendaklah diberi perhatian untuk tujuan penyelidikan.

Ini hanyalah beberapa contoh-contoh perkembangan semasa yang menuntut penyelidikan yang berterusan dalam membangunkan piawaian perakaunan Islam bagi MAIN pada masa yang akan datang.

4.8 RUMUSAN

Empat fasa penyelidikan sejak dari tahun 2016 sehingga tahun 2020 telah menghasilkan banyak cadangan bagi pembangunan awal Piawaian Perakaunan Islam (PPI) bagi MAIN. Untuk tujuan pelaksanaan PPIBZW, MAIN dilihat mempunyai kekuatan, kelemahan dan

beberapa cabaran terutamanya dalam bentuk sumber manusia, sistem perakaunan dan sumber kewangan. Walaubagaimanapun, terdapat strategi tertentu yang boleh digarapp oleh MAIN bagi mengurus kelemahan dan cabaran. MAIN juga disaran untuk melaksanakan pengurusan perubahan yang berkesan dengan penglibatan semua peringkat pengurusan disamping bekerjasama dengan Jabatan Akauntan Negara dalam memastikan kejayaan pelaksanaan PPIBZW. Penyelidik juga menyarankan kajian berterusan dilakukan berkaitan piawaian perakaunan Islam berdasarkan kepada perkembangan semasa aktiviti-aktiviti MAIN. Ini bagi memastikan PPIBZW sentiasa relevan untuk institusi BZW.

SENARAI RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaydan (1993). *al-Madkhal li-dirasat al-Shariah al-Islamiyah*. Mu'assasat al-Risalah.
- Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (2010). *Al-Ma'ayir al-Shari'ah*. Bahrain: Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions.
- Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) (2019). *Exposure Drafts: Financial Accounting Standard - Financial Reporting by Waqf institutions*. Bahrain: AAOIFI. <http://aaoifi.com/exposure-drafts-4/?lang=en>
- Akta 505 (1993). Undang-undang Malaysia – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/938ea6c8aaeafd78482571fe0011dedd?OpenDocument [mengandungi pindaan terkini - P.U.(A)250/2002 AKTA 505]
- Akta Acara Kewangan 1957 (2004). Warta Kerajaan Negeri Pahang. <https://fliphtml5.com/xqag/dlze/basic>.
- Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) (1980). *Undang-undang Malaysia [Akta 240] Akta Badan Berkanun 1980*.
- Akta Kerajaan Tempatan (1976). *Undang-undang Malaysia [Akta 171] Akta Kerajaan Tempatan 1976*. <file:///C:/Users/afati/Downloads/Akta171y1976bm.pdf>
- Akta Kualiti Alam Sekeliling (2012). *Undang-undang Malaysia [Akta A1441] Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan)*. https://www.doe.gov.my/portalv1/wp-content/uploads/2015/01/Akta_Kualiti_Alam_Sekeliling_Pindaan_2012_-_ACT_A1441.pdf
- Akta Kuarantin Tumbuhan (1976). *Undang-undang Malaysia [Akta 167] Akta Kuarantin Tumbuhan 1976*. <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20167.pdf>
- Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976). *Undang-undang Malaysia [Akta 172] Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976*. <file:///C:/Users/afati/Downloads/Akta172y1976bm.pdf>
- Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (2004). *Undang-undang Malaysia [Akta 634] Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004*. <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20634.pdf>
- Akta Syarikat 2016 [Akta 777] (2016). https://www.ssm.com.my/acts/aktaBM_20160915_AktaSyarikat2016Akta777.pdf

- Al-Fayruz Abadi (1995). *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Kasani. A.B.M. (1986). *Badai al sanai fi tartib al Syarai* (2nd edit). Beirut, Lubnan: Darr al-Kutub Al ‘Ilmiyyah.
- Al-Mahalli, Jalaluddin (t. t.). *Syarah Jam’ al-Jawami’*. Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyah.
- Al-Mawardi, A. H. A. (1996). *Al-Ahkam al-Sulthaniyah wa-Wilayat al-Diniyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mawardi, A. I. M. (2005). *Al-Ahkam as-sultaniyyah: The laws of Islamic governance* (A. Yate, Trans.). London: Ta-Ha Publishers.
- Al-Nawawi (2012). *Raudhah al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftiin* (Special Edition). Riyadh, Saudi Arabia: Dar ‘Alam Al-Kutub.
- Ali Haidar (t.t), *Durar al-Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam*, j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 79
- Al-Suyuti (1985). *al-Ashbah wa al-nazair fi qawaid wa furu fiqh al-shafiiyah /c lil Imam Jalal al-Din al-Suyuti*, tahqiq Muhammad al-mutasim bi Allah al-Baghdadi, al-Baghdadi, Muhammad al-Mu'tasib bi Allah, Bayrut : Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (2012). *Ham‘ alHawami‘ fi Sharh Jam‘ al-Jawami‘*. Jil. 1 & 4. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Syatibi, Abu Ishaq (1975). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari’ah*. Beirut: Daral-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Zuhaily, Wahbah (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr. <https://www.muftiwp.gov.my>
- Al-Zuhaily, Wahbah (2008). *Al-Fiqh asy-Syafi’i al-Muyassar*. Damsyik: Darul Fikr.
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang (1991). Pahang – Enakmen 3 Tahun 1991. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/5fce77b0a673e047482570c9000441c5?OpenDocument [mengandungi pindaan terkini - Phg. En. 5/01 ENAKMEN 3 TAHUN 1991]
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (1994). Kelantan – Enakmen 4 Tahun 1994 http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/314d5a1a56d682364825739300024928?OpenDocument

- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (2001). Terengganu – Enakmen 2 Tahun 2001. [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/StateEnact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/46abc9c20f80efd84825708f0022b2c7? Open Document](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/StateEnact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/46abc9c20f80efd84825708f0022b2c7?OpenDocument)
- Harahap, Sofyan Safri (2001). *Menuju Perumusan Teori Akuntansi Zakat*, Jakarta: Pustaka Quantum.
- Hasan, A. (2008). *Pengertian al-Wa'ad, al-Wa 'dan dan al-Muwa'adah,*. Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Kuala Lumpur, 27-28.
- Herzlinger, R. E., & Sherman, H. D. (1980). Advantages of fund accounting in “nonprofits”. *Harvard Business Review*, 58(3), 94–105.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar (1966). *Radd al-muhtar cala al durr almukhtar*, Matbacat Mustafa al-Babiyyal-Halabiyy, Mesir, jil. 5, hlm.51
- Ibn ‘Ashur, M.T. (2006). *Treaties on maqasid Al Syariah*. Washington DC: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Ibn Manzur, J.M.M. (1994). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Islam, M.W. (1999). Al-Mal: The Concept of Property in Islamic Legal Thought. *Arab Law Quarterly*, 14(4), 361-368.
- Ismail, M.Y. (2008). Pelaburan ke atas syarikat Swisscash Mutual fund. *Jurnal Muamalat*, Bil 1/2008, pp. 9-26
- International Accounting Standards Board (Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa) (2018). *Kerangka Kerja Pelaporan Kewangan*. IFRS Foundation. http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=BV2018_revised_CONCEPTUAL%20FRAMEWORK.pdf&file_path=pdf_file
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 1: Pembentangan Penyata Kewangan*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 2: Penyata Aliran Tunai*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 3: Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 4: Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing*. <https://www2.anm.gov.my/akruan>

[/Pages/MPSAS.aspx](#)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 9: Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 12: Inventori*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 13: Leases*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 16: Hartanah Pelaburan*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 17: Hartanah, Loji dan Peralatan*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 23: Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2013). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 24: Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 6: Consolidated and Separate Financial Statements*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 7: Investment in Associates*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 14: Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 19: Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 25: Employee Benefits*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards*

- (MPSAS) 26: Impairment of Cash-Generating Assets. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 28: Financial Instruments: Presentation.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 21: Impairment of Non-Cash-Generating Assets.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 31: Intangible Assets.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 5: Borrowing Costs.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 8: Interests in Joint Ventures.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 11: Construction Contracts.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 20: Related Party Disclosure.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 22: Disclosure of Financial Information about the General Government Sector.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 27: Pertanian.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 29: Financial Instruments: Recognition and Measurement.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 30: Financial Instruments: Disclosures.* <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2015). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 33: First-Time Adoption of Accrual Basis Malaysian Public Sector Accounting*

- Standards (MPSASs). <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2016). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 32: Service Concession Arrangements: Grantor*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2016). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 34: Separate Financial Statements*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2016). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 35: Consolidated Financial Statements*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2016). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 36: Investments in Associates and Joint Ventures*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2016). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 37: Joint Arrangements*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2016). *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 38: Disclosure of Interests in Other Entities*. <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>
- Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke-3 yang telah bersidang pada tahun 1986 di 'Amman, Jordan. <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-fatwa/626-irsyad-al-fatwa-ke-105-adakah-dibolehkan-untuk-harta-zakat-diwakafkan>
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009. <https://www.mais.gov.my/wang-tak-patuh-syariah/4/>
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia (1957). *Undang-undang Malaysia – Perlembagaan Persekutuan*. <http://www.jpapencen.gov.my/CAT289562/Published/Perlembagaan%20Persekutuan-Ma.Html>
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia. (2010). *Undang-undang Malaysia – Perlembagaan Persekutuan*. Persurujhaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/PERLEMBAGAAN%20PERSEKUTUAN%20ULANG%20CETAK%202016.pdf>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020). <https://www.muftiwp.gov.my>
- Statement of Recommended Practice (SORP). (2019). *Charities SORP (FRS 102): Accounting and Reporting by Charities, Second Edition*. The Charity Commission for Northern Ireland,

Charity Commission for England and Wales, Scottish Charity Regulator.
<https://www.charityscorp.org/media/647945/charities-sorp-frs102-2019a.pdf>

Wan Marhaini Wan Ahmad. (2012). "*Zakat investment in Malaysia: a study of contemporary policy and practice in relation to Shari'a*", University of, Edinburgh.

Yusuf, A. (1990). *al-Mal fi al-Shariah al-Islamiyyah bayn al-kasb wa al-infaq wa al-tawrith*, Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tauzi c, Kahera.

LAMPIRAN A: Format Penyata Kewangan

Jadual 1: Format Pembentangan Penyata Kedudukan Kewangan Majlis

	Nota	KW Baitul-Mal	KW Zakat	KW Wakaf	Jumlah
		RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa					
Bangunan, Loji dan Peralatan		XXX	XXX	XXX	XXX
Hartanah Pelaburan		XXX		XXX	XXX
Aset Pertanian		XXX		XXX	XXX
Pelaburan saham (Aset kewangan)		XXX			XXX
Pelaburan sukuk (Aset kewangan)		XXX			XXX
Wakaf saham				XXX	XXX
Aset tidak ketara		XXX			XXX
Memberi Pinjaman Jangka Panjang		XXX	XXX	XXX	XXX
Aset Semasa					XXX
Tunai dan Bank		XXX	XXX	XXX	XXX
Inventori		XXX			XXX
Akaun Belum Terima (Penghutang)		XXX	XXX	XXX	XXX
Pelaburan Jangka Pendek		XXX	XXX	XXX	XXX
Amanah/Deposit		XXX		XXX	XXX
Jumlah Aset		XXX	XXX	XXX	XXX
Ekuiti dan Rizab					
Lebihan Berkumpul Dana Terhad Dana Tidak Terhad Dana Endowmen		XXX	XXX	XXX	XXX
Agihan Manfaat Berkumpul			XXX		XXX
Rizab penilaian semula aset		XXX	XXX	XXX	XXX
Rizab pertukaran mata wang asing			XXX		XXX
Lebihan penilaian aset istibdal				XXX	XXX
Liabiliti Semasa					
Akaun Belum Bayar (Pemiutang)		XXX	XXX	XXX	XXX
Manfaat pekerja yang belum dibayar (jangka pendek)		XXX			XXX
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman Jangka Panjang		XXX	XXX	XXX	XXX
Manfaat Pekerja (jangka panjang)					
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		XXX	XXX	XXX	XXX

Jadual 2: Format Pembentangan Penyata Aktiviti Kewangan Majlis

	Nota	KW Baitul-Mal	KW Zakat	KW Wakaf	Jumlah
		RM	RM	RM	RM
Pendapatan					
Hasil jualan inventori (anak syarikat)		XXX	XXX	XXX	XXX
Hasil jualan borang, buku, bahan cetakan		XXX			XXX
Kutipan Zakat			XXX		XXX
Wakaf tunai diterima				XXX	XXX
Pendapatan Sewaan		XXX		XXX	XXX
Perolehan dan Keuntungan Pelaburan		XXX	XXX	XXX	XXX
Hibah		XXX	XXX	XXX	XXX
Pelbagai Terimaan		XXX	XXX	XXX	XXX
Keuntungan dari Perubahan Nilai Saksama		XXX		XXX	XXX
Hasil keuntungan asset yang dilupuskan		XXX	XXX	XXX	XXX
Hasil yuran-yuran		XXX	XXX		XXX
Royalti			XXX		XXX
Pampasan pengambilan tanah oleh kerajaan		XXX		XXX	XXX
Perbelanjaan					
Agihan zakat (asnaf lain)			XXX		XXX
Agihan manfaat semasa zakat			XXX		XXX
Bahagian amil zakat			XXX		XXX
Perkhidmatan dan Bekalan		XXX	XXX	XXX	XXX
Susut Nilai		XXX			XXX
Emolumen		XXX		XXX	XXX
Kerugian dari Perubahan Nilai Saksama		XXX		XXX	XXX
Kerugian asset yang dilupuskan		XXX		XXX	XXX
Perbelanjaan pentadbiran		XXX	XXX	XXX	XXX
Perbelanjaan wakaf / Kos pemulihan dan penyelenggaraan harta wakaf				XXX	XXX
Kos manfaat pekerja		XXX			XXX
Lebihan/(Kurangan)		XXX/(XXX)	XXX/(XXX)	XXX/(XXX)	XXX/(XXX)

LAMPIRAN B: Ilustrasi Penyediaan Penyata Kewangan MAIN

MAIN ABC telah menerima wang zakat untuk tahun berakhir 31 Disember 2019 berjumlah RM720,000,000. Dari jumlah kutipan ini untuk tahun semasa, RM560,000,000 telah diedarkan kepada pelbagai asnaf. 1/8 daripada kutipan zakat tersebut adalah bahagian amil sebanyak RM90,000,000 yang telah diserahkan kepada MAIN ABC di bawah Kumpulan Wang Sumber Am. Dari baki jumlah zakat yang terkumpul, MAIN ABC telah mempunyai komitmen untuk mengagihkan wang zakat ini kepada asnaf berjumlah RM10,000,000. Selain daripada itu, terdapat sebuah syarikat yang menyatakan komitmen untuk membayar zakat perniagaan berjumlah RM20,000,000.

Disertakan di sini ilustrasi bagi perkembangan semasa di dalam agihan zakat sepertimana yang telah dibincangkan di perenggan sebelum ini. MAIN ABC telah memperkenalkan skim-skim baharu di dalam agihan zakat. Skim-skim ini merupakan pemberian manfaat kepada asnaf-asnaf zakat. Di antara skim-skim tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pembelian 50 buah mesin jahit yang bernilai RM2,000 sebuah bagi membantu ibu tunggal yang miskin di dalam menjalankan aktiviti menjahit baju bagi menjana pendapatan untuk keluarga. Pemberian mesin jahit ini diberikan kepada asnaf dengan hak pemilikan.
- ii. Pembelian 10 unit van yang bernilai RM45,000 seunit. Pembelian van ini adalah untuk membantu asnaf fakir dan miskin di dalam menjalankan perniagaan “foodtruck”. Asnaf fakir dan miskin diberikan hak penggunaan van tersebut bagi tempoh 3 tahun. Kos penyelenggaraan tahunan bagi van tersebut sebanyak RM1,000 ditanggung oleh MAIN ABC. Jangka hayat bagi penggunaan van tersebut adalah selama 9 tahun.
- iii. MAIN ABC telah memperuntukan wang zakat sebanyak RM5,000,000 bagi pembinaan sebuah bangunan 100 bilik bagi menempatkan asnaf muallaf yang baru memeluk Islam. Di antara permasalahan yang selalu dihadapi oleh golongan asnaf muallaf apabila mereka memeluk Islam ialah mereka diusir dari rumah oleh keluarga mereka dan tiada tempat tinggal untuk didiami. MAIN ABC akan memberikan penempatan bilik ini secara percuma kepada asnaf muallaf yang memerlukan. Kadar sewaan semasa sebuah bilik di kawasan tersebut adalah RM200 sebulan. Secara purata, kadar penghunian

adalah sekitar 70% sebulan daripada penghunian penuh. Kos penyelenggaraan bangunan ini adalah sebanyak RM2,000 sebulan.

- iv. MAIN ABC telah membeli sebuah bangunan pada kos RM500,000 untuk tujuan penempatan anak-anak yatim daripada golongan fakir dan miskin. Penempatan anak-anak yatim ini secara puratanya adalah penuh. Kos penyelenggaraan tahunan bagi bangunan tersebut ada sebanyak RM20,000. Jangka hayat bangunan ini adalah 20 tahun.

Berikut adalah cadangan layanan perakaunan bagi transaksi yang tersebut di atas:

- i. Bagi transaksi pemberian mesin jahit kepada ibu tunggal yang miskin, transaksi tersebut boleh diklasifikasikan sebagai perbelanjaan. Transaksi ini tidak akan direkodkan di dalam Penyata Perubahan Aset Kelolaan. Oleh itu, layanan perakaunannya adalah seperti berikut:

Dr.	Agihan zakat	100,000
	Kr. Tunai	100,000

- ii. Bagi transaksi kedua dan ketiga, ianya perlu direkodkan di dalam Penyata Perubahan Aset Kelolaan (Jadual A) kerana ianya melibatkan pemberian manfaat jangka panjang. Isu yang berkaitan dengan pemberian manfaat jangka panjang ialah mengenai anggaran jumlah manfaat yang telah diberikan di dalam setiap tahun perakaunan. Dari sudut layanan perakaunan konvensional, pembelian 10 unit van dan pembangunan sebuah bangunan untuk kegunaan asnaf muallaf akan direkodkan sebagai aset tetap atau aset jangka panjang. Aset jangka panjang ini kemudiannya akan disusutnilaikan bagi setiap tahun perakaunan berdasarkan kepada jangka hayat aset tetap tersebut. Perlu ditekankan di sini bahawa Penyata Perubahan Aset Kelolaan ialah satu penyata memorandum sahaja. Penyediaan penyata tersebut bolehlah dianggap sebagai maklumat yang didedahkan untuk memenuhi keperluan masyarakat (Hajjiyyat).

Daripada perspektif pengurusan dana zakat, pembelian 10 unit van dan pembangunan sebuah bangunan untuk kegunaan asnaf akan diambil kira sebagai pemberian manfaat jangka panjang kepada asnaf. Oleh kerana MAIN ABC menyediakan penyata kewangan tahunan, anggaran manfaat yang telah diberikan kepada asnaf perlu dilakukan bagi setiap tahun kewangan. Bagi

aset van, oleh kerana secara dasarnya, ia hanya boleh diberikan kepada seorang asnaf bagi satu masa, penggunaan asas susutnilai boleh digunapakai untuk menganggarkan jumlah manfaat yang telah diberikan kepada asnaf. Tambahan pula, MAIN ABC telah menyatakan dengan jelas bahawa penggunaan van tersebut adalah untuk tempoh tiga tahun.

Bagi bangunan untuk kegunaan asnaf, pemberian manfaat kepada asnaf adalah berdasarkan kepada kadar kediaman dan kadar sewaan semasa. Oleh itu penggunaan asas susutnilai garis lurus adalah tidak tepat di dalam anggaran jumlah manfaat yang diberikan di dalam tahun perakaunan. Berdasarkan kepada maklumat yang dinyatakan di atas, kadar kediaman purata adalah 70% dan kadar sewaan semasa untuk sebuah bilik ialah RM200 sebulan. Jumlah kesemua bilik sewaan di bangunan tersebut adalah 100 buah bilik, oleh itu, pengiraan anggaran jumlah manfaat yang diberikan bagi tahun semasa adalah seperti berikut:

$$70\% \times 100 \text{ bilik} \times \text{RM}200 \times 12 \text{ bulan} = \text{RM}168,000$$

Bagi bangunan untuk anak-anak yatim, agihan manfaat dianggarkan berdasarkan kepada jangka hayat bangunan tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada penghunian yang penuh.

Jadual A: PENYATA PERUBAHAN ASET KELOLAAN KW ZAKAT

Keterangan	Baki Awal RM	Penambahan RM	Pengurangan RM	Agihan Manfaat Semasa RM	Agihan Manfaat Terkumpul RM	Baki Akhir RM	Nota
1. 10 unit van “foodtruck”	450,000	-	-	50,000	-	400,000	1
2. Bangunan penempatan asnaf muallaf	5,000,000	-	-	168,000	-	4,832,000	2
3. Bangunan anak yatim	500,000	-	-	25,000	-	475,000	3
Jumlah	5,950,000			243,000		5,707,000	

Nota:

1. Agihan manfaat berdasarkan kepada jangka hayat van selama 9 tahun

2. Agihan manfaat adalah berdasarkan kepada kadar penghunian purata dan kadar sewaan. Sebagai contoh, di dalam ilustrasi anggaran manfaat yang diagihkan adalah berdasarkan kepada pengiraan berikut:

$$70\% \times 100 \text{ bilik} \times \text{RM}200 \times 12 \text{ bulan} = \text{RM}168,000$$

3. Agihan manfaat adalah berdasarkan kepada jangka hayat bangunan selama 20 tahun.

MAIN ABC telah menerima bayaran wakaf tunai untuk tahun berakhir 31 Disember 2019 berjumlah RM5,000,000. Daripada wakaf tunai ini yang telah dikumpulkan untuk tahun semasa, MAIN ABC telah menggunakan RM1,000,000 untuk membina enam unit kedai satu tingkat. Pembinaan bangunan ini bermula pada 1 Julai 2019 dan siap pada 30 September 2019. Kedai-kedai tersebut telah disewakan kepada penyewa dari 1 November 2019 dengan sewa bulanan sebanyak RM1,500. Sepanjang tahun ini, MAIN ABC juga telah menerima lima bidang tanah wakaf. Penilaian semasa tanah tersebut semasa penerimaan adalah RM10,000,000. Di samping itu, MAIN ABC juga telah menerima sebuah bangunan yang sebelumnya digunakan sebagai prasekolah. Anggaran nilai saksama bangunan adalah RM400,000. MAIN ABC telah memutuskan untuk terus menggunakan bangunan ini sebagai prasekolah.

Sepanjang tahun 2018, MAIN ABC telah menerima wakaf tunai sebanyak RM7,000,000. Oleh kerana MAIN ABC masih di tahun awal pengoperasian, Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan sebanyak RM100,000 daripada terimaan tunai ini dipindahkan kepada peruntukkan Ghallah bagi tujuan pengagihan manfaat kepada masyarakat umum. Di samping itu, MAIN ABC juga telah menerima beberapa bidang tanah sebagai tanah wakaf. Sebidang tanah wakaf telah diwakafkan oleh pewakif untuk tujuan kubur. MAIN ABC hanya memerlukan perbelanjaan yang minimal untuk penyelenggaraan kubur tersebut. MAIN ABC menilai tanah kubur tersebut pada nilai nominal iaitu RM10. Sebidang tanah lagi telah diwakafkan oleh pewakif untuk tujuan membina masjid di atas tanah tersebut berkeluasan 5 ekar. MAIN ABC telah meluluskan cadangan untuk membina sebuah masjid dengan kos RM3,000,000 di atas tanah tersebut tetapi hanya menggunakan 2 ekar daripada tanah tersebut dengan menggunakan terimaan wakaf tunai. Bagi menampung kekurangan dana wakaf tunai di dalam pembinaan masjid tersebut, MAIN ABC telah meminjam RM1,000,000 daripada Kumpulan Wang Zakat.

Di atas baki tanah tersebut, MAIN ABC juga telah meluluskan pembangunan sebuah sekolah rendah Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) dengan peruntukan RM1,300,000 menggunakan terimaan wakaf tunai. Untuk menjana hasil bagi menyelenggara masjid dan sekolah KAFA tersebut, MAIN ABC juga telah meluluskan pembinaan 10 gerai wakaf dengan peruntukan sebanyak RM500,000. Pembinaan gerai tersebut siap pada akhir tahun 2018 dan mula disewakan pada Januari 2019 dengan sewaan sebanyak RM500 sebulan. Kesemua 10 gerai wakaf tersebut telah disewakan mulai Januari 2019. Penilaian semasa gerai wakaf tersebut pada 31 Disember 2019 ialah RM550,000. Oleh kerana tanah seluas 5 ekar itu tidak digunakan untuk tujuan sosial, tanah tersebut telah dinilai pada nilai kos iaitu nilai saksama pada tarikh

penerimaan. Nilai saksama pada tarikh penerimaan adalah sebanyak RM1,500,000. Tanah ini tidak disusutnilai.

MAIN ABC juga menerima sebidang tanah seluas 3 ekar oleh pewakif tanpa menyatakan tujuan untuk kegunaan tanah. MAIN ABC telah meluluskan untuk membangunkan bangunan komersial dan hasil daripada sewaan bangunan tersebut akan digunakan untuk kemaslahatan masyarakat. Anggaran kos pembangunan bangunan komersial tersebut adalah sebanyak RM5,000,000. Untuk mendapat dana yang mencukupi bagi pembangunan bangunan komersial tersebut, MAIN ABC telah menjual saham wakaf dengan harga RM1,000 seunit. Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2018, sebanyak 2,000 unit saham telah dijual iaitu sebanyak RM2,000,000 telah dapat dikumpulkan. Dengan jumlah yang telah dikutip, pembangunan **infrastruktur** dan pembangunan awal bangunan komersial tersebut telah dijalankan. Ini adalah fasa pertama di dalam pembangunan bangunan komersial tersebut dan terdapat dua fasa lagi di dalam pembangunan tersebut. Kos pembangunan fasa pertama adalah sebanyak RM1,500,000 dan sehingga tahun berakhir 31 Disember 2019, projek fasa pertama telah dapat disiapkan dan pembayaran telah dibuat kepada pihak kontraktor. Oleh kerana tanah wakaf tersebut telah digunakan untuk pembangunan bangunan komersial, tanah tersebut dinilai pada nilai saksama. Nilai saksama tanah tersebut pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM1,000,000 dan 1,100,000.

MAIN ABC telah menerima geran daripada kerajaan Negeri sejumlah RM10,000,000 pada tahun 2018 bagi menampung kos permulaan operasi MAIN. Pada permulaan operasi MAIN pada tahun 2018, ia juga telah menerima dua bidang tanah daripada kerajaan Negeri. Sebidang tanah berkeluasan 2 ekar terletak di tengah-tengah bandar mempunyai nilai semasa penerimaan daripada kerajaan negeri sebanyak RM2,000,000. Pihak MAIN telah bercadang untuk membina sebuah bangunan pentadbiran dan 10 unit kedai setingkat untuk sewaan di atas tanah ini dengan anggaran kos sebanyak RM2,500,000 (Kos pembinaan bangunan pantadbiran adalah sebanyak RM500,000 manakala kos pembinaan 10 unit kedai **setingkat adalah RM2,000,000**). Pembinaan kedua-dua buah bangunan telah siap pada akhir tahun 2018 dan mula digunakan dan disewakan pada bulan Januari. Bangunan Pentadbiran akan disusutnilai dengan anggaran tempoh hayat selama 50 tahun. Tiada susutnilai dalam tahun pembinaan. Manakala, bangunan 10 unit kedai setingkat akan dinilai pada nilai saksama. Nilai saksama bangunan 10 unit kedai setingkat itu pada 31 Disember 2019 adalah RM2,200,000. Sewaan bangunan kedai setingkat itu adalah pada

kadar pasaran iaitu RM2,500 seunit sebulan. Kesemua 10 unit kedai telah disewakan semenjak bulan Januari 2019.

Sebidang tanah lagi adalah tanah pertanian di luar bandar seluas 20 ekar dengan 2 geran (setiap geran 10 ekar) yang mempunyai nilai semasa pada tarikh penerimaan sebanyak RM2,000,000. Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, nilai semasa untuk seekar tanah tersebut adalah RM130,000. Pihak MAIN ABC telah memperuntukkan dana modal sebanyak RM1,000,000 (untuk 1,000,000 unit saham pada harga RM1.00 seunit) bagi menubuhkan sebuah anak syarikat, Syarikat Pertanian PQR Sdn. Bhd. bagi pengurusan ladang sayuran seperti cili merah, kacang bendi, timun, tomato dan sayuran hijau di dalam separuh tanah tersebut iaitu 10 ekar. 10 ekar lagi disewa pada kadar sewaan semasa iaitu RM1,000 seekar sebulan semenjak bulan Mac 2018. Nilai semasa tanah yang disewakan pada 31 Disember 2019 ialah RM1,300,000. Di samping itu, syarikat juga menanam buah tembikai dan rock melon. Syarikat menggunakan sistem fertigasi. Kos penyediaan tapak fertigasi dan penanaman anak benih ialah sebanyak RM20,000 seekar. Stok baja telah dibeli secara pukal sebanyak 1,000 beg baja dengan anggaran penggunaan sebanyak 60 beg baja sebulan. Kos pembelian baja adalah RM20 satu beg. Stok baja pada akhir tahun 31 Disember 2018 adalah sebanyak 250 beg. Syarikat telah membeli tambahan baja pada tahun 2019 sebanyak 800 beg. Stok baja pada akhir tahun 31 Disember 2019 adalah sebanyak 300 beg.

Syarikat telah mengambil sepuluh orang pekerja untuk menjaga tanaman dengan gaji sebanyak RM1,000 sebulan. Sepuluh orang pekerja di ladang ini adalah daripada kalangan asnaf yang layak menerima zakat. Oleh itu, syarikat juga telah menjadikan polisi bahawa sekiranya nilai pendapatan bersih melebihi RM500,000, syarikat akan memberikan bonus sebanyak 10% daripada lebih melebihi RM500,000 kepada semua pekerjanya seramai 13 orang (10 orang pekerja di ladang dan 3 orang kerani di pejabat). Di samping itu, syarikat juga telah melantik tiga orang kerani bagi membantu di dalam hal pentadbiran syarikat termasuk penyediaan penyata kewangan syarikat. Kerani telah dibayar gaji sebanyak RM1,600 sebulan. Hasi tanaman sayuran dan buah-buahan telah mula dituai pada bulan April 2018. Anggaran hasil tuaian adalah sebanyak RM100,000 sebulan. Hasil tanaman pada kebiasaannya dijual tunai. Kos pemasaran hasil-hasil tanaman adalah sebanyak RM2,000 sebulan. MAIN ABC juga telah membelanjakan RM10,000,000 di dalam pembangunan Komplek Agama Negeri. Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, projek tersebut masih di dalam pelaksanaan.

Sumber utama pendapatan untuk Kumpulan Wang Sumber Am adalah dari kutipan zakat bahagian Amil. MAIN ABC telah menyewakan sebahagian bangunan dan tanahnya untuk menjana pendapatan. Tanah dan bangunan yang disewakan pada sewaan pasaran diukur pada nilai saksama. Sebahagian dana sebanyak RM2,000,000 dilaburkan di dalam deposit tetap dan menjana pendapatan pelaburan sebanyak 4% setahun. Ia juga menerima dividen dari anak syarikat dan syarikat bersekutu. Berikut adalah ringkasan pendapatan utama dari Kumpulan Wang Sumber Am pada tahun berakhir 31 Disember 2019.

	Sumber Hasil	RM
1.	Hasil sewaan	420,000
2.	Keuntungan Pelaburan	80,000
3.	Dividen dari anak syarikat	100,000
5.	Bahagian Amil	90,000,000
6.	Hasil Jualan Inventori (Borang, buku teks dan buku latihan)	150,000

Hasil-hasil lain bagi Kumpulan Wang Sumber Am sebanyak RM381,000 termasuk terimaan Faraid, yuran pembaharuan sijil halal, sewaan van jenazah dan lain-lain. Senarai lengkap hasil-hasil lain bagi MAIN ABC adalah seperti berikut.

	Sumber Hasil	RM
1.	Terimaan luqatah	50,000
2.	Terimaan faraid	100,000
3.	Terimaan wang tak patuh Syariah	20,000
4.	Sewaan van jenazah	5,000
5.	Yuran pembaharuan sijil halal	5,000
6.	Hibah	1,000
7.	Pampasan pengambilan tanah oleh kerajaan	200,000
	Jumlah	381,000

Berikut adalah senarai perbelanjaan MAIN ABC bagi Kumpulan Wang Sumber Am. Emolumen dan gaji adalah gaji yang dibayar kepada staff MAIN ABC termasuk staff kontrak. Ia juga termasuk imbuhan yang diberikan kepada staff. Manakala kos penyelenggaraan dan pembaikan

adalah kos membaiki masjid, surau dan sekolah agama yang dimiliki oleh MAIN ABC yang dibiayai sepenuhnya oleh MAIN ABC. Kos gantian cuti rehat ialah bayaran pampasan kepada staff yang tidak menggunakan sepenuhnya cuti rehat yang diberikan. Formula pengiraan kos gantian cuti rehat adalah jumlah hari cuti rehat yang tidak digunakan darab gaji harian semasa. Gaji harian semasa dikira berdasarkan kepada gaji bulanan semasa bahagi 30 hari. Belanja perkhidmatan dan bekalan termasuk kos elektrik dan kos penggunaan air. Kos penerbitan termasuk kos mencetak borang yang digunakan di dalam operasi MAIN ABC seperti borang permohonan bantuan zakat. Pemohon dikenakan caj minimal sebanyak RM1.00 untuk setiap borang permohonan. Di samping itu, MAIN ABC juga mencetak buku-buku agama yang dijual kepada umum bagi meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap isu-isu agama termasuk isu zakat dan wakaf. Buku-buku tersebut dijual kepada orang awam pada kadar keuntungan yang minimum.

	Perbelanjaan	RM
1.	Emolumen dan gaji	5,000,000
2.	Penyelenggaraan dan pembaikan	10,500,000
3.	Gantian cuti rehat	500,000
4.	Perkhidmatan dan bekalan	1,000,000
5.	Kos penerbitan	100,000

Penyata Hasil dan Belanja MAIN

	Nota	KW Sumber Am	KW Zakat	KW Wakaf	Jumlah
		RM	RM	RM	RM
Hasil					
Hasil jualan borang, buku, bahan cetakan		150,000			150,000
Kutipan Zakat			740,000,000		740,000,000
Bahagian Amil		90,000,000			90,000,000
Wakaf tunai diterima				5,000,000	5,000,000
Pendapatan Sewaan		420,000		252,000	672,000
Pendapatan Sewaan Kedai 1-tingkat				18,000	18,000
Perolehan dan Keuntungan Pelaburan		160,000	40,000	3,525 ¹	203,525
Hibah		1,000	500	300	1,800
Lain-lain Hasil		380,000			380,000
Keuntungan dari Perubahan Nilai Saksama		500,000		500,000	1,000,000
		91,611,000	740,040,500	5,773,825	837,425,325
Belanja					
Agihan zakat (asnaf lain)			570,100,000		570,100,000
Agihan manfaat semasa zakat			243,000		243,000
Bahagian amil zakat			90,000,000		90,000,000
Perkhidmatan dan Bekalan		1,000,000			1,000,000
Susut Nilai		10,000			10,000
Emolumen dan Gaji		5,000,000			5,000,000
Rosotnilai				50,000	50,000
Penyelenggaraan dan pembaikan		10,500,000	54,000	15,000	10,569,000
Kos manfaat pekerja – Ganti cuti rehat		500,000			500,000
Kos penerbitan		80,000			80,000
		17,090,000	660,397,000	65,000	677,552,000
Lebihan/(Kurangan)		74,521,000	79,643,500	5,708,825	159,873,325

¹ Pelaburan pada akhir tahun 2018 sebanyak RM70,503 x 5%.

Ilustrasi: Penyata Ghallah bagi KW Wakaf

Lebihan bagi tahun semasa berakhir 31 Disember 2019 ialah RM5,690,825. Maklumat-maklumat tambahan berikut adalah relevan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Ghallah.

- g. Terdapat sebidang tanah seluas 2 ekar yang mengalami kerugian di dalam nilai saksama sebanyak RM50,000 disebabkan oleh kejadian banjir di kawasan persekitaran pada tahun 2019. Semasa penyerahan tanah sebagai wakaf kepada MAIN ABC pada tahun 2018, ianya mempunyai nilai saksama bersamaan dengan RM200,000 yang diiktiraf sebagai kos tanah tersebut. Kerugian di dalam nilai saksama ini telah direkodkan di dalam Penyata Aktiviti Kewangan. Oleh itu, Lembaga Pengarah MAIN ABC telah membuat keputusan untuk menukar tanah tersebut dengan tanah yang lebih berpotensi. MAIN ABC telah mengenalpasti sebidang tanah berkeluasan lebih kecil (1/2 ekar) tetapi mempunyai nilai semasa RM170,000
- h. Terdapat sebuah bidang tanah yang disewakan untuk tujuan letak kereta. Nilai semasa tanah ini telah meningkat sebanyak RM150,000 disebabkan oleh kegiatan ekonomi di persekitaran tanah tersebut. Semasa penyerahan tanah ini iaitu pada bulan Jun 2018, nilai semasanya adalah RM500,000. Kenaikan nilai saksama sebanyak RM150,000 ini telah direkodkan sebagai pendapatan di dalam Penyata Aktiviti Kewangan. Tanah untuk tapak letak kereta ini mula disewakan mulai bulan Julai 2018 dengan kadar sewaan sebanyak RM10,000 sebulan.
- i. MAIN ABC telah membeli sebuah bangunan di Kaherah, Mesir pada nilai Egyptian Pounds 4,000,000 hasil daripada kutipan wakaf tunai pada tahun berakhir 31 Disember 2018. Bangunan ini dibeli bagi tujuan sewaan bagi menjana pendapatan. Kadar tukaran wang asing **di antara** Ringgit Malaysia dan Egyptian Pounds pada 31 Disember 2018 ialah RM1 bersamaan dengan EP4. Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, nilai semasa bangunan tersebut telah meningkat kepada EP 4,840,000. Kadar tukaran wang asing di antara Ringgit Malaysia and Egyptian Pounds pada 31 Disember 2019 ialah RM1 bersamaan dengan EP4.20. Hasil sewaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM72,000.
- j. Telah menjadi polisi MAIN ABC dimana 1% daripada lebihan semasa daripada aktiviti kewangan KW Wakaf akan dipindahkan kepada reserve bagi tujuan untuk menampung agihan Ghallah pada masa yang akan datang. Baki di dalam *reserve* pada tahun berakhir 31 Disember 2018 ialah sebanyak RM70,503. Kesemua dana di dalam *reserve* ini disimpan di dalam deposit tetap yang memberikan pulangan 5% setahun.

- k. Bagi tahun semasa berakhir 31 Disember 2019, MAIN ABC telah mengagihkan pulangan daripada pelaburan dana wakaf seperti berikut:
- i. Membantu golongan gelandangan sebanyak RM10,000
 - ii. Membantu golongan fakir dan miskin sebanyak RM20,000
 - iii. Pada 1 Januari 2019, MAIN ABC masih ada baki manfaat yang belum dibayar sebanyak RM20,000.
 - iv. Terdapat satu kumpulan 10 orang pelajar berpendapatan rendah yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di dalam bidang Syariah di Universiti Al-Azhar, Mesir. MAIN PQR telah meluluskan peruntukan untuk pembiayaan sebanyak RM500 seorang untuk setiap bulan bagi tahun berikutnya.
 - v. Baki Ghallah yang belum diagihkan pada 1 Januari 2019 adalah sebanyak RM15,3000.

**Penyata Kedudukan Kewangan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019**

	Nota	KW Baitul- Mal	KW Zakat	KW Wakaf	Jumlah
		RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa					
Bangunan, Loji dan Peralatan			5,950,000		
- Tanah kubur (nominal)				10	
- Tanah Masjid (kos)				1,500,000	
- Tanah bangunan komersial (nilai saksama)				1,100,000	
- Lain-lain tanah				10,170,000	
- Kerja dalam pelaksanaan				1,500,000	
- Masjid yang dibangunkan				3,000,000	
- Bangunan Sekolah KAFA				1,300,000	
- Bangunan Pra-Sekolah				400,000	
- Tanah tempat letak kereta		1,000,000		650,000	
- Tanah tanaman sayuran dan buah-buahan		500,000			
- Bangunan Pentadbiran		(20,000)			
<i>Tolak: Susutnilai terkumpul</i>		10,000,000			
- Kerja dalam Pembangunan Komplek Agama Negeri					
Hartanah Pelaburan					
- Gerai wakaf				550,000	
- Bangunan di Kaherah				1,152,381	
- 6 unit kedai satu tingkat				1,000,000	
- Bangunan Kedai		2,200,000			
- Tanah Sewaan		1,300,000			
Pelaburan di dalam anak syarikat PQR		1,000,000			
Pelaburan sukuk (Aset kewangan)					
Aset tidak ketara					
Memberi Pinjaman Jangka Panjang			1,000,000		
		15,980,000	6,950,000	22,322,391	
Aset Semasa					
Tunai dan Bank		113,282,000	73,936,500	6,934,217	
Inventori (Borang dan Buku-buku)		20,000			
Akaun Belum Terima (Penghutang)			20,000,000		
Pelaburan Jangka Pendek		4,000,000	10,000,000	56,908	
Amanah/Deposit					
Belanja manfaat hasil wakaf tertunda				60,000	
Jumlah Aset		133,282,000	110,886,500	29,373,516	273,542,016
Ekuiti dan Rizab					
LebihanTerkumpul		121,282,000	100,643,500	12,498,714	234,424,214
Dana Terhad				1,900,010	1,900,010
Dana TidakTerhad		12,000,000		11,700,000	23,700,000
Dana Endowmen					
Agihan Manfaat Terkumpul			243,000		243,000
Saham Wakaf				2,000,000	2,000,000
Rizab penilaian semula aset					
Rizab pertukaran matawang asing				(47,619)	(47,619)
Rizab Ghallah				127,411	127,411
Rizab Modal				115,000	115,000
Lebihan nilai istibdal				20,000	20,000

Liabiliti Semasa					
Akaun Belum Bayar (Pemiutang)			10,000,000		10,000,000
Manfaat pekerja yang belum dibayar (jangka pendek)					
Manfaat hasil wakaf yang belum dibayar				60,000	60,000
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman Jangka Panjang				1,000,000	1,000,000
Manfaat Pekerja (jangka panjang)					
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		133,282,000	110,886,500	29,373,516	273,542,016

Jadual B: Ilustrasi Penyata Kewangan Ghallah

	RM		Nota
	2018	2019	
Lebihan / (defisit) untuk tempoh (seperti yang digambarkan dalam Penyata Aktiviti Kewangan)	7,050,300	5,708,825	
<i>Tolak: Terimaan wakaf tunai</i>	(7,000,000)	(5,000,000)	
Lebihan Bersih	50,300	708,825	
<i>Tambah:</i>			
Kerugian nilai saksama	0	50,000	
Keuntungan nilai saksama, akrual pendapatan dan penambahan nilai aset atau penurunan nilai liabiliti lain yang diiktiraf sebelumnya- kini direalisasikan dalam bentuk tunai dan kesetaraan tunai	-	-	
Pindahan dari rizab	100,000	0	
<i>Tolak:</i>			
Keuntungan nilai saksama, akrual pendapatan (bersih dari caj rosotnilai) dan penambahan nilai aset atau penurunan nilai liabiliti lain yang tidak boleh diagihkan sebagai Ghallah	0	(500,000)	1
Kerugian nilai saksama yang diiktiraf sebelumnya - kini direalisasikan berbanding tunai dan kesetaraan tunai			
Ghallah berkaitan ekuiti Wakaf (akan dinyatakan sebagai simpanan)	(70,503)	(57,088)	2
<i>Tambah: Baki mula bagi Ghallah yang tidak diperuntukkan</i>	0	44,797	
Jumlah Ghallah yang boleh diagihkan		217,037	
<u>TOLAK:</u>			
MANFAAT YANG DIAGIHKAN / DIPERUNTUKKAN SEBAGAI LIABILITI (<i>Payable</i>)			
i. pengagihan langsung kepada penerima (untuk diklasifikasikan dan dibentangkan mengikut sifat operasi institusi Wakaf dan syarat pewaqif);	20,000	30,000	
ii. penggunaan untuk program sendiri dan pindahan lain ke Penyata Aktiviti Kewangan (seperti pindahan ke PAK);		-	
iii. penggunaan untuk perolehan aset - dalam bentuk rizab modal;	15,000	100,000	
iv. pelarasan sampingan yang lain		-	
v. Baki mula manfaat yang belum dibayar (direkodkan sebagai liabiliti)	0	0	4
<i>Tolak:</i> Baki akhir manfaat yang belum dibayar (direkodkan sebagai liabiliti)	0	(60,000)	
BAKI AKHIR GHALLAH YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN	44,797	176,534	

Nota:

1. Jumlah ini adalah berkaitan dengan bangunan yang dibeli oleh MAIN ABC di Kaherah, Mesir. Pada 31 Disember 2019, nilai semasa bangunan tersebut telah meningkat sebanyak EP840,000. Kadar tukaran matawang asing pada tarikh tersebut adalah RM1=EP4.2. Oleh itu, kenaikan nilai saksama pada 31 Disember 2019 yang direkodkan di dalam Penyata Aktiviti Kewangan adalah sebanyak RM200,000 (EP840,000 /4.2)
2. Lebihan bagi tahun semasa berakhir 31 Disember 2019 sebanyak RM5,708,825 x 1% = RM56,908
3. Berkaitan bangunan di Mesir dan berkaitan dengan Nota 1. Nilai bawaan bagi bangunan tersebut adalah RM1,200,000 (EP4,000,000/4 + RM200,000 seperti di Nota 1). Nilai semasa bangunan tersebut adalah EP4,840,000. Nilai tukaran matawang semasa adalah RM1 = EP4.2. Oleh itu nilai semasa bangunan tersebut adalah RM1,152,381 (EP4,840,000 / 4.2). Oleh itu terdapat kerugian di dalam terjemahan matawang asing sebanyak RM47,619.
4. RM500 x 10 orang pelajar x 12 bulan =RM60,000

**Penyata Perubahan Ekuiti Wakaf
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019**

	RM	
	2018	2019
Baki Ekuiti pada 1 Januari 2019	0	10,174,797
Tambah:		
Pertambahan Aset Wakaf pada tahun semasa	3,210,000	10,400,000
Istibdal Aset Wakaf	0	170,000
Lebihan Hasil Wakaf pada tahun semasa	7,050,300	5,690,825
Tolak Pengurangan Aset Wakaf untuk Istibdal	0	150,000
+/-:		
Rizab penilaian semasa aset wakaf		
Rizab Ghallah	(70,503)	(56,908)
Rizab Modal	(15,000)	(100,000)
Lebihan nilai istibdal	0	(20,000)
Baki Ekuiti pada 31 Disember 2019	10,174,797	26,108,714

Nota Tambahan kepada Akaun

Keputusan Fatwa yang Berkaitan

1. Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat Dan Sumber Pengurusan Pembiayaannya.

Menurut Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

JADUAL/SCHEDULE HUKUM AGIHAN ZAKAT DALAM BENTUK MANFAAT DAN SUMBER PEMBIAYAAN PENGURUSANNYA

1. Dana zakat harus diagihkan kepada mana-mana asnaf dalam bentuk agihan secara manfaat.
2. Kos pengurusan agihan zakat secara manfaat seperti kos keperluan pentadbiran dan pengurusan, sumber manusia dan keperluan peralatan asasi yang munasabah boleh dibiayai melalui dana zakat.
3. Sumber pembiayaan kos-kos agihan zakat secara manfaat hendaklah diambil berdasarkan kepada dana asnaf tersebut diagihkan.

Sebagai contoh:

(i) Pembinaan asrama anak yatim Baitul Hasanah yang dibina untuk manfaat anak-anak yatim fakir miskin dengan menggunakan dana asnaf fakir dan miskin. Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolument kakitangan, emolument tenaga pengajar dan segala keperluan asas asrama tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf fakir dan miskin.

(ii) Pembinaan pusat perlindungan Baitul Iman dan Baitul Ehsan yang dibina dan dibiayai melalui dana asnaf Al-Riqab. Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolument kakitangan, emolument tenaga pengajar dan segala keperluan asas pusat perlindungan tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf Al-Riqab.

(iii) Pewujudan Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menguruskan hal ehwal dan kebajikan asnaf mualaf. Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolument kakitangan, emolument tenaga pengajar kelas-kelas dan kursus mualaf dan segala keperluan asas bahagian tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf mualaf.

Bertarikh 2 Februari 2012 Dated 2 February 2012

[MAIS/SU/BUU/02/016/171; P.U. Sel. AGM. 0007 Jld. 3]

Pihak Berkaitan

Berikut adalah butiran mengenai pihak berkaitan MAIN.

Pihak yang berkaitan dengan MAIN ini adalah Kakitangan Pengurusan Utama (KPU) dan juga anak syarikat, iaitu Syarikat Pertanian PQR Sdn. Bhd., yang merupakan anak syarikat milik 100%. MAIN ini tidak mempunyai pihak berkaitan yang lain.

Identiti dan Transaksi dengan Kakitangan Pengurusan Utama (KPU)

Para Pengarah di Lembaga MAIN adalah:

Nama Pengarah	Jawatan dalam Lembaga
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

Para Pengarah yang merupakan ahli keluarga diraja Negeri, atau memegang jawatan politik atau kerajaan adalah: Tan Sri Aaa Bbb (jawatan); Datuk Ccc Ddd (jawatan); Datuk Dr. Eee Fff (jawatan).

Jumlah bilangan 5 orang ahli Lembaga Pengarah telah menerima jumlah honorarium sebanyak RM XX bagi tahun kewangan 2020 dan tidak menerima sebarang saraan lain untuk perlantikan sebagai ahli Lembaga Pengarah MAIN ini. Selain daripada itu, 7 Pengarah Pengurusan menerima gaji sebanyak RM XXX dan manfaat yang berjumlah RM XXX bagi tahun kewangan 2020.

Walaupun pinjaman bebas faedah diberikan kepada pekerja-pekerja MAIN, Lembaga Pengarah dan Pengarah Pengurusan lain tidak menerima sebarang pinjaman dari MAIN.

Tiada urusan niaga lain di antara MAIN dan kakitangan pengurusan utamanya.

Transaksi dengan Anak Syarikat

Sebanyak RM 1,000,000 dilaburkan dalam Syarikat Pertanian PQR Sdn. Bhd. Setakat ini, tiada pinjaman kepada anak syarikat.

Tiada urusan niaga lain antara syarikat dan MAIN.

Baki Dana Zakat

Baki sebenar dalam akaun Zakat pada 31 Disember 2019 adalah RM 55 juta. Walau bagaimanapun, RM 40 juta yang akan diagihkan sebelum akaun disetujui untuk disebarikan dianggap sebagai peristiwa selepas tarikh penyata kewangan mengikut MPSAS 14 dan telah diambilkira dalam penyata kewangan tersebut. Baki sebanyak RM 15 juta yang ditunjukkan pada kunci kira-kira pada 31 Disember 2019 ialah jumlah yang akan diagihkan dalam tahun 2020, setelah penyata kewangan diluluskan untuk disebarikan.